Junior Satu Jilid Kedua

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawantankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Sesuai Untuk Peringkat Junior

Bahasa Malaysia

Junior Satu Jilid Kedua

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersama,
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel :603-87362337
Fax:603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Swan Printing Sdn Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama April 2007

Cetakan:
Cetakan kelimabelas Ogos 2020

PRAKATA

Buku Teks Bahasa Malaysia peringkat Junior ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia Tahun 2002.

Buku teks peringkat Junior ini dibahagikan kepada enam jilid. Terdapat dua jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Setiap jilid buku teks mengandungi tujuh unit.

Sebagai satu pakej, siri buku ini dilengkapi dengan bahan-bahan pengajaran lain yang dirakam dalam cakera padat. Ini bertujuan membolehkan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Matlamat kandungan buku teks Junior ini bertujuan untuk mempertingkat penguasaan dan pemahaman pelajar dalam Bahasa Malaysia dalam kalangan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina. Kandungan bagi setiap pelajaran dirancang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, keempat-empat kemahiran utama, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membaca, Kemahiran Bertutur, dan Kemahiran Menulis diberi penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat tercapai.

Di samping itu, penulisan buku teks peringkat Junior juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia mutakhir dan diterap melalui pendekatan yang berunsurkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterap melalui tema-tema tersebut. Semoga siri teks ini akan meningkatkan pencapaian bahasa pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Khadijah Hashim, dan Penerbit Muzik EMI kerana mengizinkan kami menggunakan bahan terbitan mereka dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.

Sidang Pengarang Junior Satu Jilid Pertama:

Penasihat:

Mendiang Lew Teck Onn
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo
Goh Hin San
Yang Quee Yee

Editor-editor Kanan:

Chong Yok Fong
Kek Goon Huay
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Yusoff Bin Che Ibrahim
Ng Siew Kuan
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Teo Hooi Ming
Wong Kwong Hui
Yip Yoke Chew

Editor:

Lee Bee Kean

Penyelaras Editor:

Chia Chey Siong

Reka Bentuk Grafik:

Lin Graphic

Reka Bentuk Kulit:

Leong Chooi Fong

Ilustrasi:

Ngan Geok Fern

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 8 PEMANDANGAN DI DESA

Membaca dan Memahami
- Tempat Tinggal Saya 2

Mendengar dan Bertutur 7

Menulis
- Bina Ayat 8
- Melengkapkan Teks 9
- Tanda Baca 10

Tatabahasa
- Kata Adjektif 15
- Imbuhan Awalan meN- 20

Teknik Pembelajaran
- Membuat Nota Ringkas Melakar Nota Dan Catatan 26

Bahagian Sastera
- Memperkenalkan Puisi Tradisional - Syair 27

UNIT 9 KEJUJURAN

Membaca dan Memahami
- Hadiah Natal Untuk Orang Jujur 32

Mendengar dan Bertutur 36

Menulis
- Penulisan Esei Berpadukan Gambar 37
- Permainan Bahasa - Silang Kata 38
- Pepatah 39

Tatabahasa
- Kata Adjektif 40
- Imbuhan Awalan beR- 43
- Ayat Penyata 46

Teknik Pembelajaran
- Manfaat Menggunakan Kamus 49
- Manfaat Membuat Nota 51

Bahagian Sastera
- Syair Menyambut Pelajaran 53



UNIT 10 MENGHORMATI IBU BAPA DAN ORANG TUA

Membaca dan Memahami
- Melahirkan Generasi Berbudi Bahasa 58

Mendengar dan Bertutur 65

Menulis
- Surat Kiriman Tidak Rasmi 69
- Bina Perenggan 69

Tatabahasa
- Kata Tanya 70
- Ayat Tanya 72
- Imbuhan Awalan teR- 75

Teknik Pembelajaran
- Surat Kiriman Tidak Rasmi 79

Bahagian Sastera
- Memperkenalkan Puisi Moden - Sajak 84

UNIT 11 KETEKUNAN

Membaca dan Memahami
- Kejayaan Seorang Pelajar Sekolah Menengah 90
- Mendengar dan Bertutur 95

Menulis
- Karangan Jenis Dialog 99
- Melengkapkan Teks 100
- Peribahasa - Perumpamaan 102

Tatabahasa
- Kata Perintah 106
- Imbuhan se- 109
- Imbuhan di- 112
- Imbuhan ke- 116

Teknik Pembelajaran
- Persediaan Mengarang 118
- Mula Mengarang 120

Bahagian Sastera
- Sajak: Tekun 121

UNIT 12 NEGARAKU MALAYSIA

Membaca dan Memahami

Kedudukan Malaysia Di Asia Tenggara 126

Mendengar dan Bertutur 131

Menulis

Mengarang Berdasarkan Peta 134

Menyusun Ayat 135

Tatabahasa

Kata Seru 137

Ayat Seruan 139

Imbuhan peR- dan peN- 142

Teknik Pembelajaran

Membina Perenggan Karangan 147

Contoh Karangan Jenis Pendapat 148

Bahagian Sastera

Sajak: Negeri Cinta 153

Kedudukan Malaysia di Asia Tenggara

UNIT 13 TOKOH BAHASA MELAYU

Membaca dan Memahami

Munsyi Abdullah 158

Mendengar dan Bertutur 162

Menulis

Karangan Jenis Cerita 164

Peribahasa - Perumpamaan 165

Tatabahasa

Kata Adjektif 166

Ayat Tunggal 169

Teknik Pembelajaran

Memahami Kehendak Kerangan 178

Karangan Jenis Cerita 179

Karangan Gambaran/Keperihalan 180

Karangan Jenis Khayalan/Imaginasi 181

Bahagian Sastera

Cerpen: Remaja 182

UNIT 14 PERAYAAN DI MALAYSIA

Membaca dan Memahami

Hari Raya Aidilfitri 194

Mendengar dan Bertutur 200

Menulis

Surat Kiriman Tidak Rasmi 202

Tatabahasa

Imbuhan Awalan memperR- 202

Penjodoh Bilangan 204

Teknik Pembelajaran

Pelan 206

ULANG KAJI B 207



PEMANDANGAN DI DESA

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Tempat Tinggal Saya

Saya tinggal di sebuah kampung yang bernama Kampung Che Bongsu di Mukim Kubang Pasu, Negeri Kedah. Bilangan penduduk kampung ini dianggar lebih kurang lima ribu orang. Majoriti penduduk di sini terdiri daripada orang Melayu dan selebihnya orang Cina.

Prasarana[1] yang disediakan di desa ini masih di peringkat awal kemajuan. Di sini, disediakan jalan bertar, bekalan air paip dan elektrik, sebuah klinik kerajaan, dan dua buah kedai runcit. Kemudahan pendidikan untuk anak desa turut diutamakan dengan terbinanya sebuah sekolah kebangsaan dan sebuah masjid.



Sejumlah besar daripada orang Melayu bertani iaitu menanam padi, pisang, jagung, dan tembakau sebagai mata pencarian[2]. Selain itu, mereka menoreh getah serta mengusahakan dusun yang ditanami pokok durian, langsat, manggis, rambutan, dan petai di sekitar lereng Bukit Tunjang. Orang Cina

Kosa kata

1. **prasarana:** kemudahan asas dan perkhidmatan yang perlu untuk memajukan kehidupan rakyat 基本设施[jī běn shè shī]
2. **mata pencarian:** pekerjaan yang dilakukan untuk mendapatkan sara hidup 生计[shēng jì]
3. **panorama:** pemandangan yang luas terbentang dan tidak terhalang 全景[quán jǐng]
4. **flora:** keseluruhan tumbuhan semula jadi yang terdapat di sesuatu daerah 植物[zhí wù]
5. **fajar:** cahaya kemerah-merahan di langit sebelah timur pada waktu awal pagi 黎明 [lí míng]

berniaga di kedai runcit, berjual, dan membaiki basikal serta bercucuk tanam sayur-sayuran.

Keaslian panorama[3] desa masih terpelihara. Flora[4] yang menghijau sepanjang musim menghiasi persekitaran bukit. Rumah-rumah penduduk berselang-selang dengan pepohon nyiur yang melambai-lambai. Cahaya fajar[5] kemerah-merahan di langit timur. Cahaya ini ditemani oleh kabus[6] lembut menyelubungi[7] kemuncak Bukit Tunjang. Pada waktu siang, pokok-pokok padi yang menguning kelihatan berliang-liuk[8] dipuput[9] oleh angin.

Sebelum mesin penuai digunakan dalam bidang persawahan, para pesawah menggunakan tenggala[10] yang ditarik oleh seekor kerbau untuk menggemburkan[11] tanah sawah. Mereka juga menggunakan 'kuku kambing' untuk menanam anak-anak pokok padi di petak-petak sawah yang digenangi[12] air. Kebiasaannya kerja membanting dan meleraikan[13] padi daripada tangkainya ke dalam kepuk[14] dilaksanakan oleh kaum lelaki.

Kosa kata

6. **kabus:**
   wap air seperti asap yang berada berhampiran dengan permukaan bumi pada waktu awal pagi 雾[wù]
7. **menyelubungi:**
   menyelaputi, meliputi
   笼罩[lóng zhào]
8. **berliang-liuk:**
   bergerak-gerak ke kanan dan ke kiri ketika ditiup oleh angin
   摇摇摆摆[yáo yao bǎi bai]
9. **dipuput:**
   ditiup 被…吹[bèi...chuī]
10. **tenggala:**
    bajak, luku 犁[lí]
11. **menggemburkan:**
    menggali tanah supaya menjadi lembut
    翻松[fān sōng]
12. **digenangi:**
    dipenuhi oleh air
    被水浸淹[bèi shuǐ jìn yān]
13. **meleraikan:**
    menanggalkan, memisahkan
    分开[fēn kāi]
14. **kepuk:**
    tempat menyimpan padi
    藏米谷用的桶
    [cáng mǐ gǔ yòng de tòng]

Kemudian, padi itu dijemur sebelum ditumbuk dengan menggunakan 'lesung hindik' oleh kaum wanita untuk mengasingkan kulit padi bagi mendapatkan beras. Padi yang tidak ditumbuk akan disimpan di dalam jelapang yang didirikan di tepi rumah.



lesung hindik

Begitulah sedikit sebanyak kerja penanaman padi dan penuaian padi di kampung saya sebelum cara moden menggunakan mesin penuai dilaksanakan.

KEFAHAMAN

(A) Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Dari manakah pengarang berasal?
   A. Perlis B. Selangor C. Kelantan D. Kedah

2. Apakah pekerjaan utama bagi penduduk Melayu di Kampung Che Bongsu?
   A. berniaga B. berternak
   C. berkebun D. berburu

3. Yang manakah prasarana berikut yang tidak terdapat di Kampung Che Bongsu?
   A. perpustakaan B. klinik
   C. sekolah D. masjid

4. Sebelum teknologi moden diperkenalkan, bagaimanakah penduduk kampung mengusahakan sawah?
   A. Penduduk kampung menggunakan 'lesung hindik' untuk menanam anak-anak pokok padi.
   B. Penduduk kampung menggunakan tenggala yang ditarik oleh kerbau untuk menggemburkan tanah sawah.
   C. Penduduk kampung menggunakan tenaga manusia untuk membalikkan tanah sawah.
   D. Penduduk kampung tidak melakukan apa-apa, sebaliknya hanya berserah kepada kejadian alam semula jadi.

5. Antara yang berikut yang manakah bukan alat bersawah padi?
   A. kuku kambing B. tenggala C. lesung hindik D. tempayan

B. Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Apakah kegunaan 'kuku kambing' dan 'lesung hindik' kepada para pesawah di Kampung Che Bongsu?
2. Selepas padi dituai, apakah aktiviti yang dilakukan oleh para pesawah?
3. Di manakah padi yang tidak ditumbuk itu disimpan?
4. Pada pendapat anda, apakah kegunaan klinik kerajaan yang terdapat di Kampung Che Bongsu?
5. Adakah anda suka tinggal di kampung? Berikan alasan anda.

C. Isi tempat-tempat kosong di bawah dengan perkataan-perkataan yang diberikan.



1. Pada musim kemarau, budak-budak kampung gemar bermain _____ sewaktu angin bertiup kencang.
2. Orang-orang kampung _____ titi yang diperbuat daripada batang-batang pinang untuk _____ sungai.
3. Burung-burung _____ gemar makan buah padi.
4. Kebanyakan pesawah _____ motosikal atau basikal untuk membawa guni-guni yang _____ padi ke tepi jalan raya.
5. Mak Timah membeli barang-barang _____ dapur di kedai _____ Ah Meng.

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

mengusahakan: me + ngu + sa + ha + kan	menyelubungi: me + nye + lu + bu + ngi
menguning: me + ngu + ning	membalikkan: mem + ba + lik + kan
pengambilan: pe + ngam + bi + lan	menghiasi: meng + hi + a + si
meleraikan: me + le + rai + kan	keaslian: ke + as + li + an
menggemburkan: meng + gem + bur + kan	nyiur: nyi + ur

MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Lakarkan atau lukiskan tempat tinggal anda dengan menamakan objek-objek yang terdapat di tempat tinggal anda. Seterusnya anda dikehendaki menerangkan persekitaran tempat tinggal anda kepada rakan-rakan anda.

2. Dengan pertolongan kawan, lakonkan gaya berikut:
   a) kaum wanita menggunakan 'lesung hindik' untuk mengasingkan kulit padi bagi mendapatkan beras
   b) kaum lelaki bekerja 'membanting padi' di sawah

3. Dengar lagu berikut dengan teliti, kemudian isi tempat kosong di bawah berpandukan lagu yang dimainkan.

   Tajuk: Balik Kampung-Sudirman

   Perjalanan jauh tak kurasa
   kerana hatiku _____ sama
   ingin berjumpa sanak saudara
   yang selalu _____ di mata.

   Nun menghijau gunung ladang dan _____
   langit yang tinggi bertambah birunya
   deru _____ turut sama berlagu
   semuanya bagaikan turut _____ .

   O-ho-ho…balik kampung…
   o-ho-ho…_____…
   o-ho-ho…balik kampung…
   hati girang.

   _____ wajah-wajah yang kusayang
   satu-satu tersemat di kalbu
   pasti terubat _____ di hati
   menyambut kepulangan kunanti.

1. Bina Ayat

Bina ayat dengan menggunakan perkataan-perkataan di bawah yang menujukkan cara membawa sesuatu barang. Gunakan kamus anda untuk melihat erti perkataan-perkataan di bawah ini.

2. Melengkapkan Teks

Baca petikan surat kiriman tidak rasmi dengan teliti di bawah ini. Isi tempat-tempat kosong dengan perkataan-perkataan yang sesuai.

16, Jalan Melati,
05150 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

28 Jun 2006.

Menemui sahabatku, Kamariah yang kini berada di Taiping, Perak. Ketika saya menulis surat ini, saya berada dalam keadaan sihat. Saya berdoa semoga saudari sekeluarga juga berada dalam keadaan sihat.

Saudari,

Terima kasih atas _____ saudari menulis surat kepada saya. Untuk menjawab pertanyaan saudari _____ sambutan Hari Guru di sekolah saya sambutannya sungguh _____ pada tahun ini. Pelbagai acara diadakan, baik persembahan di dewan mahupun aktiviti sukaneka di padang.

Acara dimulakan pada pukul 8.00 pagi di dewan sekolah. Majlis bermula dengan ucapan Ketua Pelajar, diikuti oleh ucapan Pengetua, dan guru-guru. Kemudian, guru-guru _____ lagu Guru Malaysia dan lagu tema perayaan Hari Guru iaitu, 'Guru Berkualiti Pemangkin Kegemilangan'.

Selepas majlis perhimpunan itu, acara sukaneka diadakan di padang sekolah. Guru-guru dan beberapa orang pelajar _____ bahagian. Antara acara yang diadakan _____ permainan berlari di dalam guni, berjalan menggunakan terompah gergasi, dan permainan bola sepak enam _____.

Lebih kurang pada pukul 11.30 pagi, acara diteruskan dengan persembahan kebudayaan di dewan sekolah. Guru-guru menunjukkan _____ bernyanyi, menari, dan bermain silap mata. Kami berasa terhibur oleh persembahan guru-guru.

Demikianlah serba sedikit tentang sambutan Hari Guru di sekolah saya. _____ ada kelapangan, saya akan menulis surat lagi kepada saudari. Saya _____ surat ini dengan ucapan terima kasih.

Sahabatmu,
Hasnidah

3. Tanda Baca

Dalam Unit Dua kita sudah belajar sebahagian tanda baca, sekarang kita akan belajar yang selebihnya. Antaranya:

A. Tanda Titik Bertindih (:)

Penggunaan	Contoh
(a) digunakan pada akhir satu pernyataan yang diikuti oleh penjelasan	➢ Tajuk Forum: Percintaan dalam kalangan remaja mendatangkan kebaikan. ➢ Tarikh: 3 Mac 2006.
(b) digunakan untuk memisahkan watak dengan dialog	➢ Khairiah: Emak, saya hendak keluar sekejap. Emak: Berhati-hati, jangan lewat sangat.

B. Tanda Koma Bertitik (;)

Penggunaan	Contoh
(a) memisahkan ayat-ayat sejenis dan setara	➢ Hari sudah lewat malam; ayah masih belum pulang dari laut. ➢ Musim buah sudah tiba; para pekebun sibuk mengutip hasil.
(b) menggantikan kata hubung atau menandakan tempat berhenti yang lebih tegas	➢ Keadaan sesi persekolahan baharu kelihatan meriah; ibu bapa sibuk membayar yuran sekolah; murid-murid tahun satu pula berjalan-jalan untuk mengelilingi kawasan sekolah.

C. Tanda Garis Condong (/)

Penggunaan	Contoh
(a) sebagai pengganti kata 'atau'	➢ Negeri Sabah/Negeri Di Bawah Bayu terkenal dengan pulau-pulau yang indah. ➢ Kita akan menyambut Hari Raya Haji/Hari Raya Korban tidak lama lagi.
(b) digunakan dalam penomboran rujukan surat atau alamat	➢ Alamat sementara saya ialah 15B-2, Jalan 18/14, Taman Sri Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

D. Tanda Kurung ( )

Penggunaan	Contoh
(a) untuk mengasingkan perkataan atau ayat tertentu yang merupakan tambahan keterangan atau penjelasan	➢ Tandakan pangkah (X) bagi jawapan anda. ➢ Mesyuarat akan diadakan pada 28 Mac 2006 (Hari Selasa) pukul 2.30 petang.
(b) untuk mengasingkan nombor atau huruf bagi sesuatu siri keterangan	➢ Senarai sekolah yang terlibat dalam pertandingan ini ialah; (i) Sekolah Persendirian Cina Poi Lam. (ii) Sekolah Persendirian Cina Kai Dee. (iii) Sekolah Persendirian Cina Chung Hwa.

E. Tanda Sempang (-)

Penggunaan	Contoh
(a) digunakan untuk menulis Kata Ganda	➢ Akhlak pemuda-pemudi sekarang amat rendah. ➢ Kuih-muih yang dijual di gerai itu sedap.
(b) digunakan untuk memisahkan angka daripada huruf	➢ Hari ini, saya menyambut hari jadi yang ke-13.

(c) digunakan untuk memisahkan huruf kecil daripada huruf besar	➢ Tuhan, berikan petunjuk-Mu untuk aku meneruskan kehidupanku. ➢ Semasa peperangan dunia kedua, kebanyakan rakyat kita bersikap anti-Jepun.

LATIHAN

A. Gunakan tanda baca yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. pancaran X boleh merosakkan sel badan kita
2. maklumat maklumat berkenaan dengan mesyuarat agung adalah seperti di bawah

   tempat bilik mesyuarat 302
   tarikh 24 april 2006 (hari Isnin)
   masa jam 2.30 petang hingga 5.30 petang

3. sebelum meraikan hari raya puasa hari raya aidilfitri umat islam hendaklah berpuasa selama sebulan
4. datuk ismail seorang peniaga yang berjaya berpengaruh dan dihormati ramai
5. pada 5 mac 2006 hari Ahad saya dan keluarga saya pergi ke pulau redang kali ini merupakan kali ke 2 saya pergi ke sana pemandangan di sana sangat indah udara nyaman dan air lautnya jernih pulau redang memang merupakan tempat pelancongan yang menarik

LATIHAN

B. Gunakan tanda baca pada bahagian-bahagian ayat di bawah ini dengan betul. Anda hendaklah menyalin ayat-ayat di bawah semula berserta jawapan anda.

1. kasim berkata kepada ali tolong belikan saya ubat gigi sabun dan bedak jika kamu pergi ke pasar raya city point
2. aduh sakitnya gigiku kata low kim han kepada ibunya
3. yazid sedang membaca sebuah novel yang bertajuk hujan pagi yang baru dibelinya pada hari ahad yang lalu
4. keluarga puan mariah berpindah ke kuala lumpur kira-kira empat bulan yang lalu iaitu pada bulan ogos yang lepas
5. hashim kasihan melihat keadaan peminta sedekah yang berpakaian compang camping di jalan tun ismail kuala lumpur
6. antara barang yang dibawa oleh wan chun hoe ialah makanan di dalam tin pisau lipat dan kain selimut
7. benar akulah yang menyelamatkan budak itu daripada mati lemas kata majid kepada rakannya zainol
8. wah bukan main banyaknya orang datang kata ayah
9. apa khabar pak long mengapakah pak long sudah lama tidak datang ke rumah saya tanya aziz
10. setelah membuang sampah ke dalam tong ibu pun masuk ke dalam bilik air untuk membasuh baju kami yang kotor

TATABAHASA

1. Kata Adjektif

Penerapan Konsep:

a. Kata Adjektif merupakan kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu Kata Nama.

b. Kata Adjektif boleh dibubuh dengan imbuhan ter- yang membawa maksud paling.

Contoh: terdekat, tertinggi, terbaik

c. Kata Adjektif boleh disertai Kata Penguat Depan seperti agak, begitu, lebih, paling, demikian, dan terlalu.

Contoh: begitu jelas, paling bijak, lebih tinggi

d. Kata Adjektif disertai Kata Penguat Belakang seperti betul, benar, nian, dan sekali.

Contoh: pandai sekali, hodoh benar, rajin betul, indah nian

e. Kata Adjektif disertai Kata Penguat Bebas seperti sangat, amat, dan sungguh.

Contoh: amat cantik atau cantik amat
sangat bahaya atau bahaya sangat
sungguh cerdik atau cerdik sungguh

Berdasarkan kriteria makna, Kata Adjektif dapat dibahagikan kepada sembilan jenis, seperti yang berikut:

i. Kata Adjektif sifatan atau keadaan
ii. Kata Adjektif warna
iii. Kata Adjektif ukuran
iv. Kata Adjektif bentuk
v. Kata Adjektif waktu
vi. Kata Adjektif jarak
vii. Kata Adjektif cara
viii. Kata Adjektif perasaan
ix. Kata Adjektif pancaindera

Para pelajar akan belajar tiga jenis Kata Adjektif dalam unit ini, iaitu;

i. Kata Adjektif Sifatan atau Keadaan
ii. Kata Adjektif Warna
iii. Kata Adjektif Ukuran

A. Kata Adjektif Sifatan atau Keadaan

Kata Adjektif jenis ini terdiri daripada perkataan-perkataan yang memberikan pengertian sifatan atau keadaan sesuatu sebagai unsur penerang nama.

Contoh

Contoh penggunaannya dalam ayat:

1. Budak **baik** selalu dipuji.
2. Pemuda **jahat** itu telah ditangkap oleh polis.
3. Suri rumah tangga yang **cerdik** sukar ditipu oleh peniaga.
4. Badan Ahmad masih **lemah** setelah dia berjaya mendaki gunung itu.
5. Penduduk di kawasan perumahan itu amat **takut** akan anjing garang itu.

B. Kata Adjektif Warna

Kata Adjektif jenis ini terdiri daripada perkataan yang memberikan pengertian warna sebagai unsur penerang.

Contoh



Contoh penggunaannya dalam ayat:



1. Hari ini Kumar memakai baju **merah**.
2. Kain **putih** cepat kotor.
3. Warna **biru** kegemaran kakak saya.
4. Daun-daun **hijau** pada pohon itu dapat menenangkan fikiran ayah.
5. Tengah hari itu, Sarjit memakai cermin mata **hitam**.

C. Kata Adjektif Ukuran

Kata Adjektif Ukuran ialah jenis perkataan yang memberikan pengertian ukuran sebagai unsur penerang.

Contoh



Contoh penggunaannya dalam ayat:

1. Jambatan panjang itu kelihatan cantik pada waktu senja.
2. Lidy membuang pensel pendek itu ke dalam tong sampah.
3. Bilik di asrama sekolah itu kecil.

4. Lukanya dibalut dengan kain nipis.
5. Pendaki-pendaki gunung itu memakai baju tebal kerana cuaca sejuk.

LATIHAN

A. Gariskan Kata Adjektif Keadaan, Kata Adjektif Warna, dan Kata Adjektif Ukuran yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah dan nyatakan jenis Kata Adjektif tersebut. Gunakan kamus jika anda memerlukannya.



1. Pelajar itu gopoh dalam menjawab soalan-soalan Matematik itu.
2. Warna pakaian seragam pasukan muzik itu jingga.
3. Kertas pasir itu cukup kasar.
4. Puan Rohani menjahit baju anaknya yang kerdil itu.
5. Sudin lemah dalam mata pelajaran Sains.
6. Rosdi dan Ah Meng singgah bermalam di rumah besar kepunyaan kawan mereka.
7. Anak Encik Kamarul masih belajar di sekolah rendah.
8. Dua orang askar itu sungguh berani menentang musuh.

B. Pilih Kata Adjektif yang paling sesuai bagi ayat-ayat di bawah.

1. Harimau dan singa ialah binatang _____.
   A. buas B. garang C. licik D. manja
2. Jasa ibu _____ sekali.
   A. penting B. agung C. mulia D. tinggi
3. Encik Kasim memarahi anaknya kerana pencapaian anaknya dalam pelajaran masih _____
   A. lebam B. lembap C. lambat D. lemau

4. Ibu Sarjit jatuh tergelincir kerana lantai simen itu _____.
   A. basah B. bacak
   C. lecah D. licin

5. Baju yang dipakai oleh Ramzi tidak tebal tetapi _____.
   A. dangkal B. longgar C. ketat D. jarang
6. Gadis itu mewarnai rambutnya dengan warna _____.
   A. ceria B. perang C. suci D. jernih
7. Ayahnya kelihatan semakin _____ setelah dirawat oleh doktor.
   A. pulih B. lesu C. gering D. tenat
8. "Kalau umur _____, kita akan berjumpa lagi," kata Swee Lan kepada Rokiah.
   A. lanjut B. lama C. panajng D. kekal

2. Imbuhan Awalan meN-

Awalan meN- ialah awalan yang membentuk Kata Kerja Aktif, sama ada transitif atau tak transitif. Awalan ini mempunyai lima bentuk kelainan dari segi ejaannya bergantung pada huruf pertama Kata Dasar yang bercantum dengannya, iaitu me-, mem-, men-, meng-, dan menge-.



A) meN- menjadi me-, apabila bergabung dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf-huruf m, n, ny, ng, r, l, dan w.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
masak	me + masak	memasak
nanti	me + nanti	menanti
nganga	me + nganga	menganga
lawan	me + lawan	melawan
nyala	me + nyala	menyala
rayu	me + rayu	merayu
wangi	me + wangi	mewangi



Kata Dasar yang bermula dengan huruf p, t, k, dan s akan mengalami proses pengguguran apabila diimbuhkan awalan meN-.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
pesan	me + pesan	memesan
tetap	me + tetap	menetap
karang	me + karang	mengarang
salin	me + salin	menyalin
pukul	me + pukul	memukul
tari	me + tari	menari
kaji	me + kaji	mengaji
sinar	me + sinar	menyinar

B) meN- menjadi mem- apabila diimbuhkan pada Kata Dasar yang bermula dengan huruf b dan perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf f, v, b, dan p.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
beri	mem + beri	memberi
bilas	mem + bilas	membilas
fitnah	mem + fitnah	memfitnah
blok	mem + blok	memblok
bantu	mem + bantu	membantu
veto	mem + veto	memveto
proses	mem + proses	memproses
brek	mem + brek	membrek

C) meN- menjadi men- apabila ditambah pada Kata Dasar yang bermula dengan huruf d, c, j, sy, dan z, serta perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf t dan s.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
deru	men + deru	menderu
duga	men + duga	menduga
cuci	men + cuci	mencuci
jaja	men + jaja	menjaja
zeroks	men + zeroks	menzeroks
dayung	men + dayung	mendayung
cari	men + cari	mencari
jemur	men + jemur	menjemur

syampu	men + syampu	mensyampu
tafsir	men + tafsir	mentafsir
syelek	men + syelek	mensyelek

D) meN- menjadi meng- apabila digabungkan dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf-huruf g, kh, dan h (bunyi konsonan) dan a, e, i, o, dan u (bunyi vokal). Meng- juga hadir dengan perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf k.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
gali	meng + gali	menggali
heret	meng + heret	mengheret
undur	meng + undur	mengundur
ulang	meng + ulang	mengulang
khusus	meng + khusus	mengkhusus
hantar	meng + hantar	menghantar
ambil	meng + ambil	mengambil
alir	meng + alir	mengalir
elak	meng + elak	mengelak
olah	meng + olah	mengolah
ejek	meng + ejak	mengejek
ikut	meng + ikut	mengikut
kritik	meng + kritik	mengkritik

E) Awalan meN- menjadi menge- apabila ditambah pada Kata Dasar yang mempunyai hanya satu suku kata.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
cat	menge + cat	mengecat
sah	menge + sah	mengesah
tin	menge + tin	mengetin
bom	menge + bom	mengebom
pos	menge + pos	mengepos
lap	menge + lap	mengelap

Kekecualian:

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
brek	mem + brek	membrek
klip	meng + klip	mengklip



LATIHAN

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian isi tempat-tempat kosong berdasarkan perkataan yang diberikan dengan imbuhan meN- yang sesuai.

panjang ikut aum goreng timbun duda tikus iau rotan janda

Sewaktu Mak Limah _____ ikan tenggiri di dapur, Pak Din ke hutan untuk _____. Penduduk Kampung Cempaka memang mahir membuat pelbagai jenis barang untuk dijual, terutama bakul yang dibuat daripada rotan. Tidak rugilah Pak Din ke hutan seminggu sekali. Rohana, anak perempuan Pak Din yang sulung kini _____ kerana suaminya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Dia banyak menolong Mak Limah membuat kerusi malas daripada rotan. Dia selalu _____ ibunya untuk menjual barang-barang kraftangan di pasar tani.

Jamal, adik Rohana malas orangnya. Daun kering pohon durian yang berguguran dibiarkannya _____ di persimpangan jalan ke dusun ayahnya. Daun-daun kering itu tidak dibakarnya. Dia tidak takut akan kakak dan ibunya, tetapi apabila Pak Din berada di rumah, dia _____ sahaja. Pada waktu itu, apa-apa sahaja yang disuruh, dia akan melakukannya tanpa bantahan.

Di sekolah, Jamal selalu dimarahi oleh guru disiplin, kerana dia membiarkan kuku jari kelengkengnya _____. Sebaliknya, tabiat baik Jamal ialah dia sangat sayang akan kucing peliharaannya. Apabila kucingnya _____ kelaparan, dia segera memberi kucingnya nasi berlaukkan ikan goreng.

TEKNIK PEMBELAJARAN

Membuat Nota Ringkas. Melakar Nota dan Catatan

Lihat lakaran peristiwa kebakaran di bawah kemudian perhatikan nota ringkas yang telah dibuat.

Contoh

Arahan:

Lihat lakaran atau gambar kehidupan kerja harian seorang wanita di sebuah kampung. Kemudian buat nota ringkas tentangnya.

BAHAGIAN SASTERA

Memperkenalkan Puisi Tradisional – Syair

Syair juga merupakan salah satu puisi Melayu lama yang berangkap dan setiap rangkap mengandungi empat baris. Syair sering membawa makna isi yang berhubung dengan nasihat, pengajaran, agama dan sebagainya. Penyampaian syair adalah dilagukan.



Bentuk Syair

Secara umumnya, syair seperti pantun kerana suku kata untuk setiap baris menyamai bentuk pantun.

i. Syair mempunyai empat baris serangkap.

ii. Suku kata bagi setiap baris adalah lapan hingga 12.

iii. Rima akhir bagi setiap rangkap ialah a-a-a-a.

iv. Semua baris syair adalah maksud atau isi. Tidak ada bahagian pembayang bagi syair.

v. Isi atau maksud syair merupakan cerita.

Di sini diturunkan contoh sebuah syair untuk penerangan yang lebih lanjut.

Anakku sayang salahmu nyata,
dalam pelajaran bertutur kata,
duduk menulis kalam di lata,
pulang kepada sekalian pendeta.

} satu rangkap

Ciri-ciri syair di atas

1. Syair terdiri daripada empat baris serangkap.

   Anakku sayang salahmu nyata, (baris pertama)

   dalam pelajaran bertutur kata, (baris kedua)

   duduk menulis kalam di lata, (baris ketiga)

   pulang kepada sekalian pendeta. (baris keempat)

2. Jumlah suku kata bagi setiap baris adalah antara 10 hingga 12

   ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩
   A/nak/ku/ sa/yang/ sa/lah/mu/ nya/ta/,

   ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩ ⑪
   da/lam/ pe/la/ja/ran/ ber/tu/tur/ ka/ta/,

   ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩
   du/duk/ me/nu/lis/ ka/lam/ di/ la/ta,

   ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩ ⑪ ⑫
   pu/lang/ ke/pa/da/ se/ka/li/an/ pen/de/ta/.

3. Rima akhir ialah a-a-a-a

   Anakku sayang salahmu nya*ta*, (a)

   dalam pelajaran bertutur ka*ta*, (a)

   duduk menulis kalam di la*ta*, (a)

   pulang kepada sekalian pende*ta*. (a)

4. Semua baris syair adalah maksud.

Anakku sayang salahmu nyata,

dalam pelajaran bertutur kata,

duduk menulis kalam di lata,

pulang kepada sekalian pendeta.

Kamus Kaki

1. syair: sejenis karangan berangkap 马来古诗（沙意尔）

Cataract:

KEJUJURAN

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Hadiah Natal Untuk Orang Jujur

Tinggal sebulan lagi perayaan Hari Natal. Michael Mike ingin membeli barang-barang yang diperlukan untuk perayaan tersebut. Ketika dia memandu keretanya menyusuri pinggir selatan Kota Seattle, dia ternampak sebuah kereta tertinggal sebuah bungkusan di tepi jalan.

Sejurus kemudian, Michael Mike turun dari kereta dan menghampiri bungkusan tersebut lalu memeriksanya. Di dalamnya terdapat sebuah buku catatan, sekeping sampul surat yang berisi beribu-ribu dolar US, kad kredit, dan kad pengenalan.

Michael Mike terkesima[1] seketika dan ingin membolot[2] kesemua wang itu. Namun niat suci mengekang[3] godaan[4] durjana[5]nya itu. "Jika kesemua wang ini kubolot, perbuatanku ini pasti akan menimbulkan masalah yang menyusahkan pemiliknya. Malah, ini merupakan suatu perbuatan yang berdosa, baik aku kembalikannya kepada si pemiliknya," hatinya berdetik.

Sebenarnya pemilik bungkusan itu ialah pengurus kilang yang telah mengeluarkan wang dari bank untuk bayaran gaji pekerja-pekerja di kilang. Ketika dia menghentikan keretanya untuk mengambil sesuatu, bungkusan itu tercicir di tepi jalan. Sejam kemudian, barulah dia tersedar daripada kelalaian[6]nya itu.

"Jantung saya seolah-olah[7] berhenti berdegup[8]. Ketika itu, fikiran saya melayang jauh memikirkan yang bukan-bukan. Mujurlah saudara menemui bungkusan itu," kata pengurus kilang yang bernama Shirlee itu semasa mereka bertemu di sebuah restoran terdekat setelah Michael Mike menghubunginya.

"Terimalah wang ini daripada saya sebagai tanda untuk menghargai jasa baikmu. Ketulusan[9] hati saudara begitu mulia dan amat menyenangkan saya. Ingin sekali saya berkenalan denganmu, " kata Shirlee lagi ketika menghulurkan wang sebanyak 300 dolar US kepada Michael Mike. Lantas kedua-dua

Kosa kata

1. **terkesima:**
   tercengang
   不知所措[bù zhī suǒ cuò]
2. **membolot:**
   mengambil kesemua
   独占[dú zhàn]
3. **mengekang:**
   mencegah 阻挡[zǔ dǎng]
4. **godaan:**
   gangguan 诱惑[yòu huò]
5. **durjana:**
   jahat (satu perbuatan)
   罪恶的[zuì è de]
6. **kelalaian:**
   kealpaan 疏忽[shū hū]
7. **seolah-olah:**
   seakan-akan
   好象[hǎo xiàng]
8. **berdegup:**
   berbunyi seperti bunyi denyutan jantung yang keras
   心脏跳动
   [xīn zàng tiào dòng]
9. **ketulusan:**
   kejujuran 诚实[chéng shí]



orang insan[10] yang baru berkenalan itu bersalaman dan terukir senyuman manis pada wajah ceria[11] mereka.

Sejurus itu, perasaan lega menyelinap[12] ke dalam kalbu[13] Michael Mike. Dirinya terasa telah melakukan sesuatu tindakan yang penuh bermakna.

(diubahsuaikan daripada Gloria Cyber Ministries – http:// www.glorianet.org/berita/b05071.html)

Kosa kata

10. **insan:**
    manusia 人类[rén lèi]
11. **ceria:**
    riang, gembira (perwatakan)
    灿烂[càn làn]
12. **menyelinap:**
    menyusup
    钻进[zuàn jìn]
13. **kalbu:**
    hati
    心窝[xīn wō]

KEFAHAMAN

(A) Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Michael Mike ingin membeli barang-barang _____ untuk perayaan Hari Natal.
   A. memerlukan B. perlu C. keperluan D. perlukan

2. Michael Mike berasa _____ untuk membolot wang itu.
   A. lega B. riang C. pilu D. berdosa

3. Pengurus kilang itu mengeluarkan wang dari bank untuk bayaran _____ pekerja-pekerja di kilang.
   A. yuran B. upah C. wang D. tempah

4. Shirlee berasa senang dengan sifat _____ Michael Mike.
   A. ketabahan B. kesayangan C. ketekunan D. kejujuran

5. Shirlee memberikan wang kepada Michael Mike sebagai tanda untuk menghargai _____ baiknya.
   A. rasa B. dosa C. jasa D. bakti

(B) Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Siapakah yang menjumpai bungkusan itu?
2. Di manakah Shirlee tertinggal bungkusan itu?
3. Mengapakah Michael Mike tidak tergamak untuk membolot wang tersebut?
4. Apakah sebabnya terdapat begitu banyak wang dalam bungkusan tersebut?
5. Bagaimanakah perasaan Shirlee semasa mengetahui bungkusan wang itu hilang?

SEBUTAN BAKU

A. Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

menyusuri: me + nyu + su + ri	terkesima: ter + ke + si + ma
membolot: mem + bo + lot	niat: ni + at
godaan: go + da + an	berdegup: ber + de + gup
menghargai: meng + har + ga + i	menyelinap: me + nye + li + nap
fikiran: fi + ki + ran	terukir: ter + u + kir

B. Baca petikan berikut dengan sebutan baku.

Kita harus berpegang teguh kepada prinsip hidup yang sejati. Amalan mulia ini dapat mengelakkan diri kita daripada segala godaan yang mencabar keimanan kita. Hal ini sejajar dengan perkembangan zaman yang serba moden dan situasi kehidupan yang penuh dengan pancaroba.

MENDENGAR DAN BERTUTUR

Kejujuran merupakan salah satu elemen penting dalam penerapan nilai-nilai murni. Dengan berpandukan rakaman dan gambar berikut, pelajar-pelajar digalakkan menghuraikan dan menceritakan sifat-sifat mulia yang dipaparkan.

Situasi: Ah Meng pergi ke kedai untuk membeli sebatang pensel. Semasa membeli pensel, tuan punya kedai cuai dan terlebih bagi pensel yang diminta oleh Ah Meng. Dengar perbualan berikut dengan teliti kemudian jelaskan sifat-sifat mulia yang ada pada Ah Meng.



MENULIS

1. Penulisan Esei Berpandukan Gambar

Perhatikan gambar bersiri yang berikut dengan teliti. Kemudian, hasilkan sebuah karangan yang inti patinya mengambarkan sikap jujur. Panjang karangan anda hendaklah antara 100 hingga 120 patah kata.

- ruang tamu
- dikejar kucing

- terlanggar meja, pasu bunga pecah
- cemas
- ketakutan

- dimarahi emak
- mengakui kesalahan
- meminta maaf

- memuji kejujuran
- berjanji tidak mengulangi kesalahan

2. Permainan Bahasa — Silang Kata
Lengkapkan Silang Kata di bawah ini.



Melintang	Menegak
1. sifat ketulusan sinonim dengan sifat	6. terus terang, lurus
2. layang-layang diperbuat daripada kertas dan buluh	7. manusia
3. sejenis tumbuhan yang buahnya berulas-ulas dan boleh dimakan	8. memberi makan dan minum kepada tetamu
4. tidak bongkok/tempang	9. sang matahari
5. tidak sempit	10. penjodoh bilangan untuk sabun

3. Pepatah

Pepatah merupakan sejenis peribahasa yang mengandungi nasihat atau ajaran orang tua-tua. Pepatah mementingkan susunan bahasa yang boleh 'melekat di mulut' dan menjadi sebutan yang dihayati.

Pepatah	Maksud
hendak kaya berdikit-dikit, hendak tuah bertabur hurai, hendak berani berkawan ramai 想富有就要积少成多, 想成名就要乐善好施, 想勇敢就要以寡敌众。	Jika bersikap jimat cermat, pasti akan menjadi kaya. Jika ingin akan kemuliaan, perlulah bermurah hati (berderma) dan untuk mengelakkan rasa takut, perlulah mempunyai sahabat yang ramai.
kasih bak lama juga	Jika tercetus sesuatu perkara yang tidak baik antara dua orang sahabat karib, maka hal itu tidak diluahkan, sebaliknya berusaha untuk tidak menunjukkan kemarahan tersebut.
malu bertanya sesat jalan, segan berkayuh, perahu hanyut 耻于问津要迷路, 不划船，船被冲走。	Seseorang yang tidak suka bertanya akan mendapat kerugian.

TATABAHASA

1. Kata Adjektif (kata sifat)

Pada Unit 8 kita telah mempelajari tiga jenis Kata Adjektif. Pada kali ini, kita akan mempelajari tiga lagi jenis Kata Adjektif, iaitu;

A. Kata Adjektif Bentuk

Kata Adjektif Bentuk ialah jenis perkataan yang memberi pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan.

Contoh: bulat, bujur, bundar, leper, buncit, kempis

B. Kata Adjektif Waktu

Kata Adjektif Waktu ialah jenis perkataan yang memberi pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan.

Contoh: lama, segera, baru

C. Kata Adjektif Jarak

Kata Adjektif Jarak ialah jenis perkataan yang memberi pengertian konsep ruang antara dua benda atau keadaan sebagai penerang Kata Nama.

Contoh: hampir, dekat, jauh

LATIHAN

A. Gariskan Kata Adjektif yang terdapat dalam ayat-ayat berikut dan nyata jenis Kata Adjektif itu.

1. Kami jarang-jarang menziarahi nenek di kampung.
2. Meja yang berbentuk bundar sudah dijual.
3. Bumi kita berbentuk sfera.
4. Rumahnya paling hampir dengan surau.
5. Adik lewat ke sekolah hari ini kerana ketinggalan bas.
6. Keluarganya nyaris-nyaris ditimpa kemalangan.
7. Perutnya semakin kempis kerana dia berdiet.
8. Raut wajahnya bujur sirih.
9. Pasukan polis segera menuju ke tempat kejadian itu.
10. Tempat tinggal saya agak jauh dari sekolah.

B. Pilih Kata Adjektif yang paling sesuai untuk mengisi ruang kosong dalam ayat-ayat di bawah.

runcing | senggang | pantas | bernas | kukuh | awal

deras | tegap | sesak | lama | erat | tajam

1. Biasanya kita mengamalkan hobi membaca pada waktu ..... .
2. Pemuda yang berbadan ..... itu ialah anak Pak Atan.
3. Air sungai itu mengalir ..... .
4. Jalan raya di Bandar Raya Johor Bahru penuh .....dengan kenderaan.
5. Setiap hari, ibu bangun ..... untuk mengurus hal-ehwal rumah tangga.
6. Negara kita merupakan sebuah negara yang ..... sistem pemerintahannya.
7. Kedua-dua orang rakan itu mempunyai tali persahabatan yang .....
8. Dia berlari ..... kerana dikejar oleh anjing yang garang itu.
9. Ibu menyiang ikan dengan pisau yang ..... itu.

10. Kami sudah ..... menunggu kepulangan ayah.

2. Imbuhan Awalan beR-

Bentuk Awalan beR-

Imbuhan Awalan beR- mempunyai tiga bentuk, iaitu be-, bel-, dan ber-. Awalan beR- digunakan untuk membentuk Kata Kerja Tak Transitif.



A. Bentuk beR- menjadi be- apabila bertemu dengan perkataan yang bermula dengan huruf r.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
raja	be + raja	beraja
rehat	be + rehat	berehat
ratus	be + ratus	beratus
rasa	be + rasa	berasa

B. Bentuk beR- menjadi bel- apabila bertemu dengan perkataan ajar. Ini merupakan satu kekecualian.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
ajar	bel + ajar	belajar

C. Bentuk beR- kekal sebagai ber- apabila bertemu dengan kata-kata yang bentuknya lain daripada yang tersebut dalam (A) dan (B)

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
gerak	ber + gerak	bergerak
catur	ber + catur	bercatur
langgar	ber + langgar	berlanggar

** Awalan beR- juga boleh menggantikan awalan di (dalam bentuk ayat pasif)

Contoh

Soalan itu belum berjawab lagi.
Soalan ini belum dijawab lagi. (Ayat Pasif)

Pinggan mangkuk itu masih belum berbasuh.
Pinggan mangkuk itu masih belum dibasuh. (Ayat Pasif)

Buku-buku sudah bersusun di atas meja.
Buku-buku sudah disusun di atas meja. (Ayat Pasif)

LATIHAN

A. Gariskan perkataan yang berimbuhan beR- dalam ayat-ayat berikut dan berikan maksud perkataan tersenut.

1. Pokok durian di kebunnya telah berbuah lebat.
2. Ibu senantiasa berdoa agar abang berjaya dalam pelajarannya.

3. Ayah berjanji akan menghadiahi saya sebuah jam tangan, jika saya lulus dalam peperiksaan.
4. Ayam jantan itu akan berkokok pada awal pagi.
5. Minah kelihatan ayu apabila berpakaian kebaya.
6. Bertahun-tahun ayah menunggu kepulangan kakak yang sedang belajar di luar negara.
7. Pak Jali berniaga secara kecil-kecilan di kampung.
8. Pokok rambutan yang ditanam oleh Pak Leman itu telah mulai berputik.
9. Mereka sedang berbincang untuk menyelesaikan masalah itu.
10. Pengetua sekolah amat berprihatin terhadap disiplin pelajar-pelajar di sekolah.

B. Bubuhkan imbuhan beR- pada kata-kata yang sesuai. Setelah itu berikan maksud perkataan tersebut.

1. Kebanyakan penduduk di kampung itu cucuk tanam di kebun sendiri.
2. Pelajar dari kelas aliran sains itu pandai pidato.
3. Gadis yang rambut panjang itu berwajah ayu.
4. Guru yang ilmu tinggi itu amat sopan sikapnya.
5. Kedua-dua buah kereta itu langgar di tengah-tengah jalan.
6. Pelajar itu pandai cerita dan jenaka.
7. Rumah yang bumbung biru itu rumah Pak Kassim.
8. Orang kaya itu sikap murah hati.
9. Mereka empat telah pulang ke rumah dengan menaiki bas sekolah.
10. Allahyarham P. Ramlee merupakan seniman agung yang bakat.

3. Ayat Penyata

Penerapan Konsep

Ayat Penyata ialah ayat yang diujarkan dengan tujuan untuk menyatakan atau menerangkan sesuatu hal dan keadaan. Ayat jenis ini dilafazkan dengan intonasi yang mendatar sahaja dan juga dikenali sebagai ayat berita atau ayat keterangan.

陈述句 Ayat Penyata

Contoh

Ayat Penyata
1. Dia sedang menyanyi.
2. Ibu sedang memasak di dapur.
3. Guru mengajar pelajar.
4. Bunga cempaka itu berbau wangi.
5. Bangunan sekolah kami agak tinggi.
6. Guru itu tidak mengajar bahasa Malaysia.
7. Kerusi ini bukan kerusi pengetua.

陈述句
Ayat Penyata

LATIHAN

A. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan teliti supaya menjadi Ayat Penyata yang betul.

1. Kakak membeli pakaian .....
2. Pasukan kami telah menang .....
3. Pesakit itu telah .....
4. Mengumpul setem ialah .....
5. Kami akan pergi .....
6. Amalan membaca mendatangkan .....
7. Pelajar yang nakal itu .....
8. Setiap warga negara harus .....
9. Doktor sedang .....
10. Para pelajar .....

B. Berdasarkan kata-kata berikut, bina satu ayat dalam bentuk Ayat Penyata.

1. bangunan : _____.
2. pelajar : _____.
3. adik : _____.
4. bandar : _____.
5. sekolah : _____.
6. padang : _____.
7. kereta : _____.
8. binatang : _____.
9. sungai : _____.
10. budak : _____.

陈述句 Ayat Penyata

Saya ingin bertanya:

TEKNIK PEMBELAJARAN

1. Manfaat Menggunakan Kamus

Tidak dapat dinafikan bahawa kamus memang banyak membawa manfaat kepada kita. Sebagai contoh, kamus dapat membantu kita mendapatkan maksud perkataan-perkataan yang kurang difahami, kamus dapat menerangkan jenis perkataan yang dicari, dan kamus dapat membantu kita menjelaskan maksud perkataan dalam bentuk ayat.

Para pelajar yang dikasihi, adakah anda masih ingat pembelajaran yang lepas, iaitu teknik menggunakan kamus, simbol-simbol, dan singkatan-singkatan yang biasa terdapat dalam kamus. Penguasaan penggunaan simbol dan singkatan yang terdapat dalam kamus adalah bertujuan membantu kita lebih memahami penggunaan perkataan yang dicari.

Bagi sesetengah kamus, selain memberi maksud perkataan yang dicari, malah terdapat juga bahagian maklumat sebutan bagi perkataan-perkataan tertentu. Bahagian ini diadakan supaya pengguna kamus itu bukan sekadar tahu maksud perkataan yang dicari, malah dapat menguasai sebutannya. Walau bagaimanapun, kamus bahasa Malaysia yang mengandungi bahagian sebutan adalah kurang. Hal ini disebabkan bahagian sebutan bagi perkataan-perkataan bahasa Malaysia adalah disusun dalam Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Malaysia.

Contoh

Perkataan yang dicari	Bahagian Sebutan
pecah	[pə + cah]
memecahbelahkan	[mə + mə + cah + bə + lah + kan]
pemecahan *(perihal memecahkan)*	[pə + mə + ca + han]
perpecahan *(perihal berpecah-pecah)*	[pər + pə + ca + han]
pecai	[pe + cai]
pecak	[pe + ca?]
memecakkan	[mə + me + ca? + kan]
pensel	[pen + sel]
pensi	[pen + si]
pentagon	[pen + ta + gon]
pental	[pən + tal]
pentan	[pən + tan]
pentang	[pən + tang]
mementang	[mə + mən + tang]

Di sini ingin dijelaskan kepada para pelajar bahawa Bahagian Sebutan biasanya ditulis dalam bentuk fonetik. Penerangan yang berkaitan dengan fonetik ini tidak akan diterangkan, sebaliknya hanya satu pengenalan. Sebagai peringatan kepada para pelajar, kamus memang dapat membantu kita terutamanya semasa proses pembelajaran. Kamus juga boleh dianggap sebagai "Cikgu Bisu" kita, sebab segala kemusykilan yang kita hadapi, tentunya "dia" dapat menjelaskan kepada kita walaupun "dia" tidak dapat bercakap. Jangan lepaskan peluang untuk menanya kepada "Cikgu Bisu" kita!

Kamus Kaki

1. fonetik: ilmu bahasa tentang penyebutan serta bunyi-bunyi yang dihasilkan dalam sesuatu bahasa 语音学

2. Manfaat Membuat Nota

Membuat nota atau catatan adalah amat penting dalam proses pembelajaran kita. Penerangan-penerangan guru di depan kelas mungkin terlalu cepat dan banyak isi yang disampaikan. Pada masa yang singkat kita tidak dapat ingat semua yang diberikan oleh guru kita. Sekiranya kita tidak membuat catatan atau teknik membuat catatan adalah salah, maka kita akan tertinggal dan terlupa isi-isi yang disampaikan oleh guru kita, sebaliknya kita akan mengeluh semasa berdepan dengan kertas peperiksaan kerana tidak tahu membuat nota dengan baik. Bagaimanakah membuat nota yang baik?

A. Isi kandungan yang dicatat

B. Strategi membuat catatan

BAHAGIAN SASTERA

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan di bawah.

Syair Menyambut Pelajaran

Anakku sayang salahmu nyata,
dalam pelajaran bertutur kata,
duduk menulis kalam di lata,
kembali kepada sekalian pendeta.

Kerana pelajaran beratur pangkatnya,
jangan dicampur yang bukan masanya,
kerja demikian besar salahnya,
faham tak lekat dalam keduanya.

Semasa mendengar orang berkata,
tangan menulis pula serta,
telinga diasingkan daripada mata.
mustahillah faham terangnya nyata.

Maksud Syair

Rangkap 1
Bercakap semasa belajar adalah satu perbuatan yang tidak baik. Sebaliknya kita perlu memberi tumpuan semasa guru mengajar.

Rangkap 2

Kita hendaklah mengikut peraturan semasa belajar. Jangan mencampuradukkan pelajaran dengan perkara lain. Hal ini akan menyebabkan kita sukar mengingati apa-apa yang kita pelajari.

Rangkap 3

Kita hendaklah mencatat isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Jika kita tidak memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru, maka pelajaran tersebut tidak akan difahami.

Maksud Rangkai Kata

1. mustahil faham – tidak mungkin mengerti

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah berdisiplin semasa belajar.
2. Kita hendaklah memberi tumpuan semasa guru sedang mengajar.
3. Kita haruslah mencatatkan isi-isi yang disampaikan oleh guru supaya tidak dilupai.

Soalan Kefahaman

1. Berapakah suku kata bagi baris syair di bawah?

jangan dicampur yang bukan masanya

A. 8 B. 9 C. 10 D. 11

2. Apakah jenis syair di atas?
   A. syair teka-teki
   B. syair sejarah
   C. syair nasihat
   D. syair agama

3. Apakah yang dimaksudkan 'faham tak lekat' dalam rangkap kedua, baris keempat.
   A. pengertian yang tidak akan kekal
   B. pengertian yang tidak akan dicari
   C. pengertian yang tidak akan dijumpa
   D. pengertian yang tidak akan datang

4. Apakah rima akhir bagi puisi yang dibaca?
   A. a-b-a-b
   B. a-a-a-a
   C. a-b-c-d
   D. b-a-b-a

5. Antara berikut yang manakah tidak sesuai dengan pengajaran dalam puisi di atas?
   A. Kita hendaklah rajin belajar.
   B. Ilmu adalah harta sepanjang hayat kita.
   C. Kita hendaklah menumpukan perhatian dalam pelajaran.
   D. Semasa belajar hendaklah mengikut tatasusila yang ada.

Catatan:



MENGHORMATI IBU BAPA DAN ORANG TUA

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Melahirkan Generasi Berbudi Bahasa

Selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Dihormati Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Pengetua Sekolah, Encik Wong Chee Hong, para guru dan teman-teman seperjuangan. Saya amat bersyukur[1] kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya saya diberi kesempatan untuk berada di sini bagi menyampaikan sepatah dua kata. Tajuk ucapan saya pada pagi ini ialah 'Menghormati Ibu Bapa dan Orang-orang Tua'.

Salah satu daripada cabaran Wawasan[2] 2020 adalah mewujudkan masyarakat penyayang menurut acuan[3] sendiri. Pembentukan masyarakat penyayang mampu menjanakan[4] masyarakat yang

Kosa kata

1. **bersyukur:**
   melahirkan penghargaan atau ucapan terima kasih kepada Tuhan
   感恩 [gǎn ēn]
2. **wawasan:**
   matlamat atau cita-cita masa hadapan
   宏愿 [hóng yuàn]
3. **acuan:**
   mengikut keperluan yang dikehendaki
   模型 [mó xíng]
4. **menjanakan:**
   mewujudkan, melahirkan
   引起 [yǐn qǐ]

saling menghormati tanpa membezakan kekangan[5] agama, bangsa, bahasa, budaya, dan usia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Usaha ini wajar disemai sejak peringkat kanak-kanak, seperti kata peribahasa kalau hendak melentur[6] buluh, biarlah dari rebungnya dan anak-anak ini diibaratkan seperti kain putih dan terpulanglah kepada ibu bapa mereka mencorakkan anak-anak mereka. Institusi keluarga menjadi pemangkin[7] dalam menyemai[8] budi bahasa dan adab sopan terhadap anak-anak mereka. Secara langsung, anak-anak akan dilengkapi dengan ketrampilan[9] sahsiah[10] dan keperibadian yang mulia.

Ibu bapa hendaklah berusaha menjadi model kepada anak mereka. Mereka harus menunjukkan teladan yang baik terutama dari segi hubungan suami isteri, serta ahli keluarga mereka yang lebih tua. Tindakan mereka itu akan mempengaruhi anak-anak untuk mencontohi mereka, malah menjadikan ibu bapa mereka sebagai mithali[11].

Selain itu, anak-anak hendaklah dididik untuk menghargai warga emas. Golongan ini telah banyak berjasa kepada keluarga, masyarakat, dan pembangunan negara sama ada secara langsung atau sebaliknya. Melalui keringat[12] dan air mata darah merekalah kita menikmati apa-apa yang ada sekarang. Jangan sekali-kali menyisihkan[13] dan

Kosa kata

5. **kekangan:** halangan 障碍 [zhàng ài]
6. **melentur:** mendidik, membimbing, mengasuh 训导 [xùn dǎo]
7. **pemangkin:** faktor yang dapat mempercepat berlakunya sesuatu perkembangan 催化因素 [cuī huà yīn sù]
8. **menyemai:** menanam, memupuk 培养 [péi yǎng]
9. **ketrampilan:** kecekapan 敏捷性 [mǐn jié xìng]
10. **sahsiah:** perilaku, perbuatan 个性 [gè xìng]
11. **mithali:** contoh 模范 [mó fàn]
12. **keringat:** usaha atau kesungguhan seseorang 血汗 [xuè hàn]
13. **menyisihkan:** mengetepikan, mengasingkan 冷淡对待 [lěng dàn duì dài]

membiarkan mereka bersendirian menghadapi hari-hari tua.

Para hadirin yang saya hormati,

Kepekaan[14] ibu bapa untuk membajai nilai-nilai murni sepanjang masa akan mewujudkan generasi muda berakhlak mulia. Generasi muda inilah yang akan menjadi pelapis yang bakal mewarisi teraju kepemimpinan negara kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Generasi muda hendaklah mengekalkan amalan generasi terdahulu untuk menjaga ibu bapa dan warga emas daripada terabai. Mereka hendaklah meneruskan kesinambungan terdahulu, iaitu menghargai ibu bapa dan warga emas. Golongan ini masih mampu memberikan pandangan dan pendapat yang berguna kepada generasi muda.

Warga dewan yang saya hormati,

Warga emas ini seperti kitab buruk yang disimpan dan tidak dibuang. Mereka mempunyai hak untuk dikasihi, dijaga, dan dihormati. Ikatan budi bahasa dan adab sopan yang perlu diamalkan oleh generasi muda ialah bertutur dengan bahasa yang baik, sentiasa mematuhi nasihat mereka dan tahan dengan kerenah mereka,

Kosa kata

14. **kepekaan:**
Keprihatinan
关心[guān xīn]

tidak meninggikan suara, menyayangi mereka, menghormati kebebasan mereka, dan sentiasa menjaga maruah diri dan ibu bapa. Jangan sekali-kali menceritakan atau memberitahu aib[15] ibu bapa kepada orang kerana kalau meludah ke langit akhirnya terkena muka sendiri.

Kesimpulannya, kegagalan ibu bapa mentarbiahkan[16] nilai-nilai murni dan adab sopan ini akan melahirkan generasi bermasalah, tidak mempunyai jati diri, dan pencetus keruntuhan masyarakat. Masyarakat akan tetap menuding jari kepada institusi keluarga kerana kegagalan mendidik generasi muda yang mapan dari segi akhlak dan melahirkan masyarakat tidak bersopan.

Sekian, terima kasih.

Kosa kata

15. **aib:**
    malu
    羞耻的[xiū chǐ de
16. **mentarbiahkan:**
    mendidik
    教导[jiāo dǎo]

PERIBAHASA DAN MAKSUDNYA

Maksud peribahasa yang terdapat dalam petikan.

Peribahasa	Maksud
melentur buluh biarlah dari rebungnya 教儿婴孩	proses mendidik dan mengajar anak-anak harus bermula sejak kecil
kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya 不入虎穴，焉得虎子	kalau kita hendak mencapai sesuatu kejayaan, kita hendaklah mengusahakannya
kain putih 纯洁	suci
kitab buruk 老前辈	orang-orang tua
meludah ke langit akhirnya terkena muka sendiri 自取其辱 ①	sikap yang suka memburuk-burukkan keluarga sendiri menyebabkan diri kita sendiri berasa malu ②

KEFAHAMAN

(A) Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Bilakah ibu bapa harus mula mendidik anak mereka menjadi insan penyayang?
   A. semasa remaja
   B. semasa kanak-kanak
   C. setelah dewasa
   D. setelah tua

2. Bagaimanakah caranya seseorang ibu bapa mendidik anak mereka?
   A. selalu memenuhi kehendak mereka terutamanya dari segi kewangan
   B. selalu membawa mereka pergi melancong
   C. menunjukkan teladan yang baik
   D. membeli barang yang mahal kepada mereka

3. Apakah maksud 'warga emas'?
   A. golongan tua
   B. golongan orang kaya
   C. golongan yang berpendidikan
   D. golongan kanak-kanak

4. Kenapakah kita hendak menghargai warga emas?
   A. kerana golongan ini telah banyak berjasa kepada kita
   B. kerana golongan ini tidak akan tinggal lama di dunia ini
   C. kerana golongan ini telah banyak berbelanja untuk kita
   D. kerana golongan ini telah uzur

5. Antara berikut yang manakah bukan kegiatan yang dapat mengeratkan hubungan ibu bapa dengan anak?
   A. membuat kerja rumah bersama-sama
   B. membersihkan kawasan rumah bersama
   C. makan malam bersama-sama
   D. tidak mengambil berat antara satu sama lain

(B) Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Sejak bilakah pembentukan masyarakat penyayang bermula?
2. Mengapakah institusi keluarga itu penting kepada negara?
3. Bagaimanakah ibu bapa boleh menjadi golongan mithali?
4. Siapakah warga emas? Apakah sumbangan mereka kepada pembangunan negara?
5. Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu diambil untuk merapatkan jurang hubungan antara generasi muda dengan generasi tua?

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

bersyukur: ber + syu + kur	sahsiah: sah + si + ah
kekangan: ke + ka + ngan	mithali: mi + tha (sa) + li
melentur: me + len + tur	pemangkin: pe + mang + kin
aib: a + ib	keringat: ke + ri + ngat
menyisihkan: me + nyi + sih + kan	mentarbiahkan: men + tar + bi + ah + kan

MENDENGAR DAN BERTUTUR

Kegiatan 1

Situasi 1

Dengar perbualan berikut dengan teliti kemudian lakonkan perbualan tersebut dengan intonasi yang betul.

Ibu : Lukman, mari ke sini tolong ibu!
Anak : Apa?
Ibu : Lukman, mari ke sini tolong ibu!
Anak : Malaslah mak, saya sedang tengok televisyen.
Ibu : Sinilah (jerit)! Mengapa degil sangat ni?
Anak : Tunggulah, sekejap lagi mak.
Ibu : Mana boleh, datanglah ke sini cepat!
Anak : Ibu ni sibuk. Asyik-asyik Man saja!
Ibu : Kamu melawan ibu ya, Lukman!
Anak : Taklah, Man cakap-cakap saja.

Situasi 2

Dengar dialog berikut dengan teliti kemudian lakonkan dialog tersebut dengan intonasi yang betul.

Aminah : Kenapa mak tak beritahu nak datang?
Juriah : Saja-saja. Mak nak kejutkan kau.
Aminah : Takkanlah macam tu mak.
Juriah : Mak saja suka-suka. Mak tak hendak kau bersusah payah mengambil mak di stesen bas.

Aminah : Taklah (percakapan terganggu)…

Roslan : Eh! Nenek. Bila nenek sampai?

Juriah : (Sambil mengurut dada) Kamu ni Roslan, datang tiba-tiba saja. Terkejut nenek.

Aminah : Kamu ni satulah Roslan, suka mencelah ketika orang tua-tua bercakap. Tak baik tau. Jangan ulang lagi.

Roslan : Baiklah mak.

Situasi 3

Dengar perbualan berikut dengan teliti kemudian lakonkan perbualan tersebut dengan intonasi yang sesuai.

Ahman : Ayah ni tak habis-habis menyusahkan kami (nada kesal). Bukankah kami dah beritahu jangan datang sini sebelum telefon Man.

Jalil : Ayah sengaja nak kejutkan Man…

Ahman : Tengok tu. Pakaian ayah pun tak terurus. Malulah Man dengan jiran-jiran jika mereka nampak ayah dalam keadaan macam ini.

Jalil : Tapi… (belum sempat Jalil menghabiskan ayatnya, Ahman menyampuk)

Ahman : Man seorang eksekutif ayah, ada nama dan kedudukan. Kalau macam inilah cara ayah berpakaian, malulah Man. Apa pula kawan-kawan Man kata nanti, Man masih budak kampung.

Jalil : Jadi, Man malulah dengan ayah, orang kampung. Kenapa Man nak malu?
Bukankah kita anak beranak. Man malu dengan orang ya?... Takut orang kata yang bukan-bukan ya?

Ahman : Mestilah.

Jalil : Kalau begitu, biarlah ayah balik dulu. Ayah sangat kesal dengan sikap Man.
Ayah tidak pernah terfikir Man akan jadi begini setelah ayah banyak bersusah-payah berkorban untuk Man. Selamat tinggal Man. Ayah balik dulu.

Ahman : Ayah... Man bukan....

Jalil : Sudahlah Man.

Situasi 4

Dengar dialog berikut dengan teliti kemudian lakonkan dialog tersebut dengan intonasi yang betul.

Sharifah : Apa yang Kak Ani menungkan tu?

Noraini : Entahlah. Sudah lama aku berada di sini, seorang pun anak aku tak datang.
Lebih-lebih lagi, hari lebaran semakin menjelang tiba.

Sharifah : Dah berapa lama Kak Ani duduk sini?

Noraini : (Sambil membilang) Dah lapan tahun.

Sharifah : Lapan tahun! Lama dah tu! Berapa orang anak Kak Ani?

Norani : Lapan orang.

Sharifah : Seorang anak pun tak jaga Kak Ani. Pelik sungguh. Mengapa Kak Ani datang ke sini?

Noraini : Dihantar anak-anak.

Sharifah : Apa sebabnya?

Noraini : Mereka kata Kak Ani menyusahkan kehidupan mereka. Kak Ani selalu sakit-sakit dan selalu masuk ke hospital. Tak ada siapa nak jaga. Mereka kata banyak kerja nak buat. Kadang-kadang Kak Ani ditinggalkan bersendirian di rumah.

Sharifah : Anak ramai pun tak guna, seorang pun tak nak jaga Kak Ani.

Noraini : Mereka tak ada masa nak jaga Kak Ani. Mereka bercadang nak hantar akak kat sini. Akak bantah cadangan mereka itu, tapi mereka berkeras juga.

Sharifah : Sampai hati mereka. Langsung tak berperikemanusiaan.

Noraini : Mereka janji nak datang, tetapi sekali pun tak pernah datang.

Sharifah : Mereka tu kacang lupakan kulit. Langsung tak mengenang budi. Tak taukah mereka syurga itu di bawah telapak kaki ibu?

Noraini : Entahlah? Mungkinkah ini balasan Tuhan kepada Kakak? (Mengeluh panjang)

Kegiatan 2

Terdapat banyak cara untuk menghormati ibu bapa dan warga tua. Sebahagian daripada cara menghormati mereka telah dinyatakan dalam petikan. Berikut ialah sebahagian lagi cara menghormati golongan ini.

a. Anak-anak hendaklah sentiasa mematuhi arahan ibu bapa mereka.
b. Anak-anak tidak harus menganggap peraturan itu sebagai kekangan atau sekatan dalam hidup mereka.
c. Ibu bapa perlu melapangkan masa bekerja untuk anak-anak.
d. Ibu bapa perlu melengkapkan diri mereka dengan semangat keibubapaan.

Para pelajar diminta untuk menyenaraikan cara-cara lain yang tidak terdapat dalam petikan di atas.

MENULIS

1. Karangan

Kamu baru sahaja berpindah ke sekolah berasrama penuh. Tuliskan sepucuk surat kepada keluarga anda untuk menceritakan kehidupan anda di sekolah tersebut. Panjang surat anda adalah antara 100 hingga 120 patah perkataan.

Anda boleh menggunakan perkataan atau rangkai kata di bawah sebgai panduan ketika menulis surat.

sihat | jangan risau | guru rajin dan berdedikasi | berdikari | seronok

kongsi bilik | masakan di kantin menyelerakan | suasana di asrama | banyak aktiviti

keadaan di sekolah | pengalaman manis | banyak kawan | peraturan asrama

2. Bina Perenggan

Berdasarkan kosa kata di bawah, bina 1 atau 2 perenggan karangan.

Tajuk: Berbudi bahasa ketika menggunakan kemudahan awam

beratur | sabar | bertimbang rasa | mematuhi peraturan | sahsiah

TATABAHASA

1. Kata Tugas - Kata Tanya

Kata Tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu, iaitu

mengapa / kenapa
berapa
bagaimana
bila
apa
siapa
mana

疑问词

Kata Tanya

Fungsi-fungsi Kata Tanya:

A. Kata Tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu.
B. Kata Tanya adalah kata atau perkataan yang digunakan untuk membentuk Ayat-ayat Tanya.
C. Kata Tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat.

Contoh

a. Umur budak itu berapa?
b. Cuaca hari ini bagaimana?

D. Kata Tanya boleh wujud di awal atau di akhir ayat.

E. Kata Tanya mesti diikuti oleh partikel 'kah' apabila digunakan di awal Ayat Tanya.

Contoh

a. Berapakah harga buku itu?
b. Bagaimanakah keputusan peperiksaan tahun ini?

F. Partikel 'kah' tidak diperlukan jika Kata Tanya terletak pada akhir ayat.

Contoh

a. Harga buku itu berapa?
b. Keputusan peperiksaan tahun ini bagaimana?

Kata Tanya

疑问词

Kata Tanya 疑问词

LATIHAN

Isikan Kata Tanya yang sesuai bagi ayat-ayat di bawah.

1. _____ keputusan kejohanan badminton semalam?
2. Emak akan pulang ke kampung _____?
3. Pengetua kita berasal dari negeri _____?
4. _____ adik kamu asyik menangis?
5. _____ pekerjaan mak cik kamu?
6. Guru tingkatan kita _____?
7. _____ harga sekilo udang kering?
8. Kesihatan ayah sekarang _____?
9. _____ abang akan pulang untuk berhari raya?
10. Anak Encik Yeong _____ orang?
11. _____ pengurus syarikat itu?
12. Pagi tadi, emak membeli sayur _____?
13. Di _____ kasut yang saya beli minggu lalu?

2. Ayat Tanya

Ayat Tanya ialah ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal.

Bentuk-bentuk Ayat Tanya

Ayat Tanya boleh dibahagikan kepada dua;

A. Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Kebiasaannya ayat jenis ini diujarkan dengan nada suara yang tinggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat, manakala dalam tulisan, nada tanya ini dilambangkan dengan tanda soal (?).

Contoh

Awak sakit?
Adik belum pulang?
Guru yang berbaju merah itu guru Geografi kita?
Cikgu merampas buku komik itu?

Ayat jenis ini juga boleh disertai kata partikel-kah pada unsur yang dijadikan fokus atau judul ayat. Dalam bahasa lisan, partikel-kah biasanya diletakkan pada hujung ayat, manakala dalam tulisan, unsur yang menjadi fokus dalam ayat harus mengalami pendepanan.

Contoh

Bapa masih tidurkah? (lisan)
Masih tidurkah bapa? (tulisan)

B. Ayat Tanya Dengan Kata Tanya

Ayat jenis ini menggunakan Kata Tanya seperti apa, siapa, berapa, mengapa, dan bagaimana. Ayat ini terbahagi kepada:

i. Ayat Tanya dengan Kata Ganti Nama Tanya

Ayat Tanya
疑问句???

Contoh

Kakak kamu mana?
Manakah kakak kamu?
Pengetua sekolah ini siapa?
Siapakah pengetua sekolah ini?

ii. Ayat Tanya dengan Frasa Sendi Nama Tanya

Contoh

Kakak kamu di mana?
Di manakah kakak kamu?
Dengan apakah kamu pergi ke Kuala Lumpur?
Kamu pergi ke Kuala Lumpur dengan apa?

C. Ayat Tanya Terbuka Dan Ayat Tanya Tertutup

i. Ayat Tanya Terbuka

Ayat Tanya Terbuka ialah ayat yang memerlukan jawapan dalam bentuk penjelasan.

Contoh

Anaknya siapa? (soalan)
Anaknya Fauziah. (jawapan)

ii. Ayat Tanya Tertutup

Ayat Tanya Tertutup ialah ayat yang memerlukan jawapan ya, tidak atau bukan.

Contoh

Ke hospitalkah awak? (soalan)
Ya, saya ke hospital. (jawapan)

LATIHAN

Bina dua ayat bagi setiap jenis Ayat Tanya di bawah.

1. Ayat Tanya dengan Kata Tanya
2. Ayat Tanya tanpa Kata Tanya
3. Ayat Tanya tertutup
4. Ayat Tanya terbuka

3. Imbuhan Awalan teR-

Terdapat dua bentuk awalan teR-, iaitu ter- dan te- dapat digabungkan dengan semua kata dasar bagi membentuk Kata Kerja Transitif, Kata Kerja Pasif, dan Kata Kerja Tidak Transitif.



A. Bentuk-bentuk Awalan teR-

i. Awalan teR- akan kekal teR- apabila bergabung dengan semua kata dasar kecuali Kata Dasar yang bermula dengan r.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
silap	ter + silap	tersilap
kubur	ter + kubur	terkubur
jumpa	ter + jumpa	terjumpa
kongkong	ter + kongkong	terkongkong
sangkut	ter + sangkut	tersangkut

ii. Awalan teR- menjadi te- apabila bergabung dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf r.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
rancang	te + rancang	terancang
rumit	te + rumit	terumit
ringkas	te + ringkas	teringkas

iii. Apabila awalan teR- bergabung dengan suku kata pertama Kata Dasar yang berbentuk –er maka huruf r dalam awalan teR- tidak digugurkan.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
sergam	ter + sergam	tersergam
serlah	ter + serlah	terserlah
jerkah	ter + jerkah	terjerkah

B. Fungsi-fungsi Imbuhan Awalan teR-

i. awalan teR- boleh bergabung dengan semua Kata Dasar untuk membentuk:

a. Kata Kerja Transitif Aktif

Contoh

terminum
tertendang
terjual

Contoh ayat:
- Adik terminum kopi ayah.
- Ali tertendang kaki ibunya.
- Syarikat itu tidak terjual kaset penyanyi yang tidak popular itu.

b. Kata Kerja Transitif Pasif

Contoh

tertewas
tertelan
terhidu

Contoh ayat:
- Pasukan A tertewas oleh Pasukan B.
- Tiada tertelan oleh Ali makanan itu.
- Gas beracun itu terhidu oleh Ali.

c. Kata Kerja Tak Transitif

Contoh

tertidur
terbaring
terdiam

Contoh ayat:
- Ayah tertidur di atas kerusi malas.
- Pesakit itu terbaring di atas katil.
- Pelajar nakal itu terdiam apabila dimarahi guru.

ii. awalan teR- boleh bergabung dengan Kata Adjektif.

Contoh

tercantik
terkecil
terpanjang

Contoh ayat:
- Aminah pelajar yang terkecil dalam kumpulan itu.
- Teng Teng tercantik dalam keluarganya.
- Sungai Pahang ialah sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia.

Perhatian!

Imbuhan teR- yang bergabung dengan Kata Adjektif menunjukkan perbandingan atau membawa maksud 'paling'.

Saya ada **soalan** hendak bertanya:

TEKNIK PEMBELAJARAN

Surat Kiriman Tidak Rasmi

1. Surat kiriman tidak rasmi bersifat peribadi. Surat ini biasanya dikirim kepada ibu bapa, sahabat pena, adik-beradik, dan saudara-mara.
2. Surat kiriman tidak rasmi terdiri daripada beberapa jenis, antaranya termasuklah:
   a. surat bertanyakan khabar/memberitahukan khabar
   b. surat ucapan tahniah/takziah
   c. surat nasihat atau teguran
   d. surat undangan
   e. surat balasan
3. Walaupun surat tidak rasmi bersifat peribadi, anda mesti menggunakan bahasa yang baku, ejaan, dan tanda baca yang betul.
4. Penulisan surat kiriman tidak rasmi mempunyai format yang khusus.

5. Format surat kiriman tidak rasmi:

(A) Alamat pengirim harus ditulis di sudut sebelah atas kanan surat. Ingat, dalam surat kiriman tidak rasmi tidak perlu menulis nama pengirim dan alamat penerima.

(B) Tarikh ditulis selang sebaris di bawah alamat pengirim dan diakhiri dengan noktah. Nama bulan tidak perlu ditulis dengan huruf besar sepenuhnya.

(C) Kata penghadapan ditulis ke dalam sedikit, selepas selang satu atau dua baris dari baris tarikh.

(D) Kata ganti nama diri penerima ditulis dari tepi selepas satu baris dari baris kata penghadapan. Ingat, kata ganti diri yang digunakan mestilah sesuai dengan penerima surat.

Contoh

ayahanda	untuk	ayah
bonda	untuk	ibu
kakanda	untuk	kakak atau abang
nenda	untuk	nenek atau datuk
adinda	untuk	adik
saudara	untuk	kawan lelaki
saudari	untuk	kawan perempuan

(E) Perenggan isi ditulis ke dalam sedikit, iaitu sejajar dengan baris kata penghadapan. Sebaik-baiknya perenggan ini ditulis selepas melangkaui satu baris dari baris kata ganti diri penerima.

(F) Penutup ditulis sejajar dengan baris kata penghadapan dan selang sebaris dari perenggan isi.

(G) Pengakuan pengirim ditulis di sebelah kanan bahagian bawah selepas selang dua atau tiga baris dari perenggan penutup. Antara pengakuan pengirim yang lazim digunakan termasuklah Yang benar, Yang ikhlas, Yang merinduimu, dan sebagainya.
Hanya huruf pertama pada kata pertama sahaja yang ditulis dengan huruf besar. Tanda koma (,) mesti dibubuh selepas rangkai kata berkenaan.

(H) Tandatangan dilakukan selepas selang dua atau tiga baris dari baris pengakuan pengirim.

Ciri-ciri format surat kiriman tidak rasmi adalah seperti berikut:

(A) Alamat pengirim _____

_____

_____

(B) Tarikh _____

(C) Kata penghadapan _____

_____.

Kata ganti nama diri penerima (D)

(E) Perenggan isi _____

_____

_____

_____.

_____

_____

_____.

_____

_____

_____.

(F) Penutup _____

_____.

(G) Pengakuan pengirim _____

(H) Tandatangan _____

Contoh Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi

Sekolah Menengah Tinggi Pin Hwa,
13, Jalan Goh Hock Huat,
41400 Klang,
Selangor.

28 September 2006.

Ke hadapan adinda Siew Ling yang kini berada di Taman Sentosa, Pahang semoga berada dalam keadaan sihat.

Adinda,

Apa khabar adinda di sana? Kakanda berada dalam keadaan sihat walafiat dan seperti biasa tetap sibuk dengan aktiviti harian sekolah. Malah, kakanda begitu seronok kerana kakanda banyak mempunyai kawan di sini. Kakanda amat bersyukur kerana dapat belajar di sekolah yang berasrama ini.

Kakanda mendengar berita bahawa adinda sering pulang lewat ke rumah baru-baru ini. Selain itu, adinda juga sering melepak di pusat beli-belah. Adinda juga kerap kali ke bandar Kuantan bersama-sama rakan sebaya yang lain. Sekiranya adinda ke bandar dengan tujuannya tertentu tidak mengapa, sebaliknya adinda hanya membuang masa dan wang di sana.

Akibat sikap adinda yang tidak senonoh itu, ayahanda dan bonda telah memberikan nasihat dan teguran kepada adinda. Adinda bukan sahaja tidak mendengar nasihat mereka, malah meluahkan kata-kata yang kurang sopan terhadap mereka. Kakanda begitu terkilan dengan sikap adinda yang kurang sopan itu.

Sikap adinda yang tidak menghormati orang tua itu memang mengecewakan kakanda. Di samping itu, ayahanda dan bonda amat berkecil hati dengan perangai adinda tersebut.

Sebenarnya, ayahanda dan bonda amat menyayangi adinda sebab itulah mereka memberikan teguran kepada adinda. Mereka risau sekiranya adinda terpengaruh dan terikut-ikut oleh perbuatan rakan-rakan adinda. Oleh itu, kakanda berharapkan agar adinda menghindari perbuatan yang tidak berfaedah itu. Kakanda amat berharap agar adinda dapat memilih jalan hidup yang baik. Janganlah kita menjadi sampah masyarakat dan dipandang rendah oleh orang lain.

Sampai di sini sahaja nukilan kakanda buat kali ini. Sampaikan salam sayang kakanda kepada ayahanda dan bonda. Semoga berjumpa lagi.

Yang merinduimu,
SiewLan

Kosa kata

1. **semoga:** agar 但愿
2. **walafiat:** sihat 安乐的
3. **bersyukur:** berterima kasih (kepada Tuhan)感激
4. **melepak:** menghabiskan masa dengan berjalan-jalan tanpa melakukan sesuatu yang berfaedah 游荡
5. **kerap:** berkali-kali 屡次
6. **senonoh:** sopan 适当的
7. **teguran:** peringatan, nasihat 劝告
8. **mengecewakan:** menyebabkan rasa hampa 使失望
9. **perangai:** kelakuan 举止
10. **menghindari:** menjauhkan diri 避开

BAHAGIAN SASTERA

Memperkenalkan Puisi Moden – Sajak

Sajak ialah sejenis puisi atau karangan berangkap. Sajak hampir sama cirinya dengan puisi tradisional, iaitu pantun dan syair. Seperti pantun dan syair, sajak juga terbina daripada rangkap-rangkap. Namun begitu, dengan meneliti bentuk sajak kita dapat membezakan antara dua jenis puisi ini.

Bentuk sajak dapat dibahagi kepada tiga, iaitu:

i. sajak bebas
ii. sajak terikat
iii. sajak eksperimen

Sajak Bebas

Sajak bebas ialah sajak yang tidak terikat bentuknya seperti bentuk pantun atau syair. Sajak yang dihasilkan itu bebas dari segi bentuk, bilangan baris dan rima akhirnya.

Sajak jenis ini popular di tanah air kita. Sajak jenis ini mudah dibina kerana bilangan barisnya bebas tanpa terikat pada mana-mana bentuk.

Sajak Terikat

Bentuk sajak ini mengikut bentuk syair dan pantun. Sajak jenis ini berkemungkinan juga terikat dengan bentuk-bentuk puisi yang lain, terutamanya jumlah baris dalam serangkap.

Sajak Eksperimen

Sajak eksperimen sebenarnya sajak bebas juga. Bentuknya agak tersendiri yang dihasilkan oleh penyair tertentu.

Walau bagaimanapun, sajak bentuk eksperimen tidak akan diterangkan dalam pembelajaran kita. Di sini kita sertakan contoh sajak bebas sebagai penerangan lanjut.

Ibu Tua

Wajah bertambah tua
dimamah usia
diselubungi kusut fikiran
menunggu kepulangan
seseorang yang dirindukan.

rangkap pertama

Ibu tua
sewaktu-waktu ghairah berkata-kata
diiringi air mata
mengumpul ingatan
merindui insan
yang tak pernah terlupakan.

rangkap kedua

Ibu tua
kian uzur dan pelupa
penantiannya tidak jua terlaksana
tanpa diketahuinya
orang yang dinanti
telah kembali ke hadrat Ilahi...

rangkap ketiga

(dipetik daripada Mutiara Timur, Saudah Mat Lazim)

Melalui sajak di atas kita dapat lihat terdapat tiga rangkap dalam Sajak Ibu Tua. Sajak ini tidak terikat dengan bentuk-bentuk puisi tradisional. Ini dibuktikan dengan sajak ini tidak ada rima akhir yang sama. Suku kata bagi setiap baris juga tidak serupa

Contoh

1. Rima Akhirnya Tidak Sama

Ibu *tua*

sewaktu-waktu ghairah berkata-ka*ta*

diiringi air ma*ta*

mengumpul inga*tan*

merindui in*san*

yang tak pernah terlupa*kan*.

2. Suku Kata Bagi Setiap Baris Tidak Selaras,

① ② ③ ④
I / bu / tu / a

① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ ⑩ ⑪ ⑫
se / wak / tu/ -/ wak / tu / ghai / rah / ber / ka / ta / - / ka / ta

① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧
di / i / ri / ngi /a / ir / ma / ta

① ② ③ ④ ⑤ ⑥
me / ngum / pul / i / nga / tan

① ② ③ ④ ⑤ ⑥
me / rin / du / i / in / san

① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧
yang / tak/ per / nah / ter / lu / pa / kan.

3. Jumlah Perkataan Bagi Setiap Baris Tidak Seimbang

Ibu / tua (dua patah perkataan)

Sewaktu-waktu / ghairah / berkata-kata (tiga patah perkataan)

Diiringi / air / mata (tiga patah perkataan)

Mengumpul / ingatan (dua patah perkataan)

Merindui / insan (dua patah perkataan)

Yang / tak / pernah / terlupakan. (empat patah perkataan)

Kamus Kaki

1. sajak : puisi moden yang digubah dalam bahasa yang indah untuk menyatakan fikiran 新诗
2. terikat : tertakluk 受约束
3. penyair : pengarang syair 诗人
4. dimamah : dimusnah 摧残
5. uzur : lemah 虚弱
6. hadrat : hadapan（王、真主等的）面前
7. terlaksana : tercapai 可达成的
8. Ilahi : Tuhan 神

Catatan:

Pertandingan Melukis
Johan
RM 5,000

KETEKUNAN

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Kejayaan Seorang Pelajar Sekolah Menengah

Saya merupakan salah seorang editor Majalah Remaja Malaysia Saya telah mengadakan satu temu bual dengan seorang pelajar Sekolah Menengah Batu Lapan, Puchong, Selangor baru-baru ini. Dia bernama Tham Yang Chee. Dia telah menjadi juara dalam Pertandingan melukis yang bertemakan Hak Asasi[1] Manusia bagi kategori sekolah menengah rendah yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran. Berikut ialah temu bual saya dengan saudara Tham.



Kosa kata

1. **hak asasi:**
   kuasa yang dasar
   基本权力 [jī běn quán lì]



Wartawan: Tahniah saya ucapkan kepada saudara kerana menjadi juara pertandingan melukis yang bertemakan Hak Asasi Manusia.

Tham: Terima kasih atas ucapan tahniah itu.

Wartawan: Apakah yang mendorong saudara menyertai pertandingan ini?

Tham: Pada mulanya, saya kurang yakin untuk menyertai pertandingan ini, kerana saya tidak mempunyai pengalaman dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan melukis yang bersifat kemasyarakatan[2]. Namun atas dorongan guru seni lukis dan ibu bapa, akhirnya saya mengambil kata putus untuk menempuh[3] halangan pertandingan ini.

Wartawan: Apakah perasaan saudara Tham setelah memperoleh kejayaan ini?

Tham: Saya sungguh terkejut menerima perkhabaran[4] yang tidak disangka-sangka ini. Saya menyifatkan kemenangan ini suatu kejayaan besar bagi diri saya. Tidak sangka sama sekali penyertaan ini secara langsung menempa kejayaan. Kemenangan pertama ini seolah-olah memberi suntikan[5] semangat kepada saya untuk menyertai pertandingan-pertandingan yang lain.

Kosa kata

2. **kemasyarakatan:**
   Kehidupan manusia
   社会性[shè huì xìng]
3. **menempuh:**
   menghadapi
   面对[miàn duì]
4. **perkhabaran:**
   berita
   消息[xiāo xí]
5. **suntikan:**
   rangsangan
   刺激[cì jī]

Wartawan: Bolehkah saudara Tham jelaskan kepada saya tentang konsep lukisan yang telah saudara lukis?

Tham: Lukisan yang saya hasilkan sebenarnya berkonsepkan[6] kesengsaraan[7] hidup kanak-kanak di Iraq. Hal ini bersesuaian dengan hasrat pihak Suhakam. Saya cuba untuk menyelami[8] perasaan dan penderitaan mereka. Keperitan hidup mereka jelas tergambar[9] melalui air muka golongan yang tidak bersalah ini. Selain itu, saya juga mengkombinasikan warna yang menarik untuk menyerlahkan[10] gambaran kesengsaraan kanak-kanak Iraq .

Wartawan: Apakah perancangan masa depan saudara Tham dalam bidang melukis ini?

Tham: Kejayaan kali pertama ini akan mendorong dan membakar semangat saya lagi dalam membaiki mutu lukisan. Dalam lubuk hati ini tersemat cita-cita untuk menjadi pelukis terkenal pada masa akan datang.

Wartawan: Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kerana saudara Tham sudi untuk ditemu bual. Saya berharap agar saudara Tham akan memperoleh lebih banyak kejayaan.

Tham: Terima kasih.

Kosa kata

6. **berkonsepkan:** berdasarkan, berlandaskan 依据[yī jù]
7. **kesengsaraan:** keperitan, kesusahan 苦难[kǔ nàn]
8. **menyelami:** memahami, merasai 感受[gǎn shòu]
9. **tergambar:** terwujud, terlihat 浮现[fú xiàn]
10. **menyerlahkan:** menonjolkan 突显[tū xiǎn]

KEFAHAMAN

(A) Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Namakan pihak yang menganjurkan pertandingan yang disertai oleh Saudara Tham?
   A. Majalah Remaja Malaysia
   B. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam)
   C. Kementerian Pelajaran
   D. Sek. Men. Batu Lapan Puchong, Selangor

2. Bagaimanakah perasaan Saudara Tham apabila mendengar kemenangannya?
   A. tersedu B. terperanjat C. termenung D. tersenyum

3. Mengapakah Saudara Tham memilih konsep kesengsaraan hidup kanak-kanak Iraq?
   A. rasa kecewa dengan sikap penjajah
   B. rasa geram kerana mereka terus dibiar tanpa bantuan
   C. mengikut kehendak penganjur
   D. ingin menyelami perasaan dan penderitaan rakyat Iraq

4. Berikan maksud perkataan rangkai kata 'air muka'.
   A. kekacakan B. paras rupa C. keringat D. kekerutan

5. Apakah perkataan yang sesuai untuk menggantikan perkataan yang berhuruf condong dalam ayat di bawah?
   "Tham akan memperoleh kejayaan"
   A. kejuaraan B. kehebatan
   C. kecemerlangan D. keunggulan

(B) Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Mengapakah Tham Yang Chee ditemu bual?
2. Atas dorongan siapakah Yang Chee menyertai pertandingan itu?
3. Mengapakah Yang Chee berasa sangat gembira?
4. Nyatakan konsep yang mendasari lukisannya.
5. Berikan dua faedah anda mengikuti kelas lukisan di sekolah.

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

pengarang: pe + nga + rang	mengadakan: me + nga + da + kan
menyertai: me + nyer + ta + i	kemasyarakatan: ke + ma + sya + ra + ka + tan
kesengsaraan: ke + seng + sa + ra + an	bersesuaian: ber + se + su + ai + an
menyelami: me + nye + la + mi	mengkombinasi: meng + kom + bi + na + si
menyerlahkan: me + nyer + lah +kan	profesional: pro + fe + sio + nal

Kemusykilan saya:

MENDENGAR DAN BERTUTUR

PETIKAN 1

Dengar petikan berikut dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.



1. Di manakah buah-buahan ini ditanam?
   A. di tepi jalan
   B. di ladang
   C. di kebun
   D. di ladang dan di kebun

2. Buah yang manakah digelar sebagai 'Raja Buah-buahan'?
   A. buah Manggis
   B. buah Rambutan
   C. buah Durian
   D. buah Ciku

3. Buah-buahan di negara kita kaya dengan apa?
   A. kolesterol
   B. vitamin
   C. kalsium
   D. zat besi

4. Berikan satu sinonim bagi perkataan 'khasiat'.
   A. sedap
   B. berzat
   C. faedah
   D. tawar

PETIKAN 2

Dengar petikan berikut dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.

1. Ke manakah Hassan pergi?
   A. untuk bersiar-siar
   B. untuk menghirup udara segar
   C. untuk pergi melastik
   D. untuk pergi ke rumah kawannya

2. Apakah yang dilihat oleh Hassan?
   A. sebatang pokok
   B. sebuah sarang lebah
   C. seekor burung
   D. sebuah sarang burung

3. Apakah yang dimaksudkan dengan 'melastik'?
   A. membaling
   B. melempar
   C. melontar
   D. melantingkan

4. Apakah simpulan bahasa yang sesuai untuk menggambarkan sifat degil Hassan?
   A. kaki bangku
   B. kepala batu
   C. ayam tambatan
   D. ada angin

PERMAINAN BAHASA

A. BEKAS BARANG

Cantumkan petak-petak tiga huruf dalam rajah di bawah untuk mendapatkan senarai nama tujuh bekas mengisi barang.

Contoh

TAB + UNG = TABUNG

G	P	P	I	T	U	B
K	U	T	A	N	N	A
I	L	C	A	H	G	L
T A B		K			P E R	
A N G		A			S A M	
K A N		M			I U K	

Semua jawapan yang dicipta terdiri daripada perkataan yang mengandungi enam huruf.

SELAMAT MENCUBA

B. KEGIATAN BELAJAR KENDIRI

Untuk mendapatkan kejayaan yang benar-benar bermakna, setiap pelajar haruslah mempunyai cita-cita, hasrat, matlamat, dan yang terbesar ialah wawasan. Apakah cita-cita anda? Lengkapkan carta di bawah untuk menerangkan cita-cita anda.



MENULIS

1. Karangan Jenis Dialog

Berdasarkan contoh perbualan yang diberikan di bawah, lakonkannya di hadapan kelas anda. Setelah melakonkannya, tulis satu karangan dialog yang bertajuk menjaga kebersihan diri yang panjangnya antara 100 hingga 120 patah perkataan.

Suatu Perbualan Antara Pesakit dengan Doktor

Ekram tidak sihat. Bapanya, Encik Anjang membawa Ekram berjumpa dengan doktor di bandar. Yang berikut ialah perbualan mereka.

Ekram : Selamat malam, doktor.
Doktor : Selamat malam. Sila duduk. Ekram sakit apa?
Ekram : Mata saya berasa pedih dan sukar untuk melihat. Saya berasa seperti ada sesuatu di dalam mata saya.
Doktor : Oh, begitu. Adakah Ekram menggosok mata dengan jari?
Ekram : Ada, apabila mata saya berasa gatal.
Doktor : Tindakan Ekram itu salah, kerana apabila kita menggosok mata kita dengan jari, kemungkinan mata kita akan bertambah sakit. Di jari-jari kita terdapat banyak kuman. Sudah tentu mata kita dijangkiti kuma

Ekram : Begitukah doktor?

Doktor : Ekram jangan bimbang. Saya akan memberikan ubat titisan dan antibiotik untuk merawat mata Ekram. Saya akan memberikan Ekram surat cuti sakit selama dua hari. Ingat Ekram kena guna kain yang bersih ketika menggosok mata. Sekarang, sila ambil ubat di kaunter.

Ekram : Baiklah, doktor. Terima kasih.

Doktor : Sama-sama.

Selepas berjumpa dengan doktor, Amran ke kaunter farmasi untuk mendapatkan ubat yang diberikan oleh doktor. Kemudian, Amran bersam ayahnya pun pulang dengan menaiki bas.

2. Melengkapkan Teks

Isi tempat kosong di bawah dengan perkataan yang sesuai.

keperluan | tersedia | teratur | kegunaan

dibungkus | melengah-lengahkan | tersentak | betul

sekolah | sana | pekan | membelek-belek

Di Pasar Mini

Kamariah dan Kar Mei berbasikal ke .....[1]..... Mereka ingin membeli barang .....[2].....di pasar mini. Berikut ialah perbualan mereka.

Kar Mei : Wah, banyak ……[3]……barang yang dijual di pasar mini ini! Tidak perlulah kita ke bandar lagi. Semuanya ……[4]……ada di sini.

Kamariah : Betul cakap kamu, Kar Mei. Kedai ini ada menjual barang-barang ……[5]……. Barang-barang ……[6]…… harian pun ada. Di sudut sana pula ada bahagian alat tulis.

Kar Mei : Mari kita pergi ke……[7]……..!

(Kar Mei dan Kamariah pun pergi ke bahagian alat tulis.)

Kamariah : Wah, barang-barang di pasar mini ini ……[8]……dengan kemas di atas rak-rak!

Kar Mei : Betullah Kamariah. Pasti kakitangannya rajin bekerja. Jangan kita ……[9]…… waktu lagi. Mari kita pergi mencari barang yang ingin kita beli.

Setelah puas …….[10]…… barang, akhirnya mereka menemui barang yang dikehendaki. Rupa-rupanya mereka mencari peralatan geometri. Mereka pun menuju ke kaunter pembayaran untuk membuat bayaran.

3. Peribahasa (Perumpamaan)

Apakah itu perumpamaan?

Perumpamaan ialah susunan kata yang indah, ringkas, dan kemas serta mempunyai maksud yang tersembunyi. Kerap kali kita terjumpa perumpamaan ini ditandai dengan kata-kata bak, bagai, ibarat, laksana, seperti, dan umpama. Semua kata ini membawa maksud yang sama.
Di bawah ini dicatatkan beberapa perumpamaan untuk pemahaman anda.

Bil	Perumpamaan dan Maksudnya	Maksud dalam Bahasa Cina	Ayat Contoh
1	**bagai duri dalam daging** sesuatu hal yang tidak menyenangkan hati	如眼中钉 令人不悦的事情	Perbuatan menerima rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan dianggap sebagai duri dalam daging.
2	**bagai menatang minyak yang penuh** mendidik anak dengan penuh belaian kasih sayang	掌上明珠 非常珍贵、爱惜	Puan Noriah mengasuh anak bongsunya bagai menatang minyak yang penuh.
3	**seperti bertih digoreng** bunyi bising atau percakapan yang tidak berhenti-henti	响个不停 形容枪声、鞭炮声不断	Bunyi mercun seperti bertih digoreng riuhnya semasa perayaan tahun baru.

4	**seperti kera kena belacan** orang yang tidak suka duduk diam di satu-satu tempat	活蹦乱跳 形容一个人不能安定坐下来	Semasa dalam perjalanan pulang ke kampung, Puan Mariam asyik memarahi anak-anaknya yang melompat-lompat seperti kera kena belacan di dalam kenderaan mereka.
5	**seperti anjing dengan kucing** orang yang selalu bergaduh apabila berjumpa	水火不容 不能心平气和的相处	"Di meja makan pun kamu berdua ini hendak bergaduh, tidak boleh berjumpa, pasti ada yang akan digaduhkan, seperti anjing dengan kucing asyik bercakaran,"marah ibu kepada anaknya.
6	**umpama sudah diberi betis , hendakkan paha** sudah diberi sedikit, tetapi diminta untuk ditambah	得寸进尺 形容一个人过分的要求	Mak Joyah masih lagi meminta perbelanjaan dapur lagi walaupun sudah diberi oleh anaknya. perbuatan itu diumpamakan sudah diberi betis, hendakkan paha.

Para pelajar bagaimana?

Carilah perumpamaan lain yang terdapat dalam Bahasa Malaysia. Anda boleh meminta bantuan guru anda atau mencarinya dalam kamus peribahasa. Setelah itu anda dikehendaki untuk menyampaikannya di hadapan kelas.



LATIHAN

Lengkapkan ruangan di bawah dengan situasi yang sesuai dengan maksud perumpamaan yang diberi.

1.

bagai duri dalam daging

- tingkah laku rasuah
-
-

2.

bagai menatang minyak yang penuh

-
-
-

3.

seperti bertih digoreng

4.

seperti kera kena belacan

5.

sudah diberi betis hendakkan paha

6.



TATABAHASA

1. Kata Perintah

Apakah itu Kata Perintah?

Para pelajar yang disayangi,

Perkataan-perkataan yang terdapat di atas semuanya Kata Perintah. Cikgu yakin bahawa para pelajar sudah mengetahuinya melalui pembelajaran lalu. Cikgu juga yakin para pelajar pernah menggunakan Kata Perintah ini dalam kehidupan sehari-harian.

Di bawah ini dicatatkan beberapa contoh ayat yang menggunakan Kata Perintah.

Bil	Kata Perintah	Contoh Ayat dan Maksud Penggunaannya
1	jangan 不可	• Jangan buang sampah di merata-rata tempat. • Janganlah bersusah hati. [memberikan satu perintah/arahan yang bersifat tegas]
2	usah 不要	• Usah ganggu saya sekarang. [memberikan satu arahan yang bersifat permintaan kepada orang lain]
3	sila 请	• Sila letakkan pen anda sekarang. • Silalah tuan-tuan masuk. [memberikan perintah secara hormat dan bersifat lembut tetapi tegas]
4	jemput 欢迎	• Jemputlah ke rumah kami jika kamu ada kelapangan. [memberikan arahan secara hormat agar orang yang menerima permintaan tadi sudi menerimanya]
5	minta 请求	• Minta beratur di luar kelas. [memberikan arahan yang bersifat tegas agar penerima akan mematuhi perintah tersebut]
6	tolong 帮忙	• Tolong sampaikan salam saya kepada emak kamu. • Tolonglah diam sebentar. [meminta seseorang untuk membuat sesuatu]
7	harap 希望	• Harap cikgu bantu saya menyelesaikan masalah ini. [meminta pertolongan dengan harapan yang tinggi agar hal yang dihadapi dapat disempurnakan]

Demikianlah gambaran awal penggunaan Kata Perintah. Kita dapat membuat kesimpulan bahawa Kata Perintah digunakan untuk;

- memberikan satu perintah
- memberikan satu arahan
- memberikan satu larangan
- mempersilakan
- meminta dengan sopan

→ kepada seseorang atau ramai

LATIHAN

A. Kegiatan Belajar Kreatif

Para pelajar dikehendaki untuk mencari papan tanda yang menggunakan Kata Perintah. Cikgu yakin bahawa semua pelajar pernah melihatnya di sepanjang jalan ketika menuju ke sekolah atau ke mana-mana sahaja. Lakarkan papan-papan tanda yang menggunakan Kata Perintah dalam buku latihan anda.

1.

2.

3.

4.

B. Pilihlah Kata Perintah yang sesuai untuk menyatakan informasi yang terdapat dalam ayat di bawah.

1. [Jangan, Sila] gunakan kata-kata kurang sopan apabila bercakap.
2. [Harap, Tolong] berikan tiga batang pen kepada pelajar itu.
3. [Usah, Jangan] bimbang sangat tentang dirinya.
4. [Sila, Jemput] tutup pintu tandas.
5. [Harap, Usah] dia bersabar menerima musibat ini.
6. [Minta, Harap] bantuan daripada Cikgu Mamat jika kamu ada masalah.
7. [Jemput, Minta] hadirkan diri dalam mesyuarat pada malam nanti.
8. [Minta, Sila] mereka diam.
9. [Sila, Tolong] masuk apabila nama dipanggil.
10. [Jangan,Tolong] sampaikan berita ini.

2. Imbuhan Awalan se-

Awalan se- dapat digunakan bagi menerbitkan Kata Adjektif apabila bergabung dengan kata-kata dasar untuk memberi pengertian yang sama.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
tinggi	se + tinggi	setinggi
besar	se + besar	sebesar
pandai	se + pandai	sepandai
indah	se + indah	seindah

Contoh dalam ayat:

1. Kelulusan John tidak setinggi kelulusan Richard.
2. Bangunan di situ akan didirikan sebesar bangunan kompleks Mid Valley.
3. Aminah tidak sepandai adiknya.
4. Pemandangan di sini seindah pemandangan di Langkawi.

LATIHAN

A. Berdasarkan perkataan di bawah, masukkan kata-kata berimbuhan se- tersebut dalam ruangan kosong yang telah disediakan.

sesedap semerah sewaktu secepat

sekental sepandai setangkas secocok

sebagus segalak sebanding sejajar

1. Kata-katanya tidaklah ..... yang disangka walaupun wajahnya bengis.
2. Masakan ibu saya ..... masakan ibunya.
3. Warna bajunya ..... biji saga.
4. Kekuatan Badang dalam cerita mitos Melayu ..... dengan kekuatan Superman.

5. Kejadian tanah runtuh itu berlaku ..... dia pergi ke Kuala Lumpur.
6. Semangatnya ..... dengan semangat abang sulungnya.
7. Kedudukan rumah Pak Lah ..... dengan rumah Pak Lek.
8. Hasil lukisan pelajar ini bolehlah dikatakan ..... hasil lukisan pelukis terkemuka.
9. Fatimah tidak ..... kakaknya.
10. Pasangan pengantin yang sedang memotong kek di atas pentas itu ..... .

B. Bina Ayat

Bina satu ayat bagi setiap kata di bawah bagi mengukuhkan pemahaman anda.

sedarjat

sekelip sejenak

sepakat sesenang serumah

3. Imbuhan Awalan di-

Imbuhan di- merupakan imbuhan awalan Kata Kerja. Umumnya imbuhan ini membentuk Kata Kerja Pasif untuk Kata Ganti Nama Orang Ketiga seperti dia, ia, beliau, -nya, baginda, dan mereka. Di bawah dicatatkan beberapa contoh ayat yang menggunakan awalan tersebut.



Contoh-contoh perkataan yang mendapat awalan di-:

di + tulis	→	ditulis	+	oleh	+	pelajar itu
di + pukul	→	dipukul	+	oleh	+	ayahnya
di + ambil	→	diambil	+	oleh	+	mereka
di + titah	→	dititah	+	oleh	+	baginda
di + panah	→	dipanah	+	oleh	+	putera raja
di + gulai	→	digulai	+	oleh	+	kakak pagi tadi
di + tikam	→	ditikam	+	oleh	+	Hang Tuah

Penggunaan dalam Ayat:

1. Kain baju itu telah dicuci oleh emak. (Ayat Pasit)
   KK KGN III
   Emak telah mencuci kain baju itu. (Ayat Aktif)

2. Buah-buah rambutan ini dijolok oleh ayah sebentar tadi.
   KK KGN III
   Sebentar tadi, ayah menjolok buah-buah rambutan ini.

3. Kamal dihukum oleh cikgunya berdiri di atas kerusi.
   KK KGN III
   Cikgunya menghukum Kamal berdiri di atas kerusi.

4. Potret ini dilukis oleh Muthu selama dua minggu.
   KK KGN III
   Muthu melukis potret ini selama dua minggu.

5. Richard diminta oleh gurunya supaya membaca dengan senyap.
   KK KGN III
   Gurunya meminta Richard supaya membaca dengan senyap.

6. Buku itu telah dibaca oleh kakak.
   KK KGN III
   Kakak telah membaca buku itu.

7. Penjahat itu telah dihukum oleh tuan hakim.
   KK KGN III
   Tuan hakim telah menghukum penjahat itu.

8. Buku-buku ini telah dikoyak oleh adik bongsunya.
KK KGN III
Adik bongsunya telah mengoyak buku-buku ini.



9. Mei Ling dipanggil oleh guru ke pejabat.
KK KGN III
Guru memanggil Mei Ling ke pejabat.

10. Kereta ini dicat oleh abangnya pada bulan lepas.
KK KGN III
Abangnya mengecat kereta ini pada bulan lepas.



LATIHAN

A. Kegiatan Kerja Kreatif

Bersama-sama rakan anda cari perkataan-perkataan lain yang menggunakan imbuhan awalan di-. Kemudian berikan maksud kata-kata tersebut.

B. Isikan perkataan berimbuhan di- yang bersesuaian dengan situasi yang diminta.

1.



2.

ditimbang
situasi di pasar

3.


dicop
situasi di pejabat pos

4.


dirawat
situasi di hospital

C. Pilih salah satu situasi di atas dan bina ayat bagi setiap perkataan yang dicari.

Contoh

1. Situasi di dapur;

a. direbus → Ubi kayu ini perlu direbus sehingga empuk.

4. Imbuhan Awalan ke-

Awalan ke- digunakan untuk menyatakan orang atau benda yang menjadi tujuan dalam Kata Dasar. Awalan ke- bertugas untuk membentuk Kata Nama, Kata Bilangan Tingkat, dan Kata Bilangan Himpunan.



LATIHAN

Bubuhkan awalan ke- bagi perkataan yang sesuai dalam ayat di bawah.

1. Tiga-tiga mereka telah dihukum penjara selama sepuluh tahun.
2. Makanan yang terhidang di atas meja itu adalah untuk hidangan dua-dua mempelai.

3. Sudah lima tahun berturut-turut budak itu menjadi tua kelas.
4. Tahukah kamu semua kanak-kanak itu pergi ke mana?
5. Kasih abangnya berasal dari Sabak Bernam.
6. Budak yang berbadan kurus itu ialah anak enam dalam keluarganya.
7. Buku peraturan ini haruslah diserahkan seluruh ahli persatuan.
8. Pada malam tujuh, barulah mereka mendapat makanan yang enak-enak.
9. Pada hari yang lima belas bulan akan menjadi terang benderang.
10. Dia telah tagih ganja semenjak pulang dari kota.

TEKNIK PEMBELAJARAN

1. Persediaan Mengarang

A. Persediaan Awal Mencari Bahan

- banyak membaca bahan-bahan terkini

Contoh

Majalah Siswa, Majalah Kosmik, dan lain-lain.

- mengumpul bahan-bahan lalu dijadikan rujukan peribadi

Contoh

Peras Ugut
mencari keratan-keratan berita mengenai kejadian peras ugut kemudian tampalkan ke dalam buku latihan sebagai rujukan peribadi.

B. Kaedah Awal Mengumpul Isi Karangan

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilakukan untuk mengumpul isi karangan. Di bawah disenaraikan beberapa kaedah yang boleh dicuba oleh para pelajar.

i. membuat catatan ringkasan isi di buku kecil sebagai rujukan peribadi

Kejadian Peras Ugut

Sebab-sebab berlaku peras ugut:
- ingin menunjukkan kekuatan kepada orang lain
- merelakan berlakunya perbuatan peras ugut
- lambat bertindak untuk mengatasinya

Langkah-langkah:
- mengadakan penerangan mengenai perbuatan peras ugut

ii. ringkaskan isi-isi penting dalam bentuk peta minda



iii. memfailkan artikel-artikel isu semasa mengikut tajuk-tajuk tertentu

iv. melihat gaya penulisan contoh-contoh karangan

v. berbincang secara berkumpulan

2. Mula Mengarang

Pepatah Melayu berkata, sediakan payung sebelum hujan yang membawa maksud membuat persiapan yang lengkap sebelum melakukan sesuatu pekerjaan.

- bacalah soalan beberapa kali dengan penuh perhatian
- pilihlah tajuk yang sesuai dengan pengetahuan anda. Jangan memilih tajuk yang anda kurang pasti.
- mencatat isi-isi penting
- apabila sudah pasti dengan isi-isi berkenaan, mulalah mengarang
- setelah selesai mengarang, jangan lupa untuk menyemak hasil karangan anda
- hantarlah karangan anda itu setelah anda berpuas hati

LATIHAN

Sediakan satu rangka karangan bagi salah satu tajuk di bawah.

1. Faedah-faedah Menabung Kepada Diri Kita.
2. Kepentingan Kemudahan Asas Kepada Kita.
3. Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh.
4. Kehidupan Harian Seorang Pemandu Teksi.
5. Keburukan Peperangan.

BAHAGIAN SASTERA

Baca puisi di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Tekun



Sehari selembar benang ditenun
lama-lama menjadi kain
sehari sebaris ayat ditulis
lama-lama menjadi buku
sehari sesen menabung
lama-lama senang juga
sehari sebatas ubi ditanam
lama-lama seluas ladang
asalnya tekun akhirnya menjadi.

(dipetik daripada Semerbak Puisi, Khadijah Hashim)

Maksud Puisi

Penyajak menasihati kita supaya bersikap tekun dalam segala usaha yang hendak kita lakukan. Ketekunan akan menghasilkan kejayaan.

Kamus Kaki

1. selembar : (kata bilangan) bagi mengira benda yang halus 条
2. ditenun : kerja-kerja menggunakan benang untuk menjadikan kain 纺织
3. menabung : menyimpan wang 储蓄
4. sebatas : sejalur 一行
5. ladang : kebun 园丘

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah bersikap tekun supaya berjaya.
2. Kita hendaklah mengamalkan amalan menabung supaya hidup senang pada masa akan datang.

Soalan Kefahaman

1. Apakah jenis puisi di atas?
   A. pantun B. sajak C. syair D. seloka

2. Pernyataan di bawah yang manakah tidak ada kaitan dengan petikan yang dibaca?
   A. usaha kita akan berbuah nanti
   B. menabung merupakan amalan yang baik
   C. tabah membawa faedah kepada kita
   D. berbudi bahasa amalan kita

3. Antara peribahasa yang berikut yang manakah bersinonim dengan ayat di bawah?

sehari sesen menabung
lama-lama senang juga

A. sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit
B. bagai melepaskan batuk di tangga
C. biar lambat asalkan selamat
D. cepat kaki, ringan tangan



Cataract:

NEGARAKU MALAYSIA

MEMBACA DAN MEMAHAMI



Kedudukan Malaysia di Asia Tenggara

Pelbagai keistimewaan yang kita nikmati daripada kedudukan geografi Malaysia yang strategik[1] kerana Malaysia terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan dikelilingi[2] oleh negara-negara jiran. Iklim tropikal khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun telah membebaskan kita daripada kesejukan dan kekeringan yang melampau[3]. Selain itu, kita juga tidak diancam[4] oleh gempa bumi[5] dan angin taufan yang begitu teruk sebagaimana dialami di Indonesia dan di Filipina.

Kosa kata

1. **strategik:**
   baik letaknya
   位置优越
   [wèi zhi yōu yuè]
2. **dikelilingi:**
   dilingkari
   被包围[bèi bāo wéi]
3. **melampau:**
   keterlaluan 过分[guò fèn]
4. **diancam:**
   dalam keadaan bahaya
   受威胁[shòu wēi xié]
5. **gempa bumi:**
   gerakan bumi
   地震[dì zhèn]

Laut China Selatan memisahkan Malaysia Timur dan Malaysia Barat. Kesemua 13 buah negeri di Malaysia mempunyai persisiran pantai[6] yang panjang dengan pasir yang memutih. Kawasan laut di sekeliling Malaysia sangat penting kepada negara kita. Beberapa buah pulau yang bertaburan di perairan[7] Malaysia telah menjadi daya tarikan kepada pelancong seperti Pulau Langkawi, dan Pulau Redang. Selain kaya dengan sumber protein, kawasan luar pantai kita juga kaya dengan sumber galian[8] seperti petroleum dan gas asli.

Sebahagian besar daripada penduduk Malaysia bertumpu di kawasan tanah pamah[9] dan persisiran pantai. Kegiatan pertanian giat dijalankan di sini kerana tanihnya sangat subur. Kawasan ini juga dilengkapi kemudahan seperti jalan raya dan jalan kereta api. Penumpuan penduduk di sini telah menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Kinabalu, dan Kuching.

Kosa kata

6. **persisiran pantai:**
   daratan di sepanjang tepi laut
   沿海地区[yán hǎi dì qū]
7. **perairan:**
   kawasan laut sesebuah negara
   领海[lǐng hǎi]
8. **galian:**
   bahan yang dikeluarkan dari bumi
   矿物[kuàng wù]
9. **tanah pamah:**
   tanah rendah
   低地[dī dì]

Kawasan pedalaman[10] di Malaysia Timur terdiri daripada banjaran gunung[11]. Gunung Kinabalu (4101 meter) yang terletak di Banjaran Crocker, Sabah ialah kebanggaan kita kerana gunung ini ialah gunung yang tertinggi di Asia Tenggara. Kawasan pergunungan ini berperanan sebagai penaung[12] hutan hujan tropika yang tertua di dunia dan kawasan tadahan air[13]. Di dalam hutan inilah tumbuhnya bunga raksasa, yakni bunga Rafflesia yang mengagumkan[14] kita. Kini, banyak kawasan pergunungan di Malaysia yang telah diteroka[15] dan dimajukan sebagai pusat peranginan tanah tinggi.

Kosa kata

10. **pedalaman:**
    daerah yang jauh dari pantai
    内陆[nèi lù]
11. **banjaran gunung:**
    barisan gunung
    山脉[shān mài]
12. **penaung:**
    pelindung
    保护[bǎo hù]
13. **tadahan air:**
    tempat menampung air
    聚水区[jù shuǐ qū]
14. **mengagumkan:**
    menakjubkan
    感到惊奇
    [gǎn dào jīng qí]
15. **diteroka:**
    dibuka 开发[kāi fā]

KEFAHAMAN

(A) Sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Antara pernyataan berikut yang manakah bukan tentang kedudukan geografi Malaysia?
   A. lokasinya sangat baik
   B. Malaysia terletak di kawasan tropika
   C. Malaysia terletak di pusat Asia Tenggara
   D. Malaysia mengelilingi negara-negara jirannya

2. Apakah maksud perkataan membebaskan yang terdapat dalam petikan?
   A. tidak terikat oleh
   B. tidak terpengaruh oleh
   C. boleh bergerak sesuka hati
   D. terkecuali daripada

3. Apakah maksud rangkai kata daya tarikan yang terdapat dalam petikan?
   A. kekuatan magnet yang dapat menarik logam besi
   B. kekuatan graviti yang menyebabkan sesuatu itu gugur
   C. kekuatan yang dapat memikat hati seseorang
   D. kekuatan yang memaksa sesuatu itu bergerak

4. Mengapakah kebanyakan penduduk Malaysia tertumpu di kawasan tanah pamah dan persisiran pantai?
   I kerana tanihnya sesuai untuk bercucuk tanam
   II kerana adanya infrastruktur yang sempurna
   III kerana adanya kota-kota raya
   IV kerana ada banyak kegiatan ekonomi

   A. I, II & IV
   B. II, III & IV
   C. I, II, & III
   D. I, II, III & IV

5. Pada pendapat anda, yang manakah antara berikut layak dicatatkan dalam Rekod Malaysia?
   I Gunung Kinabalu di Banjaran Crocker
   II Bunga Rafflesia di dalam hutan
   III hutan hujan tropika di Malaysia
   IV garisan pantai yang panjang

   A. I, II & IV
   B. II, III, & IV
   C. I, II, & III
   D. I, II, III & IV

(B) Jawap semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Namakan 3 negara yang terdapat di Asia Tenggara selain Malaysia.
2. Apakah ciri-ciri iklim tropikal khatulistiwa?
3. Mengapakah kawasan laut di sekeliling Malaysia dikatakan penting kepada negara kita?
4. Jelaskan peranan kawasan pergunungan di Malaysia.
5. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan gugusan pulau di perairan Malaysia menjadi daya tarikan pelancong?

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

geografi: geo + gra + fi	mengalami: me + nga + la + mi
iklim: i + klim	khatulistiwa: kha + tu + lis + ti + wa
perairan: per + a + i + ran	protein: pro + tein
petroleum: pe + tro + leum	persisiran: per + si + si + ran
penaung: pe + na + ung	peranginan: per + a + ngi + nan

MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Memperkenalkan negeri dan bendera negeri masing-masing.

A. Setiap negeri di Malaysia ada keunikannya yang tersendiri. Bagaimanakah anda memperkenalkan negeri anda kepada kawan anda yang berasal dari negeri lain? Sekarang, cuba anda huraikan keistimewaan negeri anda berpandukan soalan-soalan di bawah ini.

1. Apakah nama negeri anda?
2. Di manakah letaknya negeri anda?
3. Nyatakan negeri-negeri yang berjiranan dengan negeri anda.
4. Perkenalkan negeri anda dari segi:
   i. tempat-tempat yang menarik
   ii. hasil-hasil tempatan
   iii. permainan tradisional

B. Bendera negeri ialah lambang negeri. Kita harus berasa bangga dengan bendera negeri kita. Sekarang, berpandukan kosa kata yang sesuai, huraikan bendera negeri anda.

segi empat tepat | segi tiga | jalur | bintang
bucu | bulan sabit | bentuk | tengah
penjuru | kiri | kanan | petak

Perlis

Kedah

Pulau Pinang

Perak

Selangor

Negeri Sembilan

Melaka

Johor

Pahang



Terengganu

Kelantan

Sabah

Sarawak

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Labuan

Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Lakarlah peta Malaysia dan namakan negeri serta ibu negeri masing-masing.

3. Lagu: Jalur Gemilang

Mendengar lagu patriotik merupakan cara yang baik untuk memupuk perasaan cinta akan negara. Dengarlah rakaman lagu "Jalur Gemilang" dengan teliti, kemudian lengkapkan lirik lagu di bawah ini.

Jalur Gemilang

Merah membawa semangat (1)_____
putihmu bersih budi pekerti
kuning (2)_____ payung negara
biru (3)_____ kami semua.

(4)_____ dunia telah kautawan
lautan luas telah kauredah
membawa semangat jiwa (5)_____
semarak jaya kami warganya.

Empat belas (6)_____ jalurnya
semua negeri dalam Malaysia
satu suara satu semangat
itu (7)_____ warga berdaulat.

Jalur Gemilang di bawah naunganmu
Jalur Gemilang kami semua bersatu
perpaduan (8)_____
amalan (9)_____ rakyat Malaysia.

Jalur Gemilang (10)_____ kami terasa
Jalur Gemilang kibarkanlah (11) _____
merah putih biru kuning
jalur (12)_____ kami semua.

Berkibarlah
berkibarlah
berkibarlah
Jalur Gemilang!

MENULIS

1. Mengarang Berdasarkan Peta

Pada cuti sekolah yang lepas, anda telah melawat ke Pulau Pinang. Peta di sebelah menunjukkan tempat-tempat yang telah anda lawati. Berdasarkan peta tersebut dan maklumat di bawah ini, tulis sebuah karangan tentang percutian anda itu. Panjang karangan anda hendaklah antara 100 hingga 120 patah perkataan.



Peta Pulau Pinang

Pengkalan Raja Tun Uda • menaiki feri	**Jambatan Pulau Pinang** • panjangnya 13.5km	**Kota Cornwallis** • beberapa laras meriam • kubu lama	**Taman Botanikal** • pelbagai jenis tumbuhan tropika • kera berkeliaran
Batu Feringgi • pantai yang cantik • berenang, berkelah • ramai pelancong asing	**Taman Rama-rama** • 120 spesies rama-rama dan serangga • pelbagai jenis pokok bunga	**Tokong Kek Lok Si** • tokong Buddha terbesar di Malaysia • mendaki 193 anak tangga	**Tokong Ular** • ular melingkar pada dahan pokok, tiang • bergambar dengan ular

2. Menyusun ayat

Susun semula ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi satu perenggan.

1. A. Sesetengahnya pula singgah untuk mengisi minyak sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi yang lain.

   B. Kapal-kapal kargo ini dimuatkan dengan berjuta-juta tan barang pukal.

   C. Beratus-ratus buah kapal kargo dari seluruh dunia berlabuh di sini setiap hari.

   D. Sebahagian daripada kapal kargo menurunkan muatannya di Pelabuhan Klang.

   E. Pelabuhan Klang ialah pelabuhan terbesar di Malaysia.

2. A. Oleh itu, Dataran Kedah-Perlis juga dikenal sebagai Jelapang Padi Malaysia.

B. Tanih lanar amat sesuai untuk penanaman padi.

C. Padi ditanam dua kali setahun di kawasan ini.

D. Kawasan ini menghasilkan 25% daripada jumlah keluaran padi Malaysia.



E. Dataran Kedah-Perlis terdiri daripada tanih lanar yang subur.

3. A. Antara binatang yang perlu dilindungi ialah orang utan, tapir, harimau bintang, dan siamang.

B. Hutan hujan tropika yang tebal ialah habitat semula jadi binatang liar.

C. Hukuman berat terhadap pemburu dan pembalak haram harus dikuatkuasakan oleh pihak berkenaan.

D. Aktiviti pembalakan dan pemburuan menyebabkan binatang liar kian pupus.

E. Oleh itu, pelbagai langkah drastik perlu diambil untuk melindungi binatang-binatang ini.

TATABAHASA

1. Kata Tugas: Kata Seru

Kata Seru digunakan untuk melahirkan berbagai-bagai perasaan.

Kata Seru	Perasaan
aduh	untuk menyatakan rasa sakit
aduhai	untuk melahirkan rasa sedih
ah	untuk menyatakan tidak setuju, runsing, atau keluhan
amboi	untuk menyatakan rasa hairan atau untuk mengusik
cis / cih	untuk menyatakan perasaan marah atau benci
eh	untuk menyatakan kehairanan (terkejut)
hai	untuk menarik perhatian, hairan, atau keluhan
hore	untuk menyatakan rasa suka atau mengejek
nah	untuk mempelawa seseorang menerima sesuatu atau mengambil sesuatu
oh	untuk menyatakan terkejut, hairan, kecewa, atau menjadi yakin
syabas	untuk menyatakan bagus
wah	untuk menyatakan kehairanan, terkejut, dan kagum
wahai	untuk menyatakan perasaan merayu

感叹词
Kata Seru

Kata Seru!!!

LATIHAN

A. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan Kata Seru.

感叹词
Kata Seru

1. _____, kamu telah berjaya!
2. _____, pasukan kita sudah menang!
3. _____, tingginya wau itu!
4. _____, orang yang tidak tahu malu!
5. _____, mengarut sahaja!
6. _____, manjanya adik bongsu awak!
7. _____, pedihnya lukaku!
8. _____, pucatnya muka awak!
9. _____, dompet saya sudah hilang!
10. _____ anakku, ikutilah nasihat ibu!
11. _____, aku tidak percaya!
12. _____, kita berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu!
13. _____, malangnya nasibku!
14 . _____, ambillah hadiah ini!
15. _____, rupa-rupanya kamu yang mencuri tadi!

B. Lengkapkan perbualan berikut dengan kata seru, kemudian lakonkan perbualan tersebut.

Jamil : _____, Kim Lai!

Kim Lai : _____, rupa-rupanya awak yang menegur saya!

Jamil : Ke manakah kamu pergi pada cuti yang lalu?

Kim Lai : Saya melancong ke negeri Sabah di Bawah Bayu!

Jamil : _____, seronoknya!

Kim Lai : Saya ada membelikan awak cenderamata. _____, ambillah ini!

Jamil : _____, comelnya anak patung orang utan ini! Terima kasih!

Kim Lai : Sama-sama.

2. Ayat Seruan

Ayat seruan melahirkan perasaan penutur seperti marah, sedih, kagum, dan hairan.

Ada dua jenis Ayat Seruan:

i. Ayat Seruan dengan Kata Seru
ii. Ayat Seruan Tanpa Kata Seru

A. Ayat Seruan dengan Kata Seru

Perhatikan contoh Ayat Seruan dengan Kata Seru di bawah ini. Lafazkan ayat-ayat seruan tersebut dengan nada yang betul.

1. Aduh, sakitnya kaki aku!
2. Wah, cantik betul pemandangan di sini!
3. Cis, bencinya aku tengok muka dia!
4. Amboi, cantik pakaian hari ini!
5. Eh, bila kamu balik!

感叹词
Kata Seru

Ciri-ciri Ayat Seruan dengan Kata Seru adalah seperti berikut:

a. Semua ayat di atas menggunakan Kata Seru seperti hai, oh, wah, nah, dan amboi.

b. Tanda koma (,) dibubuh selepas Kata Seru.

c. Semua Ayat Seruan berakhir dengan Tanda Seru (!).

B. Ayat Seruan Tanpa Kata Seru

Perhatikan contoh Ayat Seruan di bawah ini kemudian lafazkan ayat-ayat tersebut dengan nada yang betul.

1. Tolong! Tolong!
2. Tidak berguna!
3. Tangkap pencuri itu!

Ayat-ayat Seruan di atas tidak menggunakan Kata Seru tetapi berakhir dengan Tanda Seru (!).

LATIHAN

A. Ayat-ayat di bawah merupakan Ayat Seruan. Tandakan (✓) bagi ayat yang menggunakan Kata Seru yang betul dan (✗) bagi ayat yang salah menggunakan Kata Seru. Betulkan ayat yang salah kemudian tulis ayat yang betul pada ruangan yang disediakan.

1. Aduhai, malangnya nasibku! ( )

   _____.

2. Cis, segaknya pegawai polis itu! ( )

   _____.

3. Wah, ambillah duit ini! ( )

_____.

4. Berani engkau mencabar saya. ( )

_____.

5. Amboi, cantiknya baju kurung kamu! ( )

_____.

6. Wahai, sama-samalah kita perangi dadah! ( )

_____.

7. Amboi, peningnya kepala saya! ( )

_____.

8. Hore, aku tidak bersetuju dengan cadangan kamu! ( )

_____.

9. Oh, kamu yang menconteng dinding rupanya! ( )

_____.

10. Nah, habis duit aku ditipunya! ( )

_____.

3. Imbuhan peR- dan peN-

Imbuhan peR- dan peN- boleh bergabung dengan semua Kata Dasar untuk menghasilkan Kata Nama terbitan.

A. Imbuhan peR-

Bentuk imbuhan peR- dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu;



Imbuhan peR- tidak banyak menghasilkan Kata Nama Terbitan. Tiada pengguguran berlaku pada huruf pertama Kata Dasar apabila bercantum dengan imbuhan peR.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
antara	per + antara	perantara
tapa	per + tapa	pertapa
bara	per + bara	perbara
buru	per + buru	perburu
tani	pe + tani	petani
niaga	pe + niaga	peniaga

LATIHAN

A. Jelaskan maksud perkataan-perkataan berimbuhan peR- di bawah ini berpandukan kamus.

Kata Dasar	Kata Terbitan
tandang	pertandang
tinju	petinju
taruh	pertaruh
suruh	pesuruh
bahasa	perbahasa

B. Imbuhan peN-

Bentuk imbuhan peN- dapat dibahagikan kepada enam jenis, iaitu;



Bentuk imbuhan peN- berubah-ubah bergantung pada huruf pertama Kata Dasar. Cuba perhatikan perubahan bentuk imbuhan peN- di bawah ini.

i. peN- menjadi pe- apabila bergabung dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf-huruf m, n, ny, ng, r, l, dan w.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
main	pe + main	pemain
naik	pe + naik	penaik
nyanyi	pe + nyanyi	penyanyi
ramah	pe + ramah	peramah
lari	pe + lari	pelari
warna	pe + warna	pewarna

Kata Dasar yang bermula dengan huruf p, t, k, dan s akan mengalami proses pengguguran apabila diimbuhkan awalan pe-.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
pukul	pe + pukul	pemukul
tulis	pe + tulis	penulis
kail	pe + kail	pengail
sakit	pe + sakit	penyakit
suruh	pe + suruh	penyuruh

ii. peN- menjadi pem- apabila diimbuhkan pada Kata Dasar yang bermula dengan huruf b dan kata pinjaman yang bermula dengan p, v, f serta p.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
bawa	pem + bawa	pembawa
veto	pem + veto	pemveto
fitnah	pem + fitnah	pemfitnah
proses	pem + proses	pemproses
boikot	pem + boikot	pemboikot

iii. peN- menjadi pen- apabila bergabung dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf-huruf d, c, j, sy, z dan kata pinjaman yang bermula dengan t serta s.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
dakwa	pen + dakwa	pendakwa
cari	pen + cari	pencari
jahat	pen + jahat	penjahat
syair	pen + syair	pensyair
ziarah	pen + ziarah	penziarah
takbir	pen + takbir	pentakbir
stabil	pen + stabil	penstabil

iv. peN- menjadi peng- apabila diimbuhkan pada Kata Dasar yang bermula dengan huruf g, kh, h, a, e, i, o, u dan kata pinjaman yang bermula dengan huruf k.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
galak	peng + galak	penggalak
khianat	peng + khianat	pengkhianat
hasut	peng + hasut	penghasut
atur	peng + atur	pengatur
edar	peng + edar	pengedar
ikat	peng + ikat	pengikat
olah	peng + olah	pengolah
ubat	peng + ubat	pengubat
kritik	peng + kritik	pengkritik

v. peN- menjadi penge- apabila diimbuhkan pada Kata Dasarnya hanya ada satu suku kata.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
bom	penge + bom	pengebom
lap	penge + lap	pengelap

vi. peN- menjadi pel apabila diimbuhkan dengan satu perkataan sahaja dalam bahasa Malaysia, iaitu

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
ajar	pel + ajar	pelajar

LATIHAN

A. Berikan makna bagi perkataan-perkataan berimbuhan peN- di bawah.

pelawak penidur penyabar
penggali pemabuk pengetua penjual
pembajak penukul penulis

B. Dalam setiap ayat berikut terdapat dua patah perkataan yang perlu diberikan imbuhan peR- atau peN- seperti mana yang telah digariskan. Kenal pasti imbuhan yang sesuai bagi perkataan tersebut kemudian tulis ayat-ayat tersebut semula.

1. Encik Kamarudin yang murah itu suka menolong minta sedekah.
2. Tonton memberikan tepukan gemuruh kepada ceramah yang dijemput untuk menyampaikan ceramahnya.
3. Sami tua yang sabar itu sanggup menjalani kehidupan sebagai tapa.
4. Cinta burung itu menjelaskan bahawa burung layang-layang yang terbang rendah ialah tanda hari akan hujan.

5. Main handalan badminton itu dilantik sebagai adil Kejohanan Badminton Piala Uber.
6. Tenaga ajar yang diambil sebagai syarah universiti itu berkelulusan tinggi.
7. Bahan keras dibubuh untuk membekukan susu getah. Selepas itu, kepingan getah yang terhasil akan digelek dengan gelek.
8. Arah filem itu memberikan tunjuk ajar tentang cara berlakon kepada lakon baru itu.

TEKNIK PEMBELAJARAN

1. Membina Perenggan Karangan

Sesuatu karangan yang baik mestilah terdiri daripada:

a. perenggan pendahuluan
b. perenggan isi
c. perenggan penutup

A. Membina perenggan pendahuluan karangan

Perenggan pendahuluan memberikan gambaran awal tentang isu yang dibincangkan.

Perenggan pendahuluan karangan biasanya terdiri daripada 3 hingga 4 ayat, iaitu:

- Ayat 1: Ayat rangsangan
- Ayat 2: Ayat rangsangan
- Ayat 3: Ayat rangsangan
- Ayat 4: Bayangan isi

B. Membina perenggan isi karangan

Perenggan isi mengemukakan maklumat tentang isu yang dibincangkan.

Perenggan isi karangan biasanya terdiri daripada 3 hingga 4 ayat, iaitu:

- Ayat 1: Ayat isi utama (isi yang dibincang dalam perenggan tersebut)
- Ayat 2: Ayat huraian isi
- Ayat 3: Ayat huraian isi
- Ayat 4: Kesimpulan kecil/contoh

C. Membina perenggan penutup karangan

Perenggan penutup membuat kesimpulan tentang isu yang dibincangkan.

Perenggan penutup karangan biasanya terdiri daripada 2 hingga 3 ayat, iaitu:

- Ayat 1: Ayat penyimpul (kesimpulan isi yang disampaikan)
- Ayat 2: Ayat cadangan
- Ayat 3: Ayat harapan

2. Contoh karangan jenis pendapat

Tempat-tempat Pelancongan di Malaysia

[1] Melancong ialah kegiatan yang banyak mendatangkan kebaikan. [2] Banyak orang yang suka melancong ke luar negeri. [3] Sebenarnya, di negara kita sendiri tidak kurangnya tempat pelancongan yang menarik. [4] Semua pusat pelancongan ini mempunyai daya tarikannya yang tersendiri.

Perenggan pendahuluan:

- memberikan gambaran awal tentang isu yang dibincangkan.
- Ayat 1: Ayat rangsangan
  Ayat 2: Ayat rangsangan
  Ayat 3: Ayat rangsangan
  Ayat 4: Bayangan isi

[1] Salah satu pusat pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong ialah tempat-tempat bersejarah. [2] Antara tempat bersejarah yang popular ialah Bandar Raya Bersejarah Melaka. [3] Di sini pengunjung dapat melihat kesan-kesan peninggalan sejarah. [4] Dengan melawat ke tempat bersejarah, kita akan lebih memahami sejarah tanah air kita.

Perenggan isi:
- mengemukan maklumat tentang isu yang dibincangkan
- satu perenggan satu isi
- Ayat 1: Ayat isi utama
  Ayat 2: Ayat huraian isi
  Ayat 3: Ayat huraian isi
  Ayat 4: Kesimpulan kecil

[1] Selain itu, kawasan peranginan tanah tinggi juga amat digemari oleh penduduk Malaysia. [2] Tanah Tinggi Cameron, Gunung Tahan, dan Gunung Kinabalu ialah pilihan peminat kawasan tanah tinggi. [3] Kini, aktiviti seperti mendaki bukit dan meredah hutan semakin mendapat sambutan daripada masyarakat.

Perenggan isi:
- Ayat 1: Ayat isi utama
  Ayat 2: Ayat huraian isi
  Ayat 3: Kesimpulan kecil

[1] Malaysia juga terkenal dengan kawasan pantainya. [2] Pantai Port Dickson, Teluk Cempedak, Pantai Cahaya Bulan adalah antara pusat pelancongan yang terkenal. [3] Laut yang membiru dan pasir yang memutih di kawasan pantai amat mempesonakan. [4] Oleh itu, ramai pengunjung yang bermandi-manda atau berkelah di sini pada hujung minggu.

Perenggan isi:
- Ayat 1: Ayat isi utama
  Ayat 2: Ayat huraian isi
  Ayat 3: Ayat huraian isi
  Ayat 4: Kesimpulan kecil

[1] Kesimpulannya, pusat-pusat pelancongan di dalam negeri telah banyak menyediakan peluang berekreasi kepada penduduk Malaysia. [2] Pihak berkenaan hendaklah sentiasa berusaha untuk membuka dan memajukan pusat-pusat pelancongan yang baharu. [3] Dengan ini, sektor pelancongan Malaysia tentu akan terus berkembang pesat.

Perenggan isi:
- Ayat 1: Ayat isi utama
- membuat kesimpulan tentang isu yang dibincangkan
- Ayat 1: Ayat penyimpul
  Ayat 2: Ayat cadangan
  Ayat 3: Ayat harapan
- membuat kesimpulan
- cadangan + kesan

LATIHAN

A. Selepas meneliti contoh tadi, tentu anda telah mendapat gambaran tentang cara menulis perenggan karangan yang lengkap. Sekarang, cuba susun ayat-ayat di bawah untuk menghasilkan perenggan pendahuluan, isi, dan penutup yang lengkap.

CARA MELINDUNGI ALAM SEMULA JADI DI MALAYSIA

Perenggan pendahuluan
Namun, pembangunan yang tidak terkawal kian mengancam keharmonian alam semula jadi.
Keindahan alam semula jadi di Malaysia merupakan kurniaan Tuhan yang tidak ternilai.
Oleh itu, kita harus memelihara dan mempertahankan warisan semula jadi kita.
Alam semula jadi ialah tempat perlindungan untuk pelbagai spesies fauna dan flora.

Ayat rangsangan 1: _____

Ayat rangsangan 2: _____

Ayat rangsangan 3: _____

Bayangan isi: _____

Perenggan isi
Oleh itu, cara pengurusan hutan ini amat berkesan untuk melindungi alam semula jadi.
Salah satu langkah untuk memelihara alam semula jadi ialah mewujudkan taman negara.
Taman Negara Bako di Sarawak dan Taman Negara Kinabalu di Sabah adalah antara taman negara yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia.
Di sini, hidupan liar boleh membiak dan hidup bebas kerana terselamat daripada ancaman.

Ayat isi utama: _____

Ayat huraian isi: _____

Ayat huraian isi: _____

Kesimpulan: _____



Perenggan penutup
Hanya dengan cara ini, generasi masa depan kita dapat mewarisi khazanah alam yang seimbang dan harmoni.
Sikap bertanggungjawab manusia merupakan elemen penting untuk memanjangkan hayat alam kita.
Sebagai kesimpulannya, alam semula jadi perlu dilindungi demi keseimbangan alam.

Ayat penyimpul: _____

Ayat cadangan: _____

Ayat harapan: _____

BAHAGIAN SASTERA

Baca puisi di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Negeri Cinta

Alam adalah sebahagian daripada kita
alam adalah syurga bumi
cinta kepadanya cinta jutaan bunga-bunga
cinta kepadanya cinta jutaan jiwa manusiawi.

Di sanalah negeri tercantik
negeri terlindung di luar penglihatan
negeri kerinduan, negeri penghijrahan
dari buruan kehidupan yang mencekik.

Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran
ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan
ini langit kita, lindungilah dari keracunan
ini sungai kita, lindungi dari pembuangan.

Malaysia negeri alam dunia sebelah sini
negeri impian, negeri gemerlapan
lindungilah dari keganasan-keganasan modenisasi
negeri cinta, negeri budaya, negeri perpaduan.

(dipetik dari Sehijau Warna Daun, Nahmar Jamil)

Maksud Puisi

RANGKAP 1

Penyajak menegaskan bahawa alam adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Oleh itu, alam dan manusia saling memerlukan. Alam memberikan kenikmatan, keindahan dan tempat tinggal kepada manusia.

RANGKAP 2

Penyajak menyatakan bahawa keharmonian manusia dengan alam menjadikan alam sebuah tempat yang indah. Tempat yang indah inilah menjadi tumpuan semua orang, terutama bagi mereka yang hidup dalam kesusahan dan inginkan tempat yang lebih selesa.

RANGKAP 3

Penyajak mengajak kita untuk memelihara dan melindungi keaslian alam. Keaslian alam yang hendak dipelihara itu ialah laut, hutan, udara, dan sungai. Semua ini janganlah dicemarkan atau dimusnahkan.

RANGKAP 4

Negeri yang dimaksudkan oleh penyajak dalam sajak ialah negara kita Malaysia. Negara kita merupakan negara yang kaya dengan alam semula jadi, budaya, dan penduduknya hidup aman damai. Keadaan ini hendaklah dipertahankan terutama persekitaran dan keharmonian penduduk yang berbilang kaum.

Maksud Rangkai Kata

1. keganasan-keganasan modenisasi: kemusnahan kemajuan

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah bertanggungjawab untuk memelihara keindahan alam sekitar.
2. Kita hendaklah cinta akan negara kita.

Soalan Kefahaman

1. Apakah jenis puisi di atas?
   A. pantuan dua kerat
   B. syair
   C. sajak
   D. pantun empat kerat

2. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan rima akhir rangkap ketiga?
   A. a-b-a-b
   B. a-a-a-a
   C. a-b-c-d
   D.a-a-b-b

3. Antara yang berikut yang manakah merupakan pengajaran bagi puisi di atas?
   A. bekerjasama melindungi keindahan alam sekitar yang sedia ada
   B. hendaklah cinta akan negara, budaya dan memelihara keharmonian negara lain
   C. hendaklah belajar dengan bersungguh-sungguh supaya berjaya besok hari
   D. hendaklah menghormati ibu bapa

4. Penyajak membandingkan keindahan alam seperti di mana?
   A. syurga bumi
   B. ruang angkasa
   C. dunia fantasi
   D. dasar laut

1. syurga: tempat roh manusia yang baik-baik berada 天堂
2. manusiawi: bersifat manusia 仁慈的
3. penghijrahan: perpindahan 迁移
4. mencekik: menyusahkan 受苦
5. impian: angan-angan 梦想
6. gemerlapan: berkilat-kilat 闪烁

Sastera Melayu
Sastera Melayu

TOKOH BAHASA MELAYU

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Munsyi Abdullah（文希）

Abdullah bin Abdul Kadir dilahirkan di Melaka pada tahun 1795. Walaupun beliau merupakan darah campuran bangsa Arab dan bangsa India, tetapi beliau menganggap dirinya sebagai seorang Melayu. Sejak kecil lagi, Abdullah telah banyak mempelajari bahasa, antaranya bahasa Arab, bahasa Tamil, bahasa Hindustan, bahasa Inggeris, dan bahasa Melayu.



Beliau memulakan kerjaya pertamanya bersama ayah beliau iaitu menulis dokumen[1] dan surat-surat rayuan[2]. Beliau mengajarkan bahasa Melayu kepada askar-askar India dan British serta mubaligh[3] Barat. Selain itu, beliau juga merupakan jurubahasa[4] kepada Stamford Raffles. Dengan ilmu bahasa yang luas dan sebagai guru yang baik, beliau digelar sebagai 'Munsyi' yang bermaksud 'ahli bahasa'.

Kosa kata

1. **dokumen:**
   sesuatu yang bertulis yang dijadikan keterangan atau bukti
   文件[wén jiàn]
2. **surat rayuan:**
   surat memohon pertimbangan
   申诉信[shēn sù xìn]
3. **mubaligh:**
   penyebar ajaran agama
   传教士[chuán jiào shì]
4. **jurubahasa:**
   penterjemah
   通译员
   [tōng yì yuán]

Munsyi Abdullah merupakan penulis pertama digelar Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Hal ini kerana, hasil-hasil karya dan penulisannya menggunakan teknik[5] atau stail[6] berbentuk laporan yang lazimnya tidak terdapat dalam karya sastera Melayu lama. Gaya beliau mengemukakan tulisannya juga merupakan satu pembaharuan[7] terhadap bentuk tradisi sebelumnya. Tema-tema karyanya tidak lagi bersandarkan[8] cerita-cerita dongeng[9] dan khayalan[10], sebaliknya karya-karya beliau lebih terdedah kepada mesej-mesej yang berbau kritis[11], positif, dan progresif [12].

Karya beliau merupakan penulisan Melayu pertama yang dicetak. Antara karya beliau yang terkenal ialah Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan (1838) dan Hikayat Abdullah (1848). Karya-karya beliau biasanya berlatarbelakangkan persoalan tentang masyarakat zamannya yang hidup di bumi nyata. Beliau banyak menimbulkan kontroversi[13] melalui karya-karyanya. Namun demikian, sumbangannya terhadap dunia kesusasteraan Melayu cukup bererti.

Pada tahun 1852, beliau menziarahi[14] tempat suci Mekah dan meninggal dunia di Jeddah, Arab Saudi. Peninggalan karya-karya penulisan Munsyi Abdullah merupakan inspirasi[15] kesusasteraan Melayu moden.

Kosa kata

5. **teknik:**
   kaedah mencipta sesuatu hasil seni 手法[shǒu fǎ]
6. **stail:**
   cara atau gaya sesuatu hasil seni 风格[fēng gé]
7. **pembaharuan:**
   membaharui 改革[gǎi gé]
8. **bersandarkan:**
   bergantung pada 依靠[yī kào]
9. **dongeng:**
   cerita fantasi 神话[shén huà]
10. **khayalan:**
    angan-angan 幻想[huàn xiǎng]
11. **kritis:**
    bersifat mengkritik 批判性的[pī pàn xìng de]
12. **progresif:**
    maju 前进的[qián jìn de]
13. **kontrovesi:**
    perselisihan atau pertelingkahan pendapat antara dua pihak 争论[zhēng lùn]
14. **menziarahi:**
    melawat 朝拜[cháo bài]
15. **inspirasi:**
    ilham 灵感[líng gàn]

KEFAHAMAN

(A) Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Dari manakah Munsyi Abdullah berasal?
   A. Arab B. Indonesia C. India D. Melaka

2. Apakah maksud 'Munsyi' dalam petikan yang dibaca?
   A. ahli sains B. ahli ekonomi
   C. ahli bahasa D. ahli politik

3. Mengapakah Munsyi Adullah boleh digelar sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden?
   A. tema karya beliau lebih kepada cerita dongeng
   B. mesej karya beliau lebih kepada kritis, pemikiran positif, dan progresif
   C. cerita karya beliau berlatarbelakangkan bumi khayalan
   D. cerita karya beliau adalah berunsur imaginasi

4. Golongan manakah yang tidak pernah diajar bahasa Melayu oleh Munsyi Abdullah?
   A. askar-askar India B. askar-askar British
   C. mubaligh Timur D. mubaligh Barat

5. Bilakah Munsyi Abdullah meninggal dunia?
   A. abad ke-19 B. abad ke-18
   C. abad ke-17 D. abad ke-16

(B) Jawap semua soalan di bawah berpanduan petikan yang dibaca.

1. Nyatakan bahasa-bahasa yang dipelajari oleh Munsyi Abdullah.
2. Pada abad ke berapakah merupakan kegemilangan Munsyi Adullah?
3. Senaraikan dua karya Munsyi Abdullah yang terkenal.
4. Karya Munsyi Abdullah berlatarbelakangkan masyarakat yang hidup di bumi nyata. Apakah yang dimaksudkan dengan 'bumi nyata'?
5. Pada pendapat anda, kenapakah kita harus mengingati seseorang tokoh?

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

menganggap: meng + ang + gap	mempelajari: mem + pe + la + ja + ri
dokumen: do + ku + men	rayuan: ra + yu + an
mengajarkan: me + nga + jar + kan	stail: s + ta + il
dongeng: do + ngeng	khayalan: kha + ya + lan
inspirasi: in + spi + ra + si	

Kemusykilan saya:

MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Kesantunan Berbahasa

Panggilan kekeluargaan Pertalian Darah diwakili oleh perkataan-perkataan seperti Long, Ngah, Anjang, Cik, Busu atau Su. Panggilan ini memperlihatkan urutan mengikut kelahiran, iaitu:

i.	Long atau Along (singkatan bagi sulung)	- anak pertama
ii.	Ngah atau Angah (singkatan bagi tengah)	- anak kedua
iii.	Lang atau Alang (singkatan bagi alang)	- anak ketiga
iv.	Anjang atau Njang	- anak keempat
v.	Cik atau Acik (singkatan bagi kecil)	- anak sebelum yang terakhir
vi.	Busu atau Su atau Usu (singkatan bagi bongsu)	- anak yang terakhir

Maka gabungan nama kekeluargaan asas Abang (bang) dan kakak (kak) menjadi:

i. Bang Long/Kak Long
ii. Bang Ngah/Kak Ngah
iii. Bang Lang/Kak Lang
iv. Bang Njang/Kak Njang
v. Bang Cik/Kak Cik
vi. Bang Su/Kak Su

2. Lagu 3: Bahasa Jiwa Bangsa

Dengar lirik lagu dengan teliti kemudian isi tempat kosong.

Lagu: Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah Bahasa Kebangsaan kita
Marilah amalkan ramai-ramai
Bahasalah _____ kita semua
Yakinlah Bahasa _____ Bangsa

Marilah mari rakyat semua
Buktikan _____
Dengan satu bahasa

Maju _____ dan maju negara
_____ bahasa kita
Bahasa Jiwa Bangsa

MENULIS

1. Karangan Jenis Cerita

Dengan berpandukan rangka-rangka yang disediakan di bawah ini, tulislah suatu karangan berbentuk cerita yang panjangnya antara 100 hingga 120 patah perkataan. Tajuk karangan ialah "Rajin Berusaha Tangga Kejayaan".

Rangka Karangan

Pendahuluan:

Tin belajar dalam tingkatan 1 – semua mata pelajaran gagal – kecuali bahasa Cina – guru menegur – ibu bapa marah – Tin susah hati – rajin meningkatkan prestasi pelajaran

Perenggan 2:

ikuti nasihat guru – sediakan jadual ulang kaji – rajin membuat latihan

Perenggan 3:

bangun awal untuk ulang kaji – sering berbincang dengan guru dan kawan

Perenggan 4:

buat persediaan awal – rasa kurang gementar – lebih yakin

Penutup:

guru dan ibu bapa gembira – kawan-kawan mengucapkan tahniah – membuahkan hasil yang membanggakan

2. Peribahasa – Perumpamaan

Perumpamaan ialah susunan kata yang indah dan ringkas serta mempunyai maksud yang tersirat. Biasanya perumpamaan dimulakan dengan perkataan yang tertentu seperti bagai, ibarat, laksana, seperti, dan umpama.

Peribahasa (perumpamaan)	Maksud	Contoh dalam ayat
bagai dihiris dengan sembilu 心如刀割	kepedihan hati kerana dilukai	Hati Zakiah bagai dihiris dengan sembilu apabila anak kesayangannya bersikap derhaka.
seperti minyak dengan air 水火不容	orang yang bermusuhan dan tidak sehaluan	Walaupun Che Ibrahim dengan Che Ismail merupakan adik beradik, tetapi mereka seperti minyak dengan air kerana asyik bergaduh sahaja.
bagai aur dengan tebing 守望相助	hidup saling membantu	Kita hendaklah sentiasa memberi bantuan dan menerima jasa orang bagai aur dengan tebing.
seperti limau masam sebelah 不公平的对待	hukuman yang tidak adil	Kesalahan Sheng Long dan Siew Thin adalah sama, tetapi hukuman yang dikenakan oleh cikgu tidak setimpal seperti limau masam sebelah.

buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali 多做好事，勿做坏事	menasihati kita supaya selalu berbuat baik	Hassan menasihati adiknya supaya berbuat baik sesama manusia seperti kata peribahasa buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.
masuk telinga kanan, keluar telinga kiri 耳边风	enggan mendengar nasihat yang diberi	Emak selalu menasihati abang supaya tekun belajar, tetapi teguran itu selalu masuk telinga kanan, keluar telinga kiri, akhirnya abang gagal dalam peperiksaan.

TATABAHASA

1. Kata Adjektif

Kata Adjektif atau Kata Sifat ialah kata yang menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu Kata Nama atau Frasa Nama. Pada kali ini, kita akan mempelajari Kata Adjektif Cara, Kata Adjektif Perasaan, dan Kata Adjektif Pancaindera.

A. Kata Adjektif Cara

Maksud	Contoh		Contoh Dalam Ayat
Kata Adjektif Cara ialah jenis perkataan yang memberikan pengertian keadaan kelakuan atau ragam, sebagai penerang Kata Nama.	cepat lincah laju sering selalu	perlahan gopoh lancar deras	1. Nenek dapat membaca dengan lancar setelah memakai cermin mata. 2. Penglihatan Kakak Ita sering kabur sejak kebelakangan ini.

B. Kata Adjektif Perasaan

Maksud	Contoh	Contoh Dalam Ayat
Kata Adjektif ini terdiri daripada perkataan yang memberikan pengertian konsep perasaan, sebagai penerang Kata Nama dan harus diikuti oleh Kata Sendi Nama.	rindu segan benci suka ragu gembira kasih berahi sayang marah	1. Ayah marah akan Abang Long yang gagal dalam peperiksaan kali ini. 2. Ibu gembira apabila dihadiahkan sebentuk cincin oleh bapa.

C. Kata Adjektif Pancaindera

Maksud	Contoh	Contoh Dalam Ayat
Kata Adjektif jenis ini terdiri daripada perkataan yang memberikan pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh, atau gabungan kelima-lima indera sebagai penerang Kata Nama.	sedap masin manis tawar pahit lemak payau lazat kelat masam pedas	1. Mata Siti berair apabila dia makan tomyam yang pedas itu. 2. Buah mangga itu manis walaupun kulitnya masih berwarna hijau.

LATIHAN

Isi tempat kosong berpandukan Kata Adjektif yang baru kita pelajari dan nyatakan jenisnya.

1. Mereka pulang ke Malaysia dengan _____ apabila mendapat berita tentang datuk ditimpa kemalangan.
2. Saya menggunakan sehelai sapu tangan untuk menutup hidung ketika melalui kawasan pasar ikan yang berbau _____.
3. Pelajar beratur dengan _____ ketika menunggu giliran membeli makanan di kantin sekolah.
4. Lagu nyanyian Siti Nurhaliza memang _____ maka lagu-lagu nyanyiannya sering menjadi siulan para remaja.
5. Encik Ali dan keluarganya berasa _____ kerana terpaksa berpisah dengan anaknya yang akan melanjutkan pelajaran di England.
6. Ah Meng tidak dapat tidur dengan _____ kerana gangguan nyamuk.

7. Wong Siew Meng berasa _____ kerana dipuji oleh guru di hadapan kelas.

8. Perdana Menteri kita telah memberikan penerangan dengan _____ tentang masalah ekonomi itu kepada para wartawan.
9. Perempuan tua itu mengusapi kepala anak bongsunya dengan _____.
10. Pemandu teksi itu _____ pulang lewat ke rumah.

2. Ayat Tunggal

Ayat Tunggal ialah ayat yang mengandungi hanya satu klausa, iaitu satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu subjek dan satu predikat. Subjek ialah bahagian ayat yang diterangkan. Predikat ialah bahagian ayat yang menerangkan subjek.

Contohnya, dalam ayat Ah Meng mengemas bilik, Ah Meng ialah subjek kerana menjadi bahagian ayat yang diterangkan, manakala mengemas bilik pula merupakan predikat kerana menjadi bahagian ayat yang menerangkan subjek tersebut.

Ah Meng	mengemas bilik.
Subjek	Predikat

A. Binaan Subjek

Subjek Ayat Tunggal terdiri daripada Frasa Nama yang terbentuk daripada salah satu unsur yang berikut:

i. Kata Nama
ii. Kata Ganti Nama
iii. Kata Kerja Yang Berfungsi Sebagai Kata Nama
iv. Kata Adjektif Yang Berfungsi Sebagai Kata Nama

I. Subjek (Kata Nama)

Kata Nama yang menjadi subjek sesuatu ayat boleh terbentuk daripada Kata Nama Am, Kata Nama Khas atau Kata Nama Terbitan.

Contoh

Subjek	Predikat
Kakaknya	jurubahasa.
Sungai ini	sangat kotor.
Meja ini	sudah rosak.
Perpaduan	lambang kebanggaan negara kita.
Doktor Soo Kian Huat	kawan karib saya.

1. Bina dua Ayat Tunggal yang subjeknya terdiri daripada Kata Nama Am.

i. _____.

ii. _____.

2. Bina dua Ayat Tunggal yang subjeknya terdiri daripada Kata Nama Khas.

i. _____.

ii. _____.

3. Bina dua Ayat Tunggal yang subjeknya terdiri daripada Kata Nama Terbitan.

i. _____.

ii. _____.

II. Subjek (Kata Ganti Nama)

Kata Nama yang menjadi subjek sesuatu ayat boleh terbentuk daripada Kata Ganti Nama Diri atau Kata Ganti Nama Tunjuk.

Contoh

Subjek (Kata Ganti Nama Diri)	Predikat
Dia	tinggal di Kajang.
Baginda	akan berangkat ke Mekah.
Kami	pelajar Tingkatan Satu Ikhlas.

Subjek (Kata Ganti Nama Tunjuk)	Predikat
Ini	tapak baharu surau.
Itu	rumah abang saya.
Ini	alasan kukuh.

LATIHAN

1. Bina tiga Ayat Tunggal yang subjeknya terdiri daripada Kata Ganti Nama Diri.

i. _____.

ii. _____.

iii. _____.

2. Bina tiga Ayat Tunggal yang subjeknya terdiri daripada Kata Ganti Nama Tunjuk.

i. _____.

ii. _____.

iii. _____.

III. Subjek (Kata Kerja)

Apabila Kata Kerja menjadi subjek dalam sesuatu ayat, maka Kata Kerja itu akan mengambil tugas sebagai Kata Nama.

Contoh

Subjek	Predikat
Amalan melukis	menjadi kegemarannya.
Pekerjaan bersawah padi	dapat mendatangkan pendapatan.
Perbuatan membuang masa	ialah tabiat yang merugikan kita.
Tabiat merokok	menjejaskan kesihatan.

Subjek (Kata Kerja)	Predikat
Melukis	menjadi kegemarannya.
Bersawah padi	dapat mendatangkan pendapatan.
Membuang masa	ialah tabiat yang merugikan kita.
Merokok	menjejaskan kesihatan.

- Frasa Nama di atas digugurkan dan Kata Kerja dapat bertindak sebagai subjek.

LATIHAN

Bina ayat bagi setiap Kata Kerja di bawah yang berfungsi sebagai subjek.

1. berenang
2. bersenam
3. mengumpul setem
4. bermain badminton
5. membaca

IV. Subjek (Kata Adjektif)

Ada juga Kata Adjektif yang berfungsi sebagai subjek sesuatu ayat, yakni Kata Adjektif tersebut akan mengambil tugas sebagai Kata Nama.

Contoh

Subjek	Predikat
Warna biru	ialah warna kegemaran saya.
Badan kecil	tidak bererti lemah.
Rasa manis	ialah rasa gula.

Subjek (Kata Adjektif)	Predikat
Biru	ialah warna kegemaran saya.
Kecil	tidak bererti lemah.
Manis	ialah rasa gula.

- Frasa Nama di atas digugurkan dan Kata Adjektif dapat bertindak sebagai subjek.

LATIHAN

Lengkapkan bahagian predikat bagi ayat-ayat di bawah.

1. Putih _____.
2. Rajin _____.
3. Jujur _____.
4. Makmur _____.
5. Pahit _____.

B. Binaan Predikat

Predikat sesuatu Ayat Tunggal dapat dibina daripada unsur-unsur utama berikut:

i. Frasa Nama
ii. Frasa Kerja
iii. Frasa Adjektif
iv. Frasa Sendi Nama

I. Predikat Frasa Nama

Binaan Frasa Nama yang menjadi predikat sama seperti Frasa Nama yang berfungsi sebagai subjek dalam sesuatu ayat. Tegasnya, unsur ini boleh terbina daripada Kata Nama Am, Kata Nama Khas, dan Kata Nama Terbitan.

Contoh

Subjek	Predikat (Frasa Nama Am)
Dia	guru.
Pokok ini	pokok getah.
Budak itu	anak jiran saya.

Subjek	Predikat (Frasa Nama Khas)
Baginda	Sultan Johor Darul Takzim.
Sekolah ini	Sekolah Persendirian Kian Kok.
Bangunan itu	Bank Negara.

Subjek	Predikat (Frasa Nama Terbitan)
Ceritanya	hanya khayalan.
Tindakan itu	satu permulaan.

1. Bina dua Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Kata Nama Am.

i. _____.

ii. _____.

2. Bina dua Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Kata Nama Khas.

i. _____.

ii. _____.

3. Bina dua Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Kata Nama Terbitan.

i. _____.

ii. _____.

II. Predikat Frasa Kerja

Frasa Kerja sebagai predikat dalam sesuatu ayat hendaklah terdiri daripada Kata Kerja Transitif atau Kata Kerja Tak Transitif.

Contoh

Predikat

Subjek	Predikat (Frasa Kerja Transitif)
Emak	memasak gulai ikan.
Adik saya	memasuki bilik itu.
Kerajaan	memahami hasrat rakyat.

Subjek	Predikat (Frasa Kerja Tak Transitif)
Sawah padi	menguning.
Adik	menangis.
Abang	keluar dari pejabat itu.

LATIHAN

Predikat

1. Bina tiga Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Frasa Kerja Transitif.

i. _____.

ii. _____.

iii._____.

2. Bina tiga Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Frasa Kerja Tak Transitif.

i. _____.

ii. _____.

iii._____.

III. Predikat Frasa Adjektif

Frasa Adjektif yang berfungsi sebagai predikat terdiri daripada Kata Adjektif.

Contoh

Subjek	Predikat (Frasa Adjektif)
Kereta guru itu	cantik.
Kuih ini	manis.
Adik	pandai.
Rumah di taman ini	cantik-cantik.
Pelajar di sekolah saya	bijak-bijak.

Bina tiga Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Frasa Adjektif.

i. _____.

ii. _____.

iii._____.

IV. Predikat Frasa Sendi Nama

Frasa Sendi Nama yang menjadi predikat terbina daripada Kata Sendi yang diikuti oleh Frasa Nama.

Contoh

Subjek	Predikat (Frasa Sendi Nama)
Cikgu Tan	di kelas saya.
Hadiah ini	untuk abang.
Bas ini	ke Sandakan.

LATIHAN

Bina tiga Ayat Tunggal yang predikatnya terdiri daripada Frasa Sendi Nama.

i. _____.

ii. _____.

iii. _____.

TEKNIK PEMBELAJARAN

Memahami Kehendak Karangan

Pada Unit 11 kita telah membincangkan persediaan mengarang, manakala pada Unit 12 pula kita membincangkan pemerengganan karangan. Sekiranya para pelajar tidak membuat persiapan awal untuk mengarang, atau lemah dalam pemerengganan sesebuah karangan, sudah tentu karangan yang anda hasilkan itu kurang mantap atau mengelirukan pembaca.

Adakah anda sudah menguasai kedua-dua kaedah itu? Jika masih lemah dalam kaedah tersebut, anda hendaklah meminta bantuan daripada guru atau daripada rakan-rakan anda supaya masalah ini tidak berlanjutan.

Pada kali ini, kita akan membincangkan satu tajuk yang berkaitan dengan mengarang, iaitu memahami kehendak karangan. Pada kali ini, kita hanya membincangkan karangan jenis cerita, gambaran, dan khayalan.

Karangan Jenis Cerita

Contoh pemerian

Suasana pada malam itu sungguh sunyi. Semua orang tidak berani bersuara, hanya menunduk dan bersenyap-senyap. Sesekali terdengar suara haiwan liar menjerit dari hutan berdekatan. Suara jeritan itu amat menggerunkan.

Aku yang mula kesejukan sudah menggigil. Dalam hatiku bertanya, adakah abang akan ditemui? Bilakah dia akan keluar dari hutan?

Contoh dialog

"Ayah, tengok siapa yang datang!" Laung Usin.

"Siapatah yang datang dekat-dekat dengan waktu maghrib," balas ayah.

"Marilah tengok sendiri, ayah," jerit Usin.

"Siapa pula akan datang?" Ayah bercakap sambil menuju ke ruang tamu.

Karangan Jenis Gambaran/Keperihalan

Contoh

Ketika tetamu bergerak ke dewan makan, para pelajar yang terlibat dengan persembahan telah bersedia di atas pentas. Para tetamu kelihatan kagum dan terpukau oleh persembahan mereka. Anggota pancaragm sekolah kami kelihatan segak bergaya dengan uniform mereka yang berwarna merah kuning. Mereka mempersembahkan lagu-lagu yang menghiburkan dan berjaya menceriakan majlis makan malam tersebut.

Karangan Jenis Khayalan/Imaginasi

BAHAGIAN SASTERA

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Remaja

Aku telah remaja!

Aku berdiri lurus-lurus di depan cermin besar. Kuperhatikan tubuhku yang agak tinggi lampai. Hampir separas batang tubuh ayah. Aku merenung wajahku. Beberapa biji jerawat kelihatan menjenguk di pipi dan di kening. Ah, ini tanda aku sudah remaja. Aku sudah meninggalkan alam kanak-kanak yang penuh dengan kebodohan itu.

Aku sekarang sudah remaja!

Aku senyum. Daging pipi terkuak. Gigi berlapis-lapis terserlah. Gigi taring di sebelah kiri nampak agak panjang; tersembul, tetapi tidak mengapa. Hal ini akan menjadi pemanis senyumanku.

Benarkah aku sudah remaja?

Aku mematikan senyuman. Air muka kutenangkan. Wajahku kembali seperti tadi. Aku mengangkat jari lalu meraba parut kecil yang menyerong di bawah dagu. Ah, hal ini kerana kenakalanku semasa kecil. Kenapakah aku terjun ke dalam sungai itu? Kalau aku tidak terjun, sudah tentu daguku tidak tersangkut pada ranting buluh. Sekarang parut ini mencacatkan parasku sedikit tetapi tidak mengapa. Banyak orang yang lebih cacat, lebih hodoh di dunia ini.

Aku telah remaja dan bergelar seorang bujang. Namun, fesyen rambutku tidak sesuai untuk remaja. Ini fesyen rambut murid darjah dua. Aku bukan murid sekolah rendah lagi. Aku pelajar sekolah menengah sekarang. Tidak beberapa tahun lagi aku akan berhenti sekolah. Aku akan bekerja untuk menyara diri sendiri.

Fesyen rambut ini sudah ketinggalan zaman. Sekarang anak-anak muda tidak memakai fesyen rambut semacam ini lagi. Lihat penyanyi-penyanyi pop, lihat bintang-bintang filem, malah ahli-ahli sukan pun sudah berambut gondrong. Aku mesti mengikut peredaran zaman, tetapi bagaimanakah aku boleh berambut gondrong? Peraturan sekolah melarang keras aku berambut semacam itu. Pelajar yang berambut panjang menjadi sasaran guru disiplin.

Ya, aku sudah remaja. Keinginanku juga terasa bukan macam budak-budak hingusan lagi. Aku telah bermimpi tentang Hui Leng. Aku juga bermimpi tentang Bee Fen. Ah, seronok dan manisnya. Barangkali Hui Leng bermimpi tentang aku pula. Tentu Bee Fen juga bermimpi dengan aku. Ah, tentulah aku sudah remaja, sedang meningkat dewasa. Aku dapat menunjukkan kemampuanku sebagai seorang anak lelaki muda remaja.

Betulkah Hui Leng juga mengingati aku? Betulkah Bee Fen juga memikrkanku? Kedua-dua orang gadis itu menarik hatiku. Di sekolah, Shi Quan, Chi Kuan, Zhi Yong, dan Tian Wei selalu mengusik mereka. Mereka juga tertarik kepada Bee Fen dan Hui Leng. Shi Quan pernah mengatakan dia akan pilih gadis seperti Hui Leng atau Bee Fen untuk dijadikan isteri.

Aku takut hendak mengusik Hui Leng dan Bee Fen. Aku takut akan dimarahi oleh mereka di depan kawan-kawan. Malu! Walau bagaimanapun, aku sangat tertarik kepada mereka berdua. Sekali dua ada juga mereka menguntumkan senyuman kepadaku. Ah, berdebar hati.

Soalnya, adakah mereka suka akanku? Adakah mereka tertarik kepada

diriku yang kurus ini? Adakah parut di dagu dan taringku ini memburukkan aku? Adakah suaraku yang garuk ini mencacatkan aku? Aku lemas juga memikirkannya.

"Heng Wai!"

Aku nampak Hui Leng menggamitku. Hui Leng bersama kawannya Bee Fen sedang duduk di sudut kantin sekolah.

"Apa hal?"

"Boleh tolong kami tak?"

"Tolong apa?"

"Cakaplah, boleh tolong tak?"

"Boleh."

"Hah, macam itulah kawan!" Cakap Hui Leng.

Mereka berdua berdekah-dekah. Kemudian Bee Fen mengeluarkan sepucuk surat dari poket bajunya. Hui Leng juga mengeluarkan sepucuk sampul surat dari poket bajunya.

Hui Leng tersenyum.

"Kau baik dengan Shi Quan dan Zhi Yong kan?"

"Ya, kenapa?"

"Kau boleh tolong kami kan?"

"Ya."

"Tolong berikan kedua-dua pucuk surat ini, ya! Yang satu untuk Shi Quan dan satu lagi untuk Zhi Yong.

Tanganku lambat sahaja mengambil kedua-dua pucuk surat itu. Hatiku enggan.

"Kenapa tak berikan sendiri?" Tanyaku dengan nada meninggi.

"Ah, malulah," cakap Bee Fen.

"Apa yang dimalukan. Kan mereka tu sekelas dengan kita."

"Itulah yang lebih memalukan."

"Kalau cikgu tau?"

"Ah, pandai-pandailah sikit."

Aku melipat dan memasukkan kedua-dua pucuk surat itu ke dalam poket seluar. Aku beredar dari situ. Hatiku cukup marah.

Apakah yang kurang pada diriku? Bukankah aku juga seperti mereka? Bukankah aku juga sudah remaja?

Lebih baik surat ini jangan diberikan kepada Shi Quan dan Zhi Yang supaya mereka tidak berutus surat.

Bodohlah aku jika jadi posmen; posmen yang malang. Hal ini memang tidak boleh dibiarkan.

Sewaktu pulang dari sekolah, aku masih mengingati kedua-dua pucuk surat yang masih tersimpan di dalam poket seluar. Apakah isi surat-surat itu? Ya, aku tidak akan melepaskan peluang ini.

"Heng Wai."

"Oh, kau, Shi Quan," aku berhenti setelah menoleh.

"Kenapa tergesa-gesa sangat? Hai, tak tunggu kawan lagi!"

"Aku…, aku nak balik cepat."

"Eh, tak guna tergesa-gesa. Kan hari ini bas kita datang lambat."

Aku melangkah dengan perlahan. Shi Quan dan Zhi Yong melangkah panjang-panjang. Sebentar kemudian kami sudah beriringan. Aku menundukkan kepala. Aku teringatkan kedua-dua pucuk surat yang tersimpan baik di dalam poket.

"Aku tengok kau muram saja, kenapa?" Tanya Zhi Yong.

"Tak ada apa-apa."

Di dalam bas aku tidak bercakap. Khayalanku terus berlalu dari detik ke detik seperti perjalanan bas itu. Pandangan kulontarkan keluar melalui tingkap bas, tetapi aku sendiri tidak sedar apa-apa benda yang kulihat. Fikiran aku amat kacau. Kenapa Hui Leng tidak suka akan aku? Kenapakah Bee Fen tidak menulis surat kepada aku?

Sesampai di rumah, aku buru-buru masuk ke bilik. Aku melintas di hadapan ibu yang sedang melipat kain.

"Hai, Heng Wai, kenapa lambat hari ini?"

"Bas akan lambat setiap Rabu, mak."

Emakku terdiam. Dia terus melipat kain, tetapi matanya sempat juga mengerling aku. Sebenarnya dia agak hairan juga melihat aku tergesa-gesa.

Setiba di dalam bilik, aku terus mengunci pintu. Sejak di dalam bas aku sudah berfikir bahawa tindakan itulah yang harus kulakukan terlebih dahulu. Kalau pintu bilik terbuka, macam-macam boleh berlaku. Kemungkinan emak akan masuk secara tiba-tiba. Kemungkinan adikku datang bertanyakan sesuatu. Aku berasa lebih selamat jika pintu itu dikunci. Aku dapat membaca kandungan surat-surat itu dengan tenang.

Dengan tangan menggigil salah satu daripada sampul surat itu pun diluruskan. Aku membuka sampul surat itu dengan hati-hati lalu menarik keluar isinya. Lembaran biru itu pun kutatap. Debaran hatiku kian kencang.

"Saudara Shi Quan yang budiman," aku mula membaca surat yang pertama. "Leng sangat berhutang budi kepada saudara. Saudara tentulah tahu bahawa Lenglah yang memecahkan cermin tingkap kelas kita kan? Leng berasa takut. Kalau cikgu tahu hal ini tentu Leng kena marah di khalayak ramai. Alangkah malunya."

"Sebenarnya Leng bukan sengaja memecahkan cermin tingkap itu. Rupa-rupanya ada orang yang bersimpati akan Leng. Saudaralah yang melindungi Leng daripada malu. Saudara sanggup membayar kerugian itu. Bersama dengan surat ini Leng kepilkan wang berjumlah 10 ringgit sebagai gantinya. Terimalah wang ini. Budi baik saudara itu tak dapat Leng lupakan sampai bila-bila. Ikhlas daripada Chan Hui Leng."

Selesai sahaja surat itu dibaca, aku termenung. Aku melipat lembaran itu semula lalu kumasukkan ke dalam sampul bersama wangnya sekali.

Bagaimana ini? Nampaknya hubungan ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan. Hui Leng sudah memuji Shi Quan. Shi Quan sudah dipuja dan disanjungnya. Alangkah kembangnya hati Shi Quan mendapat pujian daripada Hui Leng. Aku pula bagaimana?

Aku mengeluarkan sampul surat yang satu lagi. Aku membuka sampul surat itu dengan tangan yang masih menggigil. Surat itu pendek sahaja isinya, tetapi cukup menggugupkan hatiku.

"Saudara Zhi Yong," aku membacanya. "Persatuan Sejarah akan mengadakan lawatan ke ibu kota bulan depan. Saudara pergikah? Kalau saudara pergi, beritahulah segera. Bee Fen ingin pergi kalau saudara turut bersama dalam rombongan itu. Beritahu cepat, tau? Yang menunggu, Bee Fen."

Aduh, alangkah sakitnya hatiku setelah membaca isi kedua-dua pucuk surat ini! Nampaknya Hui Leng dan Bee Fen sudah terlepas ke tangan orang. Shi Quan dan Zhi Yong sudah dapat memenangi hati mereka. Sudah berapa lamakah berlakunya perhubungan ini? Hui Leng! Bee Fen! Aku bertepuk sebelah tangan? Bodohkah aku?

Aku mengetap bibir; geram. Mukaku merah menyala. Aku meramas kedua-dua pucuk surat itu. Aku memandang cermin besar di depanku. Aku menatap tubuhku lama-lama. Hatiku semakin kacau.

Sudah remajakah aku? Ya, aku sudah remaja. Aku harus berfikir seperti seorang remaja. Aku akan menjadi dewasa. Aku harus mempunyai fikiran yang bijaksana. Hal ini ialah satu ujian buat seseorang yang telah remaja.

Aku melepaskan genggaman. Kedua-dua pucuk surat yang telah terperonyok itu kuangkat dan kurenung. Sesudah itu aku mendengar suara emakku memanggil.

(dipetik dan disesuaikan daripada Jejak Remaja, Othman Rasul)

Sinopsis

Heng Wai, Shi Quan dan Zhi Yong merupakan kawan baik. Heng Wai ada hati dengan kawan sekelas mereka, iaitu Hui Leng dan Bee Fen. Namun demikian, kedua-dua orang gadis tersebut hanya menganggapnya sebagai kawan baik.

Pada suatu hari, Hui Leng meminta Heng Wai menghantar sepucuk surat kepada Shi Quan untuk mengucapkan terima kasih kerana menolongnya untuk mengaku kesalahan memecahkan cermin. Di samping itu, Hui Leng juga ingin membayar wang ganti rugi akibat memecahkan cermin berjumlah 10 ringgit.

Pada masa yang sama, Bee Fen juga meminta Heng Wai menghantar sepucuk surat kepada Zhi Yong untuk mendapat kepastian sama ada Zhi Yong mengikut rombongan yang diadakan oleh Persatuan Sejarah atau tidak.

Dengan sikap yang tidak jujur dan niat yang buruk, Heng Wai tidak melakukan pesanan Hui Leng dan Bee Fen, sebaliknya dia telah membuka dan membaca isi kandungan surat tersebut. Selepas membaca kandungan surat tersebut Heng Wai amat marah dan geram kerana kedua-dua orang gadis pujaannya sudah terlepas ke tangan kawannya.

兴伟(Heng Wai)、世权(Shi Quan)和智勇(Zhi Yong)是好朋友。兴伟钟情于他班上的女生，慧玲(Hui Leng)和美芬(Bee Fen)，但是这两位女生只当兴伟是好朋友。某一天，慧玲和美芬要求兴伟分别把两封信交给世权和智勇。表面上兴伟答应帮他们这个忙，但是心里却是一万个不愿意。由于兴伟心里满怀嫉妒和愤怒，兴伟后来不但没有把信件转交给世权和智勇，而且还偷看了信中的内容。看完了信件的内容，兴伟感到非常生气因为他意思到自己所喜欢的女生已经喜欢上别人了。

Kamus Kaki

1. lampai : langsing 苗条
2. merenung : memandang 注视
3. terkuak : terbuka ke kiri dan kanan 分开
4. meraba : menyentuh 触摸
5. garuk : garau 沙哑
6. berutus : saling berkirim surat 互相通讯
7. tergesa-gesa : tergopoh-gapah 匆匆忙忙
8. menggigil : gementar 发抖
9. termenung : berfikir panjang 沉思
10. dipuja : dijunjung 被崇拜
11. disanjung : dipuji 被赞扬
12. menggugupkan : menggagapkan 使慌张
13. mengetap : merapatkan 咬紧
14. meramas : memeras dan mengumpul-ngumpul 揉成团
15. menatap : memandang dengan teliti 注视
16. terperonyok : renyuk 皱的

Maksud Rangkai Kata

1. berambut gondrong : mempunyai rambut panjang 留长发
2. budak hingusan : kanak-kanak 乳臭味未干
3. berhutang budi : menerima kebaikan orang lain 欠人情

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah berpegang kepada janji.
2. Kita tidak harus terlalu mementingkan kecantikan rupa.
3. Kita hendaklah bersyukur dengan apa-apa yang kita ada.
4. Kita tidak boleh terlalu percaya kepada seseorang.

Soalan Kefahaman

1. Siapakah Aku seperti yang dimaksudkan dalam cerpen di atas?
   A. Shi Quan B. Heng Wai
   C. Zhi Yong D. Chi Kuan

2. Antara berikut yang manakah bukan sikap Aku?
   A. cepat marah B. yakin diri
   C. mungkir janji D. bermoral

3. Di manakah Hui Leng dan Bee Fen meminta Aku menghantar surat?
   A. stesen bas B. bilik darjah
   C. rumah Aku D. kantin sekolah

4. Siapakah sebenarnya yang memecahkan cermin tingkap kelas?
   A. Hui Leng B. Shi Quan
   C. Bee Fen D. Zhi Yong

5. Di manakah Aku menyimpan surat yang diberi oleh Hui Leng dan Bee Fen?
   A. laci B. kocek
   C. beg D. sampul

Catatan:



PERAYAAN DI MALAYSIA

MEMBACA DAN MEMAHAMI

Hari Raya Aidilfitri

Dua hari lagi, Rosli sekeluarga serta semua umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 1 Syawal. Pagi-pagi lagi, Rosli sekeluarga bersiap sedia untuk balik ke kampung. Antoni, jiran baharunya yang berasal dari negeri Sabah sedang bersenam di perkarangan rumah.

Antoni : Selamat pagi, Rosli.

Rosli : Eh, Antoni. Selamat pagi. Wah, rajinnya Antoni. Pagi-pagi lagi sudah bangun untuk membuat senaman.

Antoni : Sudah biasa. Lagipun, banyak bersenam akan menyihatkan badan. Eh, hendak balik ke kampung?

Rosli : Ya. Kami sekeluarga nak balik ke kampung petang nanti. Dua hari lagi kami akan menyambut[1] Hari Raya Puasa.

Antoni : Oh, begitu! Eh, Rosli, saya ingin tahu bagaimana sambutan Hari Raya Aidilfitri di Semenanjung Malaysia. Bolehkah Rosli ceritakan?

Rosli : Apa salahnya. Tentulah saya sudi berkongsi pengalaman. Di Semenanjung, Hari Raya disambut dengan meriah[2] sekali. Semua umat Islam[3] yang bekerja di bandar atau jauh dari kampung akan pulang ke kampung halaman untuk merayakan hari kebesaran ini bersama ibu bapa dan keluarga mereka. Kepulangan anak-anak dan sanak saudara[4] yang jauh sentiasa dinanti-nantikan oleh ibu bapa di kampung.

Antoni : Apakah yang dilakukan oleh Rosli pada pagi Hari Raya pertama?

Rosli : Kami bangun awal lalu membersihkan diri. Selepas itu, kami sekeluarga akan berziarah ke kubur arwah[5] datuk dan nenek. Selepas balik dari menziarahi[6] kubur, kami bersiap-siap untuk bersembahyang Hari Raya di

Kosa kata

1. **menyambut:**
   merayakan, memuliakan
   迎接[yíng jiē]
2. **meriah:**
   besar-besaran, ramai
   盛大的[shèng dà de], 隆重的[lóng zhòng de]
3. **umat Islam:**
   pemeluk atau penganut agama Islam
   回教徒[huí jiào tú]
4. **sanak saudara:**
   kaum keluarga
   亲戚[qīn qì]
5. **arwah:**
   kata yang digunakan untuk menyebut seseorang yang telah meninggal dunia
   已故的[yǐ gù de]
6. **menziarahi:**
   mengunjungi 参拜[cān bài]

masjid. Kami mengenakan[7] pakaian baharu lalu ke masjid untuk menunaikan[8] sembahyang Hari Raya. Sebelum itu, kami bersalam-salaman[9] dan bermaaf-maafan dengan ibu bapa dan anggota keluarga yang lain atas kesilapan-kesilapan yang lepas.

Antoni : Selepas itu?

Rosli : Selepas itu, kami menziarahi rumah sanak saudara dan jiran-jiran yang terdekat. Kami menjamu selera[10] dengan pelbagai jenis kuih dan makanan tradisional[11] seperti ketupat, lemang, dan rendang. Duit raya akan diberikan kepada kanak-kanak. Sesetengah umat Islam mengadakan rumah terbuka. Mereka yang bukan beragama Islam digalakkan supaya mengunjungi rumah handai taulan dan jiran tetangga yang beragama Islam. Kami akan menyambut mereka dengan tangan terbuka. Maklumlah, kunjung-mengunjungi[12] dapat mempererat[13] hubungan antara kaum dan memperkukuh[14] perpaduan negara. Eh, Antoni, apabila saya balik dari kampung nanti, datanglah ke rumah saya!

Antoni : Wah, peluang ini tentu tidak akan saya lepaskan! Terima kasih, kerana sudi mengundang[15] saya.

Kosa kata

7. **mengenakan:**
   memakai (pakaian)
   穿上[chuān shàng]
8. **menunaikan:**
   mengerjakan tugas
   执行[zhí xíng]
9. **bersalam-salaman:**
   saling bertukar salam
   互相握手为礼
   [hù xiāng wò shǒu wéi lǐ]
10. **menjamu selera:**
    menikmati makan
    尽情享用
    [jìn qíng xǐang yòng]
11. **tradisional:**
    mengikut tradisi
    传统[chuán tǒng]
12. **kunjung-mengunjungi:**
    saling bertandang
    互相拜访
    [hù xiāng bài fǎng]
13. **mempererat:**
    merapat perhubungan
    使更密切
    [shǐ gèng mì qiè]
14. **memperkukuh:**
    menjadikan lebih kukuh atau lebih kuat
    使更巩固
    [shǐ gèng gǒng gù]
15. **mengundang:**
    mempelawa
    邀请[yāo qǐng]

Rosli : Sama-sama. Eh, sudah lama kita berbual-bual di sini! Saya hendak minta diri dulu. Semasa saya tiada di rumah, bolehkah Antoni tolong melihat-lihat dan menjaga rumah kami?

Antoni : Sudah tentu boleh. Janganlah risau. Berayalah dengan gembira di kampung. Baiklah, selamat jalan dan jumpa lagi. Selamat Hari Raya.

Rosli : Terima kasih, jumpa lagi.

KEFAHAMAN

A. Pilih jawapan yang sesuai untuk setiap soalan objektif di bawah.

1. Dari manakah Antoni berasal?
   A. Utara Semenanjung Malaysia
   B. Malaysia Timur
   C. Pantai Timur Semenanjung Malaysia
   D. Pantai Barat Semenanjung Malaysia

2. Berapa lamakah umat Islam berpuasa?
   A. sehari
   B. seminggu
   C. sebulan
   D. setahun

3. Apakah maksud 'rumah terbuka'?
   A. rumah yang pintunya terbuka luas
   B. rumah yang boleh dimasuki oleh sesiapa sahaja
   C. sejenis rumah yang menjadi keunikan Malaysia
   D. majlis makan dan ramah mesra di rumah seseorang yang terbuka kepada sahabat handai

4. Antara yang berikut yang manakah bukan makanan tradisional kaum Melayu?
   A. kuih bakul
   B. ketupat
   C. kuih seri muka
   D. rendang

5. Antara perayaan-perayaan berikut, perayaan apakah yang disambut oleh umat Islam?
   I. Hari Raya Aidilfitri
   II. Hari Asyura
   III. Hari Wesak
   IV. Maulidur Rasul

   A. I , II , dan III saja
   B. I , II , dan IV saja
   C. I, III dan IV saja
   D. II , III , dan IV saja

B. Jawab semua soalan di bawah berpandukan petikan yang dibaca.

1. Bilakah umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri?
2. Siapakah yang dinanti-nantikan oleh ibu bapa di kampung menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri?
3. Mengapakah amalan kunjung-mengunjungi digalakkan sempena sambutan perayaan?
4. Apakah yang perlu kita lakukan sekiranya jiran kita tiada di rumah?

5. Secara ringkas, nyatakan perkara-perkara yang dilakukan oleh umat Islam pada hari pertama perayaan Hari Raya Aidilfitri.

C. Padankan simpulan bahasa berikut dengan maknanya yang tepat.

1. minta diri	*	*	menerima kunjungan dengan sukacita
2. tangan terbuka	*	*	meminta izin untuk beredar
3. handai taulan	*	*	rakan-rakan

SEBUTAN BAKU

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut.

aidilfitri: ai + dil + fi + tri	umat: u + mat
senaman: se + na + man	menyambut: me + nyam + but
mengenakan: me + nge + na + kan	mengunjungi: me + ngun + ju + ngi
meriah: me + ri + ah	mempererat: mem + per + e + rat
mengundang: me + ngun + dang	arwah: ar + wah

MENDENGAR DAN BERTUTUR

Aktiviti 1 :

Guru lukisan telah memberi tugasan kepada anda untuk mereka kad ucapan sambutan suatu perayaan. Sediakan panduan untuk membuat kad rekaan anda itu kemudian terangkan cara-cara anda mereka kad tersebut kepada kawan-kawan sekelas.

Aktiviti 2 :

Secara berpasangan, bincang dan kumpulkan maklumat tentang salah satu perayaan seperti perayaan Hari Deepavali, Hari Natal, Pesta Menuai, Hari Gawai, dan sebagainya. Kemudian, sampaikan maklumat tersebut di hadapan kelas.

Persoalan-persoalan dibawah dapat dijadikan panduan ketika anda mencari maklumat tersebut.

- Apakah yang dirayakan?
- Bilakah perayaan itu disambut?
- Siapakah yang merayakannya?
- Mengapakah perayaan tersebut dirayakan?
- Apakah persediaan yang dibuat?
- Apakah upacara yang diadakan?
- Berapa lamakah perayaan itu berlangsung?
- Bagaimanakah suasana sambutan perayaan tersebut?
- Apakah kebaikan menyambut sesuatu perayaan?

Aktiviti 3 :

Menyanyi Lagu Hari Raya

Dengar Lagu Hari Raya yang dimainkan kemudian isi ruangan yang dikosongkan dengan rangkai kata yang terdapat dalam lirik lagu.

Lagu: Suasana Hari Raya

Hai selamat hari raya
Kami semua ucapkan

_____

Yang kami sediakan

Sila jamu selera
Dengan bermacam hidangan
Pilih yang mana suka

_____

Rasalah ketupat ini

_____

Sudilah rasa kuihku
Pilihlah yang mana satu

Hai di hari begini
Kita menjamu selera

_____

Di suasana hari raya



MENULIS

Surat Kiriman Tidak Rasmi

Berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam Aktiviti 2, tulis sepucuk surat kepada sahabat pena anda yang tinggal di Indonesia untuk menceritakan salah satu perayaan di Malaysia.

TATABAHASA

1. Imbuhan Awalan mempeR-

Imbuhan awalan mempeR- digunakan untuk membentuk Kata Kerja Transitif dan wujud dalam satu bentuk sahaja. Imbuhan awalan ini dapat bergabung dengan Kata Dasar yang terdiri daripada Kata Nama, Kata Adjektif, dan Kata Tugas.

Contoh

Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Terbitan
alat	memper + alat	memperalat
suami	memper + suami	mempersuami
luas	memper + luas	memperluas
oleh	memper + oleh	memperoleh
ramai	memper + ramai	memperamai
rapat	memper + rapat	memperapat

Peringatan! Apabila Imbuhan Awalan mempeR- digabungkan dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf r akan berlaku pengguguran huruf r tersebut.

LATIHAN

A. Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah.

1. memperhamba
2. memperingan
3. mempermudah
4. memperkemas
5. memperlembu

B. Berikan imbuhan mempeR- kepada kata-kata berikut, kemudian isi tempat kosong dengan menggunakan perkataan tersebut.

besar | indah | hamba | isteri | oleh | dalam | lebar | licin | erat | kecil

1. Pihak kerajaan telah bersetuju untuk _____ jalan yang sempit itu.
2. Pekerja-pekerja sedang _____ sungai itu.
3. Kalau saya _____ sejuta ringgit, saya akan melaburkan kesemua wang itu.
4. Tumpahan minyak itu telah _____ jalan selepas hujan lebat.
5. Lampu berwarna-warni yang dipasang sempena sambutan perayaan Hari Raya Puasa itu telah _____ pemandangan di ibu kota.
6. Anak yang derhaka itu _____ ibu kandungnya sendiri.
7. Si miskin itu berharap agar dapat _____ gadis kaya itu.
8. Amalan kunjung-mengunjungi sempena sambutan perayaan dapat _____ hubungan antara satu sama lain.

9. Janganlah kamu suka _____ kebolehan dirinya walaupun dia mengalami kecacatan tangan.
10. Sikap suka _____ perkara-perkara yang remeh sememangnya tidak digemari ramai.

2. Penjodoh Bilangan

Fahami penggunaan Penjodoh Bilangan di bawah ini.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
baris	benda yang disusun dalam satu baris Contoh: rumah teres, meja, askar	Beberapa baris rumah papan sementara akan dibina untuk menempatkan mangsa-mangsa bencana alam.
batang	benda yang panjang dan keras Contoh: tongkat, pembaris, sungai	Datuk saya mempunyai dua batang tongkat yang dibelinya dari Sarawak.
cucuk	benda yang dimasukkan ke dalam sebatang kayu halus Contoh: sate, buah jeruk, bebola ikan	Ayah telah membeli dua puluh cucuk sate dari pasar malam.
kawan	kumpulan manusia atau binatang Contoh: perompak, gajah, kambing	Sekawan gajah liar kelihatan di kebun pisang Pak Dol pada petang semalam.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
potong	benda yang telah dibahagi-bahagi supaya menjadi kecil Contoh: kek, daging, roti	Hanya tinggal tiga potong kek di dalam tudung saji itu.
helai	benda yang bersifat panjang, lebar dan tipis Contoh: kain, kertas, rambut	Beberapa helai kertas bersererak di lantai.

LATIHAN

Melengkapkan Ayat

Sempurnakan ayat-ayat di bawah.

1. Tiga baris perajurit..... .
2. Terdapat sebatang sungai..... .
3. Secucuk bebola ikan ..... .
4. Dua kawan ..... .
5. Adik telah memakan dua potong..... .
6. Kakak telah menerima dua helai..... .
7. Sebatang pembaris..... .
8. Tiada sehelai ..... .
9. Meja-meja itu disusun dalam beberapa baris ..... .
10. Lima potong ..... .

TEKNIK PEMBELAJARAN

Pelan

Ibu bapa anda akan mengadakan 'rumah terbuka'. Anda ingin menjemput kawan-kawan ke rumah anda. Perhatikan pelan yang berikut dan isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



ULANG KAJI (B)

Bacaan Tambahan

Legenda Tahun Baru Cina

Di Malaysia terdapat pelbagai perayaan yang disambut oleh pelbagai kaum. Kepelbagaian ini menjadi harta yang dapat mengayakan kebudayaan① negara kita. Semua ini adalah warisan② kita turun-temurun dan telah menjadi sebahagian daripada cara hidup rakyat Malaysia.

Melalui perayaan-perayaan seperti Hari Raya Puasa, Deepavali, Hari Natal, dan Tahun Baru Cina, semangat perpaduan antara semua rakyat Malaysia dapat dipupuk. Suasana mesra dan semangat perpaduan dapat dipelihara dengan saling mengunjungi rumah sahabat handai pada hari-hari perayaan itu.

Tahun Baru Cina merupakan perayaan yang terpenting bagi kaum Cina. Tarikh perayaan Tahun Baru Cina berdasarkan takwim③ orang Cina yang berasaskan sistem lunar, iaitu pengiraan hari mengikut peredaran bulan. Mengikut pengiraan ini, tahun lunar hanya mengandungi 354 hari.

Mengikut sistem solar yang berasaskan peredaran matahari, terdapat 365 hari dalam setahun.

Tahun Baru Cina disambut pada hari pertama dalam bulan pertama takwim orang Cina. Pada zaman kuno, perayaannya diadakan sebagai tanda kesyukuran④ setelah mereka memperoleh hasil tuaian yang lumayan. Ada satu legenda yang menarik di sebalik perayaan terbesar masyarakat Cina ini.

Pada suatu malam musim sejuk, seekor raksasa muncul dengan tidak semena-mena ⑤ dan melancarkan serangan kilat. Sebagai akibatnya, banyak nyawa yang terkorban dan banyak harta benda yang binasa. Kawalan ketat segera diadakan sesudah berlaku tragedi⑥ ini, tetapi raksasa itu tidak muncul lagi sehingga dilupakan oleh penduduk-penduduk kampung.

Tidak beberapa lama kemudian, raksasa itu muncul kembali dengan tiba-tiba dan menyerang kawasan tersebut. Dalam serangan kedua ini, lebih banyak nyawa yang terkorban. Satu perhimpunan diadakan dan langkah-langkah yang lebih berkesan diambil untuk mempertahankan kampung tersebut. Namun demikian, raksasa itu tidak muncul-muncul lagi. Raksasa yang dikenali dengan nama Nian itu seolah-olah menunggu sehingga penduduk kampung melupakannya atau leka dan tidak menjaga kampung mereka lagi. Hal ini terbukti apabila raksasa itu datang lagi dan mengakibatkan kemusnahan yang lebih teruk.

Akhirnya, seorang cendekiawan⑦ mendapati bahawa raksasa itu akan mengulang serangannya selepas 354 hari. Menurut beliau, raksasa itu takut dengan bunyi, cahaya, dan warna merah. Itulah sebabnya mercun dibakar untuk mengeluarkan bunyi, pelita dan dian⑧ dinyalakan untuk memberikan cahaya, dan kain atau kertas berwarna merah digantung pada hari itu.

Sejak itu, raksasa tidak pernah muncul lagi dan tidak menyerang kampung tersebut. Untuk memperingati hari itu, satu perayaan diadakan secara besar-besaran. Perayaan itulah perayaan Tahun Baru Cina yang kita sambut bersama-sama sekarang.

(diubahsuai daripada petikan, Tahun Baru Cina Lambang Perpaduan tulisan Goh Hin San dalam Dewan Budaya keluaran Februari 1985)

Kamus Kaki

1. kebudayaan - cara hidup sesuatu masyarakat 文化
2. warisan - harta peninggalan 遗物
3. takwim - kalendar 历书
4. kesyukuran - rasa terima kasih (kepada Tuhan) (对主的)感谢
5. tidak semena-mena - tidak tentu fasal 无缘无故地
6. tragedi - peristiwa yang menyedihkan 悲剧
7. cendekiawan - orang yang bijaksana 有智慧的
8. dian - lilin 烛灯

Latihan Pengukuhan 1

Ceritakan asal-usul salah satu perayaan yang disambut di Malaysia kecuali Tahun Baru Cina.

Latihan Pengukuhan 2

Pilih satu jawapan yang paling sesuai untuk melengkapkan ayat-ayat berikut.

1. Buah epal di atas meja itu sudah.....
   A. lemau
   B. buruk
   C. hapak
   D. lisut

2. Datuk saya sudah ..... sabut itu bertongkat.
   A. bengkok
   B. bongkok
   C. serong
   D. condong

3. " Semoga ..... memperoleh kejayaan," kata Amin kepada Rahman.
   A. baginda
   B. hamba
   C. kamu
   D. kalian

4. Mak Jaimin ..... sedulang air sirap untuk para tetamu.
   A. menjinjing
   B. menatang
   C. mengelek
   D. membimbit

5. Abang selalu ..... perhatian dalam pelajarannya.
   A. mengikut
   B. menurut
   C. mengambil
   D. menumpukan

6. Emak memasukkan ..... garam ke dalam gulai ikan itu.
   A. sebiji
   B. sebutir
   C. secubit
   D. secupak

7. ..... , bergayanya Along hari ini!
   A. Wah
   B. Hai
   C. Ceh
   D. Amboi

8. Tuan Haji Osman akan memberikan ceramah ..... kempen kitar semula pada petang ini.
   A. tentang
   B. akan
   C. daripada
   D. kepada

9. Kuih yang dibuat oleh kakak ..... kerana kekurangan gula.
   A. tawar
   B. manis
   C. masam
   D. pahit

10. Penyeludupan ..... yang diseludup dari negara Thailand telah dibanteras oleh pihak berkuasa.
   A. Kaca mata
   B. Gunung api
   C. Beras Siam
   D. Orang gaji

Latihan Pengukuhan 3

Bubuhkan imbuhan yang sesuai bagi setiap perkataan di dalam kurungan.

1. Hukuman _____ (rotan) pelajar perlu dijalankan dengan adil.
2. Rahim ingin _____ (isteri) Azrina.
3. Kakak tersenyum apabila _____ (tatap) gambar _____nya. (kasih)

4. _____ (ajar) mestilah mematuhi peraturan sekolah.
5. Udara yang tercemar _____ (bahaya) kepada kesihatan.
6. Aini dan Chong Beng tinggal _____ (taman).
7. Kanak-kanak yang tidak _____ (kasut) itu adik Salham.
8. Adik saya comel tetapi _____ (tangis) orangnya.
9. Kami akan _____ (kunjung) ke Kuala Lumpur pada cuti sekolah.
10. Ayah _____ (tebang) pokok rambutan yang sudah lama tidak _____ (buah) itu.

Latihan Pengukuhan 4

Susun perkataan-perkataan berikut supaya menjadi ayat yang tepat.

1. tanah / itu / ibu / menanam / dengan / sayur / mengusahakan

2. pukul / diadakan / petang / tiga / temu janji / telah / pada

3. terlibat / itu / lawatan / dalam / belajar / sambil / bertiga / kami

4. terbabas / parit / ke / lori / sebuah / besar / dalam

5. kemenangan / mengharumkan / bola sepak / negara / nama / telah / kita / pasukan

Latihan Pengukuhan 5

Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi Ayat Tunggal yang gramatis.

1. Rumah itu _____
2. _____telah tercemar.
3. _____ pada hari perayaan.
4. Banjir kilat _____
5. Ibu bapa _____

Latihan Pengukuhan 6

Isikan Penjodoh Bilangan yang telah dipelajari bagi setiap ayat di bawah.

1. Abang Long menghadiahi kekasihnya se_____ bunga mawar.
2. Se_____ pasir masuk ke dalam mata Pak Lang.
3. Tolong bagi saya tiga _____ kertas kosong.
4. Petang tadi, jiran kita memberi se_____ buah rambutan.
5. Harga se_____ sate Kajang ialah RM0.50.
6. Amir memang kuat makan, dia dapat makan tiga _____ nasi lemak setiap pagi.
7. Masukkan dua _____ bawang putih ke dalam sayur goreng itu supaya lebih wangi baunya.
8. Gunakan se_____ tali untuk mengikat tiga _____ tiang ini.
9. Sebelum pergi ke pejabat, bapa makan se_____ kek dan membaca se_____ surat khabar.
10. Tiba-tiba ada se_____ gajah keluar dari hutan itu.

Latihan Pengukuhan 7

Bina dua ayat bagi setiap ragam ayat yang diminta

1. Ayat Tanya
2. Ayat Seruan
3. Ayat Perintah
4. Ayat Penyata

Latihan Pengukuhan 8

Pilih ayat yang menggunakan Tanda Baca yang betul.

1. A. "Jadi, kamu lihat sahaja?" Tanya ibu.
   B. "Jadi, kamu lihat sahaja!" Tanya ibu.
   C. "Jadi? Kamu lihat sahaja," tanya ibu.
   D. "Jadi! Kamu lihat sahaja? Tanya ibu.

2. A. Ah Meng, hendak ke mana? Jika saya ada masa saya boleh hantar. Ke mana jua kamu hendak pergi?
   B. Ah Meng hendak ke mana! Jika saya ada masa, saya boleh hantar ke mana jua. Kamu ingin pergi?
   C. Ah Meng! Hendak ke mana? Jika saya ada masa, saya boleh hantar. Ke mana jua kamu ingin pergi?
   D. Ah Meng hendak ke mana? Jika saya ada masa, saya boleh hantar ke mana jua kamu hendak pergi.

3. A. Wah! Cantik sungguh pemandangan kampung kamu!
   B. Wah, Cantik sungguh pemandangan kampung kamu!
   C. Wah, cantik sungguh pemandangan kampung kamu!
   D. Wah, cantik sungguh pemandangan kampung kamu.

4. A. "Adik, datang sekejap?" Jerit emak yang sedang sibuk di dapur.
   B. "Adik datang sekejap!" Jerit emak yang sedang sibuk di dapur.
   C. Adik, datang sekejap. "Jerit emak yang sedang sibuk di dapur."
   D. "Adik, datang sekejap!" Jerit emak yang sedang sibuk di dapur.

5. A. Hari jadi saya yang ke-13 akan diadakan pada 5 November (Ahad). Hari kemeriahan ini akan disambut di rumah saya yang beralamat 15A-2, Jalan 1/5, Taman Sentosa, 43300 Seri Kembangan, Selangor.
   B. Hari jadi saya yang ke-13 akan diadakan pada 5 November-Ahad. Hari kemeriahan ini akan disambut di rumah saya yang beralamat 15A-2, Jalan 1/5, Taman Sentosa, 43300 Seri Kembangan, Selangor.
   C. Hari jadi saya yang ke13 akan diadakan pada 5 November (Ahad). Hari kemeriahan ini akan disambut di rumah saya yang beralamat 15A-2, Jalan 1/5, Taman Sentosa, 43300 Seri Kembangan, Selangor.
   D. Hari jadi saya yang ke-13 akan diadakan pada 5 November (Ahad). Hari kemeriahan ini akan disambut di rumah saya yang beralamat 15A-2, Jalan 1/5, taman sentosa, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

BAHASA